



**LEMBAGA TABUNG HAJI**  
**LAPORAN TAHUNAN 2012**



Lembaga Tabung Haji (**TH**) meneruskan inisiatif transformasi operasi bagi memberi nilai tambah perkhidmatan kepada semua pihak berkepentingan. **TH** sentiasa memantau pelan perniagaan agar kekal relevan dan berada pada landasan yang kukuh bagi mencapai matlamatnya. Seperti simbol-simbol matematik yang dinamik, **TH** sentiasa melakukan perubahan-perubahan positif, dalam usaha memberi perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi.

Lembaga Tabung Haji (**TH**) continues to implement transformation initiatives in its operations to provide value-added services to its stakeholders. **TH** monitors its business plan closely to remain relevant and on track towards achieving its goals. Just like the dynamic mathematical symbols, **TH** engages in positive changes and constantly progress, in its quest to deliver services beyond expectations.





“Lembaga Tabung Haji (**TH**) ialah sebuah *institusi kewangan Islam terunggul* di Malaysia. **TH** ditubuhkan pada tahun 1963 dengan **50 tahun pengalaman dalam tabungan, pengurusan Haji dan pelaburan**. Merupakan pengurus dana Islam terbesar negara dengan dana melebihi RM38 billion (tahun berakhir 31 Dis 2012), **TH** terus berusaha untuk memajukan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan sumber-sumber dan dana sedia ada”.

“Lembaga Tabung Haji (**TH**) is the premier Islamic financial institution in Malaysia. Established in 1963, **TH** has 50 years of experience in savings, Hajj services and investments. Being the country's largest Islamic fund manager with more than RM38 billion funds (year ended 31 Dec 2012), **TH** endeavours to strengthen the economy of the Malaysian Muslims by capitalizing on its available funds and resources”.





# KANDUNGAN

## CONTENTS

4 **Visi, Misi dan Nilai Teras**  
**Vision, Mission and Core Values**

6 **Sekilas Pandang 2008 – 2012**  
**2008 – 2012 At a Glance**

8 **Ringkasan Prestasi Kewangan 5 Tahun**  
**5-Year Financial Performance Summary**

9 **Statistik 5 Tahun**  
**5-Year Statistics**

 **Menuju ke arah kelestarian organisasi**  
**Moving towards sustainability**

12 **Perutusan Pengerusi**  
**Chairman's Statement**

### **Maklumat Korporat**

- Lembaga Pengarah
- Panel Pelaburan
- Majlis Penasihat Haji
- Carta Organisasi
- Barisan Pengurusan Kanan

### **Corporate Information**

- Board of Directors
- Investment Panel
- Hajj Advisory Council
- Organisation Chart
- Senior Management Team

57 **Penyata Tadbir Urus Korporat**

- Penyata Tadbir Urus Korporat
- Penyata Kawalan Dalaman
- Jawatankuasa Audit
- Laporan Pengurusan Risiko

### **Corporate Governance**

- Statement of Corporate Governance
- Statement of Internal Control
- Audit Committee
- Risk Management Report



**Menambah nilai perkhidmatan dan penyampaian melangkaui ekspektasi**  
**Adding value to services and delivering beyond expectations**

86 **Ulasan Operasi**  
**Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif**

- Perkhidmatan Pelanggan
- Perkhidmatan Haji
- Pelaburan
- Sektor Perladangan
- Sektor Kewangan Islam
- Sektor Hartanah dan Pembinaan
- Sektor Perkhidmatan Lain-lain

### **Operational Review** **Group Managing Director and Chief Executive Officer**

- Customer Service
- Hajj Service
- Investment
- Plantation Sector
- Islamic Finance Sector
- Property Development and Construction Sector
- Other Services Sector



## Memperluaskan peluang untuk pembangunan pemegang berkepentingan

Multiplying opportunities for stakeholders' development

134 **Tanggungjawab Sosial Korporat**  
Corporate Social Responsibility

151 **Pencapaian dan Anugerah**  
Awards and Recognition



**Tumpuan berterusan terhadap kecemerlangan**  
A constant focus on excellence

154 **Kalendar Peristiwa**  
Calendar of Events

172 **Sorotan Media**  
Media Highlights

176 **Carta Perjalanan Haji**  
Hajj Journey Chart

178 **Panduan dan Rangkaian Cawangan**

- Ibu Pejabat **TH**
- Pengarah-pengarah **TH** Negeri
- Pejabat Negeri dan **TH** Cawangan
- Syarikat Subsidiari

### Directory and Branch Network

- **TH** Headquarters
- **TH** State Directors
- **TH** State Offices and Branches
- Subsidiaries

## 190 **Struktur Kumpulan TH**

- Carta Sektor Perladangan
- Carta Sektor Kewangan Islam
- Carta Sektor Pembangunan Hartanah dan Pembinaan
- Carta Sektor Perkhidmatan Lain-lain

### **TH's Group Structure**

- Plantation Sector Chart
- Islamic Finance Sector Chart
- Property Development and Construction Sector Chart
- Other Services Sector Chart



**Mencapai prestasi yang mampan**

Achieving sustainable performance

## 196 **Penyata Kewangan**

- Sijil Ketua Audit Negara
- Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan
- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Pendapatan
- Penyata Pendapatan Komprehensif
- Penyata Perubahan Dana
- Penyata Aliran Tunai
- Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

### **Financial Statement**

(Available in CD version only)



# VISI

## VISION

# MISI

## MISSION

# NILAI TERAS

## CORE VALUES

Tunggak kejayaan ekonomi ummah;  
Pengurusan haji terbilang

The Pillar of the ummah's economic  
success;  
Excellence in hajj management

**Dalam mencapai visi TH, KAMI beriltizam:**

- ▶ Memperkasa Ekonomi Ummah;
- ▶ Sentiasa Giat Mencari Pelaburan Strategik Global dan Lokal Bagi Pertumbuhan Berterusan;
- ▶ Menggembangkan dan Memperkayakan Modal Pendeposit;
- ▶ Memberi Perkhidmatan Cemerlang yang Berterusan;
- ▶ Memudah dan Menyempurnakan Urusan Jemaah ke Arah Haji Mabrur; dan
- ▶ Memberi Pulangan yang Kompetitif, Halal dan Toyibban.

**In achieving TH's vision, WE pledge:**

- ▶ To strengthen the ummah's economy;
- ▶ To remain active in seeking strategic investments locally and globally to ensure sustainable growth;
- ▶ To manage and enrich depositors' funds;
- ▶ To continuously provide excellent services;
- ▶ To facilitate and assist pilgrims in achieving mabrur hajj; and
- ▶ To provide competitive, halal and toyibban returns

- ▶ Profesionalisme
- ▶ Kerja Secara Berpasukan
- ▶ Komited
- ▶ Prihatin, Mesra dan Penyayang
- ▶ Inovatif

- ▶ Professionalism
- ▶ Teamwork
- ▶ Committed
- ▶ Caring, Friendly and Compassionate
- ▶ Innovative

"Tabung Haji sebuah Institusi Pelaburan Islam yang komited dalam membangunkan ekonomi ummah yang bersifat komprehensif, lestari dan mampan selaras dengan Agenda Transformasi Negara dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan menjadi sebuah Negara Maju menjelang 2020".

"Tabung Haji is an Islamic Investment Institution, committed in developing a comprehensive and sustainable economic status for the ummah, in realising the Government's National Transformation Agenda to be a Developed Nation by 2020".

**YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin  
Haji Baharom**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri





# SEKILAS PANDANG 2008 – 2012

## LONJAKAN KUANTUM

keuntungan selepas zakat dan cukai melebihi

### **RM2.0 bilion**

setelah empat tahun berturut-turut melebihi **RM1.0 bilion**

## KEUNTUNGAN BERSIH

keuntungan bersih meningkat dua kali ganda dari **RM1.0 bilion** pada 2008 kepada

### **RM2.1 bilion**

pada tahun 2012

## KEUNTUNGAN

berjumlah

### **RM7.5 bilion**

dalam tempoh 5 tahun

## DANA PENDEPOSIT

meningkat sebanyak 124% dari **RM17.1 bilion** pada awal tahun 2008 kepada

### **RM38.3 bilion**

pada akhir tahun 2012

## BONUS PENDEPOSIT

bayaran bonus meningkat dua kali ganda dari **RM0.9 bilion** pada 2008 kepada

### **RM2.4 bilion**

pada tahun 2012

## KADAR PURATA BONUS

### **5.9 %**

dalam tempoh 5 tahun dan lebih tinggi daripada kadar pasaran wang Perbankan Islam

## KEUNTUNGAN TERKUMPUL DAN RIZAB

keuntungan terkumpul dan Rizab meningkat dua kali ganda dari RM0.6 bilion pada 2008 kepada

### **RM1.8 bilion**

pada akhir tahun 2012



# AT A GLANCE 2008 – 2012

## QUANTUM LEAP

profit after zakat and tax surpassed

**RM2.0 billion**

mark after consistently exceeding **RM1.0 billion** for the past four consecutive years

## DEPOSITORS' FUND

increased by 124% from **RM17.1 billion** in 2008 to

**RM38.3 billion**

at the end of 2012

## RETAINED PROFITS AND RESERVES

retained profits and reserves has increased by two folds from **RM0.6 billion** in 2008 to

**RM1.8 billion**

at the end of 2012

## NET PROFIT

net profit has increased by two folds from **RM1.0 billion** in 2008 to

**RM2.1 billion**

in 2012

## DEPOSITORS' BONUS

bonus payment increased by two folds from **RM0.9 billion** in 2008 to

**RM2.4 billion**

in 2012

## PROFIT

totalling

**RM7.5 billion**

within a period of 5 years

## BONUS AVERAGE RATE

**5.9 %**

within a period of 5 years and higher than the Islamic Banking money market rate



# RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 5 TAHUN

## 5-YEAR FINANCIAL PERFORMANCE SUMMARY

KUMPULAN GROUP	2012 (RM JUTA) (RM MILLION)	2011 (RM JUTA) (RM MILLION)	2010 (RM JUTA) (RM MILLION)	2009 (RM JUTA) (RM MILLION)	2008 (RM JUTA) (RM MILLION)
Pendapatan* Revenue*	<b>6,364</b>	5,554	5,287	3,739	2,378
Keuntungan Operasi* Operating Profit*	<b>2,878</b>	2,412	2,374	1,725	1,098
Keuntungan Tahun Semasa* Profit for The Year*	<b>2,225</b>	2,058	2,013	1,425	1,163
Bonus Pendeposit Depositors' Bonus	<b>2,458</b>	1,678	1,332	1,067	900
Simpanan Pendeposit Depositors' Savings	<b>38,284</b>	31,694	27,115	23,590	20,576
Aset Bersih Net Assets	<b>42,965</b>	34,976	30,805	26,298	21,145
<b>TH</b> <b>TH</b>					
Pendapatan* Revenue*	<b>2,832</b>	2,176	2,056	1,752	1,513
Keuntungan Operasi* Operating Profit*	<b>2,355</b>	1,741	1,648	1,307	1,111
Keuntungan Tahun Semasa* Profit for The Year*	<b>2,146</b>	1,689	1,497	1,120	1,001
Bonus Pendeposit Depositors' Bonus	<b>2,458</b>	1,678	1,332	1,067	900
Simpanan Pendeposit Depositors' Savings	<b>38,284</b>	31,694	27,115	23,590	20,576
Aset Bersih Net Assets	<b>40,125</b>	32,036	28,289	24,275	21,204









\* Pendapatan & Keuntungan Kumpulan dan TH merangkumi prestasi operasi yang dihentikan.

\* Revenue and Profit of Group and TH include discontinued operations.




# STATISTIK 5 TAHUN

## 5-YEAR STATISTICS



\* Merangkumi 6.5% bonus tahunan dan 1.5% bonus khas  
Comprised 6.5% annual bonus and 1.5% special bonus

\*\* Merangkumi RM2,141 juta bonus tahunan dan RM317 juta bonus khas  
Comprised RM2,141 million annual bonus and RM317 million special bonus



**Menuju ke arah kelestarian organisasi**  
**Moving towards sustainability**



## PERUTUSAN PENGERUSI Chairman's Statement

## MAKLUMAT KORPORAT Corporate Information

- Lembaga Pengarah  
Board of Directors
- Panel Pelaburan  
Investment Panel
- Majlis Penasihat Haji  
Hajj Advisory Council
- Carta Organisasi  
Organisation Chart
- Barisan Pengurusan Kanan  
Senior Management Team

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## Corporate Governance

- Penyata Tadbir Urus Korporat  
Statement of Corporate Governance
- Penyata Kawalan Dalaman  
Statement of Internal Control
- Jawatankuasa Audit  
Audit Committee
- Laporan Pengurusan Risiko  
Risk Management Report

# PERUTUSAN PENGERUSI

## CHAIRMAN'S STATEMENT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji hanya bagi Allah S.W.T, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat Baginda.

Alhamdulillah, di sepanjang tahun 2012, Lembaga Tabung Haji (**TH**) berjaya meneruskan langkah dan usaha memperkuuhkan lagi inisiatif-inisiatif transformasi dalaman dan luaran yang telah dilaksanakan pada tahun 2011, yang juga merupakan sebahagian dari rangka Pelan Perniagaan 5 tahun **TH**. Hasilnya, **TH** berjaya merekodkan pencapaian teguh dari segi kewangan dan operasi, dengan memenuhi sasaran utama prestasi dan menepati ekspektasi pelanggan.

In the name of Allah the Most Compassionate and the Most Merciful. All praise is to Allah S.W.T; Peace and blessings be upon the Prophet Muhammad S.A.W and his companions.

Alhamdulillah, throughout 2012, Lembaga Tabung Haji (**TH**) successfully continued its efforts to reinforce the internal and external transformation initiatives implemented in 2011, as part of **TH**'s 5-year Business Plan. As a result, **TH** recorded strong financial and operational performance; meeting key targets and customer expectations.





**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari  
Mohamed Nor**

Pengerusi Lembaga Tabung Haji  
Chairman of Lembaga Tabung Haji

**24%**

**Peningkatan pendapatan  
dan keuntungan selepas  
zakat dan cukai  
Increased in revenue and  
profit after zakat and tax**

Dalam suasana ekonomi global yang mencabar, **TH** mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan tadbir urus korporat serta rangka kerja pengurusan risiko, dan telah berjaya menangani pelbagai cabaran baru yang timbul di sepanjang tahun 2012. Penekanan turut diberikan kepada usaha-usaha penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan bagi mencapai kualiti bertaraf dunia. Secara keseluruhan, **TH** telah mampu memanfaatkan kekuatan sedia ada bagi mencatat pencapaian keseluruhan yang memberangsangkan.

Within a challenging global economic environment, **TH** implemented measures to improve its corporate governance and risk management framework, and successfully addressed various new challenges that emerged in 2012. Emphasis was also placed on upgrading service delivery to international standards. As a whole, **TH** managed to maximise existing strengths to achieve heightened levels of performance.

Bagi pihak Jemaah Lembaga Pengarah **TH**, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji yang turut mengandungi Penyata Kewangan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

## PRESTASI KEWANGAN MEMBERANGSANGKAN

Tahun 2012 merupakan tahun yang mencabar berikutan krisis kewangan global yang turut memberi kesan kepada ekonomi dunia. Namun demikian, **TH** telah berjaya melonjakkan prestasi kewangannya dengan mencatat pendapatan melebihi RM2 bilion selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2010 dan keuntungan bersih buat pertama kalinya melepas RM2 bilion, selepas berjaya berada di aras RM1 bilion selama lima tahun berturut-turut.

Pendapatan **TH** telah meningkat 27% ke RM2.8 bilion berbanding dengan RM2.2 bilion pada tahun 2011 dan keuntungan selepas zakat dan cukai

**TH**, buat julung kalinya mencecah RM2.1 bilion, berbanding RM1.7 bilion pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 24%.

Pertumbuhan saiz dan dana pendeposit terus menunjukkan perkembangan baik kepada jumlah seramai 8.2 juta pendeposit dengan dana terkumpul mencecah RM38.3 bilion, iaitu peningkatan 17% dan 21% masing-masing, berbanding 7 juta pendeposit dan RM31.7 bilion dana pada tahun 2011, sekaligus menunjukkan keyakinan dan kesetiaan pendeposit kepada **TH**.


On behalf of **TH** Board of Directors, I am pleased to present the Lembaga Tabung Haji Annual Report with the audited Group Financial Statements for the financial year ended 31 December 2012.

## ENCOURAGING FINANCIAL PERFORMANCE

Following the global financial crisis, year 2012 was filled with challenges, which impacted the world economy. Nevertheless, **TH** strengthened its financial performance and continued its record of achieving more than RM2 billion in revenue for three consecutive years since 2010. For the first time, net profit also exceeded RM2 billion, after surpassing the RM1 billion mark for five consecutive years.


**TH**'s revenue increased by 27% to RM2.8 billion compared to RM2.2 billion in 2011, while profit after zakat and tax increased by 24% to hit RM2.1 billion for the first time, compared to RM1.7 billion in 2011.

Confidence and loyalty in **TH** was evident as the year saw continued growth of depositors' fund size, which reached 8.2 million depositors with accumulated funds of RM38.3 billion; a 17% and 21% increase respectively compared to 7 million depositors and funds of RM31.7 billion in 2011.



## Sumber Pendapatan **TH**

**TH**'s Source of Income



**“Saiz Dana Pendeposit meningkat 21% dengan jumlah mencecah RM38.3 billion.”**

**“Depositors’ funds increased by 21% to a total of RM38.3 billion.”**

Jumlah aset pelaburan **TH** 2012 terus mencatatkan pertumbuhan yang sihat sebanyak 25% kepada RM39.8 bilion daripada RM31.8 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini adalah hasil alokasi taktikal pelaburan dan tabungan yang konsisten daripada para pendeposit **TH**.

## PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN

Selari dengan prestasi kewangan yang baik pada tahun 2012, jumlah pembayaran zakat perniagaan **TH** meningkat kepada 7% atau RM47.1 juta berbanding RM44.2 juta pada tahun sebelumnya. Zakat perniagaan ini diagihkan dan dibayar kepada Majlis Agama Islam atau Pusat Pungutan Zakat Negeri dan asnaf-asnaf yang layak, berdasarkan purata baki terendah simpanan terkumpul pendeposit bagi setiap negeri sepanjang tahun.

## BONUS ISTIMEWA PENDEPOSIT

Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas **TH** ke-50 yang bakal disambut pada tahun 2013, **TH** telah menghadiahkan bonus istimewa kepada para pendeposit dengan mengisyiharkan pemberian Bonus Jubli Emas kepada 8.2 juta pendeposit, dengan Kadar Bonus Tahunan sebanyak 6.5% dan Bonus Khas sebanyak 1.5%. Pembayaran Bonus Jubli Emas **TH** ini melibatkan jumlah pembayaran hampir RM2.5 bilion, peningkatan sebanyak 47% berbanding RM1.7 bilion pada tahun 2011.

Jumlah pembayaran keseluruhan Bonus Jubli Emas **TH** adalah setelah mengambil kira pembayaran zakat perniagaan sebanyak RM47.1 juta dan cukai sebanyak RM28.4 juta. Ini merupakan jumlah pembayaran bonus yang tertinggi sejak 50 tahun penubuhan **TH**.



**TH**’s total investment asset in 2012 displayed a healthy growth of 25% or RM39.8 billion from RM31.8 billion the previous year. This positive growth was due to tactical investment allocation and consistent savings from **TH** depositors.

## BUSINESS ZAKAT PAYMENT

In line with its excellent financial performance in 2012, **TH**’s total business zakat payout increased by 7% or RM47.1 million compared to RM44.2 million in the previous year. The business zakat was paid out to the Islamic Religious Councils or State Zakat Collection Centres and to eligible recipients, according to the depositors’ average minimum accumulated savings balance for each state throughout the year.

## DEPOSITORS’ SPECIAL BONUS

In honour of **TH**’s 50th Golden Jubilee Celebration in 2013, **TH** announced a special Golden Jubilee Bonus payout to its 8.2 million depositors with 6.5% Annual Bonus Rate and 1.5% Special Bonus. The **TH** Golden Jubilee Bonus payout comprised a total payment of almost RM2.5 billion, an increase of 47% against the RM1.7 billion payout in 2011.

The total **TH** Golden Jubilee Bonus payout was derived after business zakat payment of RM47.1 million and tax payment of RM28.4 million. It represents the highest bonus payout since the formation of **TH** 50 years ago.

### USAHA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sepanjang tahun 2012, **TH** telah menjalankan pelbagai aktiviti tanggungjawab sosial korporat untuk para pemegang kepentingannya. Lebih dari 500 program dan aktiviti yang membabitkan peruntukan melebihi RM150 juta telah dilaksanakan, yang memberi manfaat secara terus kepada lebih 20 ribu Jemaah Haji Malaysia, selain bantuan kebaikan untuk golongan sasar yang memerlukan seperti fakir miskin, orang kurang upaya, ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim di seluruh negara. Program-program pembangunan dan kebaikan lain yang membabitkan golongan pelajar, rakan-rakan niaga **TH** serta para anggota **TH** juga turut dilaksanakan sejajar dengan objektif Tanggungjawab Sosial Korporat **TH**.

### ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

Usaha berterusan **TH** dalam melaksanakan amalan terbaik bertaraf dunia melalui pematuhan kepada piawaian kualiti global, telah membolehkan **TH** mencapai Pensijilan ISO Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) dan ISO 9001 : 2008 bagi Pengurusan Dan Operasi Perkhidmatan Haji di Malaysia dan Arab Saudi. **TH** turut menerima Anugerah Keselamatan Maklumat Siber dan Anugerah Zakat Kebangsaan Kategori GLC 2012 di atas kawalan informasi maklumat dan juga atas keprihatinan **TH** dalam pembangunan golongan asnaf yang memerlukan melalui pembayaran zakat.

### MELANGKAH KE HADAPAN

Bank Negara Malaysia telah mensasarkan perkembangan positif ekonomi Negara sebanyak 5% hingga 6% pada tahun 2013 hasil perbelanjaan domestik yang berdaya tahan dan peluang pelaburan yang mantap. Hasil dari situasi ekonomi ini, **TH** optimistik, namun tetap berwaspada dalam usaha mencari peluang pelaburan yang baru dan bersesuaian di dalam dan luar Negara, bagi memastikan pulangan tinggi untuk tahun kewangan akan datang.

**TH** akan terus melaksana rangka kerja pelan perniagaan yang lebih berdaya saing dan inovatif, di samping meneruskan projek-projek tanggungjawab sosial korporat bagi mengukuhkan lagi nilai jenama korporatnya.

### CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY EFFORTS

Throughout 2012, **TH** conducted various corporate social responsibility activities for its stakeholders. More than 500 programmes and activities involving an allocation of over RM150 million, provided direct benefits to about 20 thousand Malaysian Hajj Pilgrims; aside from providing welfare aid for needy target groups such as the hardcore poor, the disabled, single mothers and orphans throughout the nation. In line with **TH**'s Corporate Social Responsibility objectives, other development and welfare programmes for students, **TH** business partners and **TH** staff were also carried out.

### AWARDS AND APPRECIATION

Through its constant focus on implementing world-class best practices by adhering to global quality standards, **TH** successfully achieved ISO certification for its Information Security Management System (ISMS) and ISO 9001:2008 for Hajj Management and Operations in Malaysia and Saudi Arabia. **TH** also received the Cyber Information Security Award and the National Zakat Award GLC Category 2012 for its efforts in information control and in assisting worthy recipients via zakat payment, respectively.

### MOVING FORWARD

Bank Negara Malaysia has projected positive national growth of 5% to 6% in 2013 thanks to resilient domestic spending and good investment opportunities. Within this encouraging economic situation, **TH** is optimistic but will continue with caution in its quest to seek new and suitable investment opportunities within the country and abroad to ensure good returns for the coming financial year.

**TH** will continue to implement a more competitive and innovative business plan framework and will carry out its corporate social responsibility projects to strengthen its corporate brand.



## PENGHARGAAN

Kejayaan **TH** adalah kejayaan semua dan saya bagi pihak Jemaah Lembaga Pengarah **TH** ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan pihak Kerajaan Malaysia terutamanya YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, para Jemaah Menteri Kabinet, khususnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom yang sentiasa prihatin dan memberi sokongan padu demi kejayaan **TH**.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Pelaburan, Ahli-ahli Jawatankuasa Khas, Pihak Pengurusan dan semua anggota **TH** yang telah memberi komitmen yang tinggi dan perkhidmatan yang cemerlang dalam usaha menjadikan **TH** sebuah organisasi Islam terunggul di Malaysia dan juga Antarabangsa.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua komuniti Muslim Malaysia, terutamanya para pendeposit **TH** di atas sokongan dan kepercayaan berterusan yang telah diberikan kepada **TH**.

Saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T agar semua aktiviti pengurusan, pelaburan dan perniagaan **TH** yang telah dirancang melalui Pelan Perniagaan 5 tahun **TH** akan dipermudahkan dalam usaha untuk memanfaatkan peluang dan menghadapi cabaran pada tahun-tahun mendatang.

Sekian, Terima Kasih.

**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor**  
Pengerusi Lembaga Tabung Haji/Chairman of Lembaga Tabung Haji

## ACKNOWLEDGEMENT

**TH's** success reflects the achievements of all stakeholders, and on behalf of **TH's** Board of Directors, I would like to express my utmost appreciation to the Malaysian Government for their support, particularly to our Prime Minister, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, as well as all Cabinet Ministers, especially the Minister in the Prime Minister's Department, YB Major General Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom; for their continuous support in ensuring **TH's** success.

Utmost appreciation also goes out to all members of the Board of Directors, Investment Panel, Special Committees, Management and staff of **TH** for their commitment and excellent work in positioning **TH** as a premier Islamic organisation in Malaysia as well as in the international arena.

Last but not least, I would also like to express my sincere appreciation to the Muslim community in Malaysia, especially to all **TH** depositors, for their continuous support and unwavering trust in **TH**.

I pray to Allah S.W.T for the success of **TH** and the management, investment and business activities planned for **TH's** 5-year Business Plan, in our effort to maximise opportunities and face further challenges in the years to come.

Thank you.

# LEMBAGA PENGARAH

## BOARD OF DIRECTORS

Pengerusi/Chairman

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari

Mohamed Nor

PSM, SSAP, SIMP, DIMP, SMP

(Tamat Perkhidmatan pada

30 Jun 2013/Completion of

Service on 30 June 2013)



Pengarah Urusan Kumpulan

Dan Ketua Pegawai Eksekutif

Group Managing Director and

Chief Executive Officer

Dato' Paduka Ismee Ismail

PJN, DHMS, DSNS



**Wakil Jabatan Perdana Menteri**  
Prime Minister's Department  
Representative

**Datuk Othman Mahmood**  
PJN, PMW, AMN

**Wakil Perbendaharaan**  
Treasury Representative

**Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah**  
PSM, SSAP, SPSK, DCSM,  
DIMP, DPSK, SAP

**Ahli/Member**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin**  
PSM, DIMP, DSNS, JSM

**Ahli/Member**

**Tan Sri Dato' Hashim Meon**  
PSM, DPMS, KMN



**Ahli/Member**

**Datuk Mohamad Aziz**  
PJN, SMJ, KMN, PIS, BSI,  
AMN, PPN

**Ahli/Member**

**Tan Sri Dato' Paduka Badruddin Amirul din**  
PSM, DHMS, DSDK, BKM,  
PJK, JP

**Ahli/Member**

**Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim**  
PJN, DIMP, JP  
(Meletak Jawatan pada 17 April 2013/  
Resigned on 17 April 2013)  
(Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Julai 2013/  
Appointed as Chairman on 1 July 2013)

**Ahli/Member**

**Ghazali Awang**

# PROFIL LEMBAGA PENGARAH

## BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor

PSM, SSAP, SIMP, DIMP, SMP

#### Pengerusi

#### Chairman

Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Birmingham, United Kingdom  
Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia  
Diploma Pembangunan Pentadbiran, University of Birmingham, United Kingdom

**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari** berasal dari Raub, Pahang. Beliau telah menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1973 dan telah ditempatkan di pelbagai kementerian/jabatan kerajaan. Beliau dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi Lembaga **TH** pada 8 Ogos 2007. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum bersara wajib di dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun 2006. Beliau menamatkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi **TH** pada 30 Jun 2013.

**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari** is from Raub, Pahang. He joined the Malaysian Administrative and Diplomatic Service in 1973 and was attached to various ministries and government agencies. He was officially appointed as Chairman of **TH's** Board of Directors on 8 August, 2007. Prior to that, he was the Secretary General to the Agriculture and Agro-based Ministry before his compulsory retirement from the civil service in 2006. He completed his service as a Chairman of **TH** on 30 June 2013.



**Dato' Paduka Ismee Ismail**

PJN, DHMS, DSNS

**Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Group Managing Director and Chief Executive Officer

Ahli Fellow Chartered Institute of Management Accountants (FCMA)

Ahli Chartered Accountants of Malaysia, CA(M)

**Dato' Paduka Ismee** berasal dari Batu Pahat, Johor. Beliau berpengalaman luas di sektor swasta dengan memegang beberapa jawatan penting di beberapa organisasi, di antaranya Pengurus Besar di sebuah syarikat tersenarai tempatan dan beberapa jawatan kewangan di syarikat pengeluar minyak antarabangsa. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Pengurus Besar Kanan Kewangan di **TH** bermula Disember 2001 hingga November 2003. Kemudiannya beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat broker saham. Dato' Paduka Ismee menyertai semula **TH** sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serentak dengan pelantikannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2006.

**Dato' Paduka Ismee** is from Batu Pahat, Johor. He has vast experience working in the private sector, holding key positions in several organisations, including as a General Manager with a public listed local company and several financial positions with an international oil company. He has served Pengurusan Danaharta Nasional Berhad as the Chief Accountant and was Senior General Manager Finance in **TH** from December 2001 to November 2003. He later joined a stockbroking company as the Chief Executive Officer. Dato' Paduka Ismee rejoined **TH** as the Group Managing Director and Chief Executive Officer following his appointment as a Member of **TH**'s Board of Directors on January 1, 2006.



## PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### Datuk Othman Mahmood

PJN, PMW, AMN

#### Wakil Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Prime Minister's Department Representative (PMO)

Sarjana Pengurusan Sumber Tanah, Universiti Putra Malaysia

Sarjana Muda Sosiologi (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia

Diploma Pentadbiran Awam (INTAN)

**Datuk Othman** berasal dari Muar, Johor. Beliau telah berkhidmat di JPM dari tahun 2006. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di JPM. Sepanjang kerjayanya, beliau telah menyandang beberapa jawatan penting di JPM di antaranya ialah sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Pengurusan Hartanah, Setiausaha Bahagian di Bahagian Kewangan & Pembangunan dan Timbalan Ketua Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Pegawai Kewangan Negeri di Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka. Beliau aktif dalam kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan dan telah dilantik sebagai Pengurus Kelab Bukit Perdana JPM pada tahun 2011 dan Setiausaha Kehormat Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA). Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 16 Januari 2012.

**Datuk Othman** is from Muar, Johor and has been serving in the Prime Minister's Department since 2006. He is currently the Senior Deputy Secretary General and in the course of his career in the Prime Minister's Department, he held several key positions including Secretary of the Property Management Division, Secretary of the Financial and Development Division and Deputy Secretary General. Further to this, he was also the Deputy State Financial Officer in the Melaka State Finance and Treasury Department. He is actively involved in various charity and community activities and was appointed as Chairman of the Kelab Bukit Perdana JPM in 2011 and Honorary Secretary of the Malaysia's Civil Service Golf Club (KGPA). He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 16 January 2012.



**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah**

PSM, SSAP, SPSK, DCSM, DIMP, DPSK, SAP

**Wakil Perbendaharaan**

Treasury Representative

AMP Harvard, Amerika Syarikat

PhD. Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sarjana Sains Pengurusan Tenaga dan Dasar, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat

Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Demografi, Universiti Malaya.

**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar** berasal dari Kota Bharu, Kelantan. Beliau menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 1974 dan ditempatkan di Unit Perancang Ekonomi. Beliau mula bertugas di Kementerian Kewangan pada tahun 2003 dan kini memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Selain berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran kerajaan, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa agensi dan badan kerajaan, antaranya Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Felda Global Ventures Holding Berhad (FGVH), Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Lembaga Kemajuan Tanah (FELDA). Beliau juga dilantik sebagai Pengurus bagi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Cyberview Sdn Bhd. Beliau dilantik secara rasmi sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 1 Mac 2011.

**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar** hails from Kota Bharu, Kelantan. He joined the Malaysian Administrative and Diplomatic Service in 1974 and was assigned to the Economic Planning Unit. His career at the Ministry of Finance began in 2003 and he currently holds the position of Secretary General to Treasury, Ministry Of Finance. Apart from his extensive experience in government administration, he is also a member of several Boards of Directors of various agencies and government bodies such as Malaysia Airline System (MAS), Petroliam National Berhad (PETRONAS), Felda Global Ventures Holding Berhad (FGVH), Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), Malaysia Deposit Insurance Corporation (PIDM) and Lembaga Kemajuan Tanah (FELDA). He is also the Chairman of Kumpulan Wang Amanah Persaraan Diperbadankan (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) and Cyberview Sdn. Bhd. He was officially appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 March 2011.



## PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

PSM, DIMP, DSNS, JSM

#### Ahli Lembaga Pengarah

Board Member

PhD. Akidah dan Falsafah Islam, Universiti Al-Azhar, Mesir  
Sarjana Pentadbiran Akidah dan Falsafah, Universiti Al-Azhar, Mesir  
Sarjana Muda (Kepujian) Usuluddin, Universiti Al-Azhar, Mesir  
Diploma Pendidikan, Universiti Ain Shams, Mesir

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor** dilahirkan di Jerantut, Pahang. Beliau kini menjawat jawatan sebagai Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, USIM dan Pengurus Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pada masa yang sama beliau menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di antaranya ialah Ahli Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Timbalan Pengurus Akademi Fiqh Sedunia (RABITAH), Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pahang, Ahli Lembaga Penasihat Pensijilan Halal (JAKIM), Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Ahli Majlis Perundingan Islam (MPI). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama 10 tahun dari tahun 1999 hingga 2009, dan pernah menjadi Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM selama 6 tahun. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 15 Oktober 2004.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor** was born in Jerantut, Pahang. He is currently the Chairman, Board of Directors' of USIM and Chairman of the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Affairs Malaysia. He also serves in several national and international committees i.e. as a Member of the National Council for Islamic Affairs Malaysia (MKI), Deputy Chairman of World Fiqh Academy (Rabitah), Member of the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), Member of the Pahang State Fatwa Committee and Member of the Malaysian Halal Certification Advisory Board (JAKIM), Member of the Islamic Religious Council and Pahang Malay Customs as well as Member of the Consultative Council of Islamic Da'wah (MPI). He served as the Vice Chancellor of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) for 10 years from 1999 to 2009. Before being appointed as the Vice Chancellor of USIM, he was also Dean, Faculty of Islamic Studies in the Universiti Kebangsaan Malaysia for 6 years. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 15 October 2004.



**Tan Sri Dato' Hashim Meon**

PSM, DPMS, KMN

**Ahli Lembaga Pengarah**

Board Member

Sarjana Pentadbiran Awam, University of Southern California, Amerika Syarikat

Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia

Diploma Pengurusan Komputer, University of London, United Kingdom

Diploma Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya, Malaysia

**Tan Sri Dato' Hashim** berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau pernah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik selama lebih 33 tahun sejak tahun 1970 dan ditempatkan di beberapa jabatan dan kementerian dalam pelbagai kapasiti. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara wajib pada 16 September 2003 adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (1999-2003). Pengalaman beliau meliputi Pengurusan Sumber Manusia, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Latihan dan Pendidikan termasuk menjadi Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di Sydney, Australia (1976-1980). Pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (1995-1999), beliau juga turut dilantik sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (1995-1999). Pada 1 Januari 2011, beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH**.

**Tan Sri Dato' Hashim** is from Kuala Pilah, Negeri Sembilan. He had served in the Malaysian Administrative and Diplomatic Service for more than 33 years since 1970 and was appointed to several departments and Ministries in various capacities. He was the Secretary General of the Ministry of Defence (1999-2003) before retiring on 16 September 2003. His extensive experience covers the fields of Human Resource Management, Information Technology and Communication, Training and Education, including as the Director of the Malaysian Students Department in Sydney, Australia (1976-1980). He had previously served as the Selangor State Secretary (1995-1999), where he was also appointed as Chairman of the Selangor Islamic Religious Council (MAIS) from 1995 until 1999. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 January 2011.



## PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### Datuk Haji Mohamad Aziz

PJN, SMJ, KMN, PIS, BSI, AMN, PPN

#### Ahli Lembaga Pengarah

Board Member

**Datuk Haji Mohamad Aziz** berasal dari Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan Ahli Parlimen Kawasan Sri Gading dari tahun 1999 sehingga April 2013 dan juga Ketua UMNO Bahagian Sri Gading. Beliau adalah Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia dari tahun 2008 sehingga kini. Di samping itu, beliau juga adalah Ahli Pihak Berkuasa RISDA dan Pengerusi Tenaga Switchgear Sdn. Bhd. (anak syarikat TNB). Beliau pernah menjadi Wakil Peribadi kepada YAB Tun Hussein Onn (Perdana Menteri Ketiga dari 1981 hingga 1986), Ahli Exco pada tahun 1990 sehingga 1995 dan Ketua Penerangan Kerajaan Negeri Johor pada tahun 1995 sehingga 1999. Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah TH Indopalms Sdn. Bhd. dan Sabaco Sdn. Bhd. Pada 1 Januari 2011, beliau telah dilantik untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah **TH**.

**Datuk Haji Mohamad Aziz** is from Parit Raja, Batu Pahat, Johor. He serves as a Member of Parliament for Sri Gading from 1999 until April 2013, as well as its UMNO Chief. He is also the Permanent Deputy Chairman for UMNO Malaysia since 2008. Apart from that, he is also a RISDA Member of Authority and Chairman of Tenaga Switchgear Sdn Bhd (a Subsidiary of TNB). He had served as the Personal Representative for YAB Tun Hussein Onn (Third Prime Minister from 1981 to 1986), EXCO Member from 1990 to 1995 and Johor State Government Information Chief from 1995 to 1999. He had also served as a Board of Director Member for TH Indopalms Sdn Bhd and Sabaco Sdn Bhd. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 January 2011.



**Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Amiruldin**

PSM, DHMS, DSDK, BKM, PJK, JP

**Ahli Lembaga Pengarah**

Board Member

**Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin** telah dilahirkan pada 20 Mei 1950 di Yan, Kedah Darul Aman. Beliau merupakan Pengurus FAMA bermula 1 Jun 2008 sehingga kini. Jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah Pengurus UTC (anak syarikat MARA Holdings) pada tahun 1986, Pengurus Pembangunan Rumah Budi Yan, Kedah (Rumah Anak-Anak Yatim) pada tahun 1992, Ahli Majlis Eksekutif Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) pada tahun 1992, Ahli Lembaga Pengarah KTM Berhad pada tahun 1992 dan Ahli Parlimen Yan/Jerai pada tahun 1992 sehingga 1999. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengurus FAMA pada tahun 1994, Ahli Lembaga Pengarah Pernas International Holdings Berhad pada tahun 1997, Ahli Majlis Kolej Universiti Insaniah pada tahun 1997 dan Larut Consolidated Berhad pada tahun 1999. Di samping itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tourism Development Corporation pada tahun 1994, Kedah Cement Berhad pada tahun 1996, MARA pada tahun 1997 dan sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 26 Disember 1999 sehingga 19 Mei 2004. Di samping itu, pada tahun 2004 hingga 2008, beliau sekali lagi dipilih sebagai Ahli Parlimen Jerai. Pada tahun 2006, beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Pengurus Pelaburan Perbadanan Kemajuan Negeri (PKNK). Beliau juga merupakan Pengurus Tetap UMNO Malaysia bermula pada tahun 2008 sehingga kini. Pada 1 Januari 2005, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH**.

**Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin** was born on 20 May 1950 in Yan, Kedah Darul Aman. He is currently the Chairman of FAMA, a post he has been holding since 1 June 2008. His previous designations include Chairman of UTC (a subsidiary of MARA Holdings) in 1986; Chairman of Pembangunan Rumah Budi Yan, Kedah (Orphanage) in 1992; Member of the Malay Chamber of Commerce Malaysia (DPMM) in 1992; Member of the KTM Berhad Board of Directors in 1992, as well as Member of Parliament for Yan/Jerai from 1992 to 1999. He was also previously appointed as Chairman of FAMA in 1994, Member of Pernas International Holdings Berhad Board of Directors in 1997, Council Member of Kolej Universiti Insaniah in 1997 and Larut Consolidated Berhad in 1999. Apart from that, he has been a Member of the Tourism Development Corporation Board of Directors in 1994, Kedah Cement Berhad in 1996, MARA in 1997 as well as the Speaker for the Kedah State Assembly from 26 December 1999 to 19 May 2004. From 2004 to 2008, he was once again appointed as the Member of Parliament for Jerai. In 2006, he was appointed as a Board Member of the Kedah State Development Corporation (PKNK) and Chairman of the State Development Corporation Investment (PKNK). He is also the Permanent Chairman of UMNO Malaysia since 2008 to present. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 January 2005.



## PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim

PJN, DIMP, JP

#### Ahli Lembaga Pengarah Board Member

**Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim** berasal dari Petaling Jaya, Selangor. Beliau memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia sejak 2008 hingga kini. Beliau adalah Ahli Parlimen Baling, Kedah merangkap Pengurus Eksekutif Yayasan Pembangunan Rakyat Baling. Beliau berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dan korporat serta merupakan Pengurus Eksekutif di beberapa buah syarikat. Selain itu, Datuk Abdul Azeez juga merupakan penasihat di beberapa syarikat tersenarai awam. Pada tahun 2011, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH**. Beliau diberi jawatan penting di dalam dua anak syarikat **TH** iaitu sebagai Pengurus TH Real Estate LLC dan Ahli Lembaga Pengarah Theta Edge Berhad dari tahun 2012 hingga sekarang. Beliau dilantik sebagai Pengurus **TH** pada 1 Julai 2013.

Datuk Abdul Azeez sangat berminat dan aktif dalam kerja-kerja kebajikan dan sukarelawan. Beliau telah menubuhkan Kelab Putera 1 Malaysia pada 2010 setelah mendapat persetujuan daripada YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dalam semua siri bantuan kemanusiaan di negara-negara yang ditimpa bencana alam.

**Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim** is from Petaling Jaya, Selangor. He has been a Member of UMNO Supreme Council since 2008 and is a Parliament Member for Baling, as well as the Chairman of Yayasan Pembangunan Rakyat Baling, Kedah. He has vast experience in both business and corporate sectors and serves as an Executive Chairman in several companies. He is also an adviser to a few public listed companies. In 2011, he was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors. He also holds important posts in two **TH** subsidiaries, namely as Chairman of TH Real Estate LLC and Board Member of Theta Edge Berhad from 2012 until now. He was appointed as Chairman of **TH** on 1 July 2013.

Datuk Abdul Azeez is actively involved in various charitable and community activities. In 2010, he formed Kelab Putera 1 Malaysia after the idea was accepted by YAB Prime Minister, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. He is directly involved in a series of humanitarian aid to countries that have experienced natural disasters.



**Tuan Haji Ghazali Bin Awang****Ahli Lembaga Pengarah****Board Member**

Sarjana Muda Perdagangan, University of Newcastle, Australia  
Aktauntan Berkanun, The Institute of Chartered Accountants, Australia  
Aktauntan Berdaftar, Institut Aktauntan Malaysia (MIA)  
Diploma Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia  
Diploma Pengajian Syariah, Kolej Dar Al-Hikmah, Malaysia  
Magister Agama (MA), Institut Agama Islam Negeri, Imam Bonjol, Padang Indonesia

**Tuan Haji Ghazali Awang** dilahirkan di Kelantan. Beliau berpengalaman luas dalam bidang kewangan dan telah banyak memegang jawatan penting di dalam beberapa organisasi di antaranya ialah sebagai Ketua Akauntan/Pengurus Kanan Kewangan & Pentadbiran di Amanah Saham Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Audit, Pengurus Perkhidmatan Kewangan, Ketua Akauntant dan Pengurus Dana di Kumpulan Shell Malaysia. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat di Kumpulan Guthrie Berhad sebagai Pengarah Kumpulan, Pengarah Eksekutif Kewangan & Perkhidmatan Korporat. Beliau juga turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat-syarikat awam seperti di CCM Duopharma Biotech Bhd, Bank Simpanan Nasional, Heitech Padu Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad dan BIMB Investment Management Bhd. Beliau telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 1 September 2011.

**Tuan Haji Ghazali Awang** was born in Kelantan. He has extensive experience in the field of finance and has served in various capacities in several organisations, including as Chief Accountant/Senior Manager of Finance & Administration in Amanah Saham Nasional Berhad and Permodalan Nasional Berhad. He had previously served as Audit Manager, Financial Services Manager, Chief Accountant and Fund Manager in Shell Malaysia Group of Companies. Apart from that, he had also served as Group Director and Executive Director for Financial & Corporate Services in Kumpulan Guthrie Berhad. He was also appointed to the Boards of several public companies such as CCM Duopharma Biotech Bhd, Bank Simpanan Nasional, Heitech Padu Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad and BIMB Investment Management Bhd. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 September 2011.



# PANEL PELABURAN

## INVESTMENT PANEL



Pengerusi/Chairman

Datuk Azizan Abdul Rahman  
DMSM



Ahli/Member

Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman  
PSM, PJN, DSDK, SDK, AMN

Ahli/Member

Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar  
SSAP, DSAP  
(Meletak jawatan pada 4 Jun 2013/  
Resigned on 4 June 2013)



**Ahli/Member**

**Datin Paduka Zahridah Ismail**  
DSSA



**Ahli/Member**

**Dato' Mohzani Datuk Dr. Abdul Wahab**  
DPSJ, SMP, ASDK



**Ahli/Member**

**Abdul Kadir Md Kassim**

**Ahli/Member**

**Syed Elias Alhabshi**



### Datuk Azizan Abdul Rahman

DMSM

Sarjana Muda Sastera, Perhubungan Antarabangsa, Universiti Malaya, Malaysia

Pengerusi/Chairman

**Datuk Azizan** berasal dari Sungai Petani, Kedah. Beliau memulakan kariernya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1973 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Eksekutif Perkapalan di Harper Gifillan (M) Sdn. Bhd. dan sebagai Pengurus Pemasaran di Malaysia International Shipping Corporation Berhad. Beliau kemudian menceburi bidang industri sekuriti dengan memegang jawatan Pengarah Eksekutif JF Apex Securities Berhad. Datuk Azizan memainkan peranan utama dalam industri sekuriti apabila menjadi Naib Presiden Persatuan Broker Saham Malaysia dan kemudiannya sebagai Presiden hampir lima tahun. Datuk Azizan juga berpengalaman membantu penyusunan semula dan penstrukturkan organisasi syarikat-syarikat seperti Tongkah Holdings Berhad, Bina Darulaman Berhad dan MBf Holdings Berhad sebagai Penasihat dan Pengarah. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan **TH** sejak 1 September 2007.

Datuk Azizan juga adalah Pengerusi Eastern & Oriental Berhad dan TH Heavy Engineering Berhad (dahulu dikenali sebagai Ramunia Holdings Berhad). Beliau juga merupakan Pengarah MBf Holdings Berhad, Apex Equity Holdings Berhad dan TH Plantations Berhad.

**Datuk Azizan** hails from Sungai Petani, Kedah. He began his career as the Home Ministry's Assistant Secretary in 1973 and then as a Shipping Executive at Harper Gilfillan (M) Sdn Bhd, and later as Marketing Manager for Malaysia International Shipping Corporation Berhad. He then became a Director at JF Apex Securities Berhad. Datuk Azizan soon became an instrumental figure in the securities industry following his appointment as the Malaysian Stockbrokers' Association Vice-President. He was later made the President of the association for five years. Datuk Azizan is also involved in the restructuring exercises of companies like Tongkah Holdings Berhad, Bina Darulaman Berhad and MBf Holdings Berhad as Advisor and Director. He became the **TH** Investment Panel Chairman on September 1, 2007.

Datuk Azizan is also the Chairman of Eastern & Oriental Berhad, and TH Heavy Engineering Berhad (previously known as Ramunia Holdings Berhad). He is also the Director of MBf Holdings Berhad, Apex Equity Holdings Berhad and TH Plantations Berhad.

**Tan Sri Sheikh Ghazali** berasal dari Tobiar, Pendang, Kedah. Beliau merupakan mantan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Tan Sri Sheikh Ghazali menyandang beberapa jawatan penting, di antaranya ialah Pengurus Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia; Ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan Perbankan Islam dan Takaful Bank Negara (Bekas Pengurus), Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (Bekas Pengurus); Ahli Panel Mahkamah Rayuan Syariah Negeri di Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Kelantan; dan bekas Ahli Majlis Syariah, Accounting and Auditing Organisation Islamic Financial Institution (AAOIFI) yang beribu pejabat di Bahrain. Beliau juga aktif di dalam aktiviti sosial melalui pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM); Ahli Majlis Pelan Tindakan Pembangunan Ummah YaPEIM; Ahli Majlis Perundingan Islam Jabatan Perdana Menteri; Pengurus Panel Undang-Undang Majlis Perundingan Islam Jabatan Perdana Menteri; Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan; Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan; Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan

Pelaburan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan; Pengerusi Jawatankuasa "Good Governance" untuk Garis Panduan Syarikat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan; Ahli Lembaga Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM); Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penasihat Syariah Yayasan Waqaf Malaysia (YWM); Ahli Lembaga Penasihat, Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Panel Penasihat Pengajian Tinggi Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Ahli Lembaga Penasihat Akademik Program Sarjana Syariah di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ahli Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Program (Steering Committee On Programme Development); Diploma Kefatwaan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD); Ahli Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia JAKIM; Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sabah dan Pengurus Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa. Di atas sumbangan dan jasanya terhadap pembangunan ummah, Tan Sri Sheikh Ghazali telah mendapat pengiktirafan dan pengurniaan Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1416H, Peringkat Wilayah Persekutuan tahun 1995 dan Anugerah Penghargaan Ma'al Hijrah 1428H, Peringkat Kebangsaan Tahun 2007. Beliau juga dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada bulan Oktober 2001 dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** pada Mei 2010.

## **Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman**

PSM, PJN, DSDK, SDK, AMN

B.A Perundangan Islam (Syariah) Universiti Azhar, Kaherah, Mesir;  
Diploma Pendidikan, Universiti Ain Sham, Kaherah, Mesir;  
Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia



## PANEL PELABURAN | INVESTMENT PANEL

**Tan Sri Sheikh Ghazali** hails from Tobiari, Pendang, Kedah. He is the former Director General/Syarie Chief Judge, Malaysian Shariah Judicial Department. Tan Sri Sheikh Ghazali has served in various capacities during the course of his illustrious career, among them as Chairman of the Technical Committee of the Islamic and Civil Law, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM); Member of the Malaysia National Fatwa Committee, Department of Islamic Development; Member of the National Shariah Advisory Council for Bank Negara's Islamic Banking and Takaful (former Chairman); Member of the Securities Commission Shariah Advisory Council (former Chairman); Panel Member of the State Shariah Court of Appeal for the Federal Territory, Selangor, Perak, Penang, Negeri Sembilan, Malacca, Johor, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak and Kelantan; and former Shariah Council Member of the Accounting and Auditing Organisation Islamic Financial Institution (AAOIFI) based in Bahrain. He is actively involved in various social activities through his appointments as a Board of Trustees Member for the Malaysian Islamic Economic Development Foundation (YaPEIM); Member of YaPEIM's Council Action Plan of the Ummah; Member of the Islamic Consultative Council under the Prime Minister's Department; Chairman of the Islamic Consultative Council Law Panel under the Prime Minister's Department; Member of the Federal Territory Mufti Department's Islamic Law Consultative Committee; Member of the Federal Territory Islamic Religious Council's Development and Investment Committee; Chairman of the Good Governance Committee for the Federal

Territory Islamic Religious Council's Company Guidelines; Board Member of the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM); Chairman of the Shariah Advisory Working Committee for Waqaf Foundation Malaysia (YWM); Member of the Advisory Board, Faculty of Islamic Studies at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Higher Education Advisory Panel of Shariah and Law at the University of Science Islam Malaysia (USIM); Member of the Academic Advisory Board for the Undergraduate Court at Universiti Utara Malaysia (UUM); Member of the Steering Committee on Programme Development, Kefatwaan Diploma, Institute of World Fatwa Management and Research (INFAD); Member of the Steering Committee of Malaysia JAKIM Halal Certification Management; Member of the Sabah State Fatwa Committee; and Chairman of Research and Management Fatwa Committee. In appreciation of his contributions and effort towards the development of the ummah, Tan Sri Sheikh Ghazali was bestowed with the Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1416H, Federal Territory Level in 1995 and Anugerah Penghargaan Ma'al Hijrah 1428H, National Level in 2007. He was appointed as a member of the **TH** Investment Panel in October 2001 and **TH** Shariah Advisory Committee in May 2010.



## Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar

SSAP, DSAP

Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA, UK)  
Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

**Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar** berasal dari Johor Bahru. Beliau telah dilantik sebagai Senator pada 5 Jun 2013 dan kini merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Jabatan Perangkaan (DOS). Sebelum dilantik sebagai Menteri, beliau adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Malayan Banking Berhad (Maybank), kumpulan perbankan terbesar di Malaysia, sejak Mei 2008 sehingga 4 Jun 2013. Beliau ialah Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA, UK) dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga ialah mantan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Group Berhad serta Naib Pengerusi Eksekutif PLUS Expressways Berhad. Beliau dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** dari Oktober 2001 sehingga Jun 2013.

**Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar** hails from Johor Bahru. He was appointed as a Senator on 5 June 2013 and currently serves as a Minister in Prime Minister's Department in charge of the Economic Planning Unit (EPU), Public Private Partnership Unit (UKAS) and Department of Statistic (DOS). Before his appointment as a Minister, he served as the President and Chief Executive Officer of Malayan Banking Berhad (Maybank) from May 2008 until 4 June 2013. He is a Fellow Member of The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) and a Member of the Malaysian Institute of Accountants. He also previously served as Managing Director/Chief Executive Officer of UEM Group Berhad and Executive Vice Chairman of PLUS Expressways Berhad. He was a member of the **TH** Investment Panel from October 2001 until June 2013.

## PANEL PELABURAN | INVESTMENT PANEL

**Datin Paduka Zahridah** berasal dari Selangor. Beliau telah memulakan kerjayanya di Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) pada tahun 1967. Beliau seterusnya menceburi sektor perbankan dengan pelantikan beliau sebagai Pengurus Kanan/Setiausaha Syarikat di Bank Rakyat pada tahun 1978 dan Kwong Yik Bank Berhad (KYBB) pada tahun 1982 sebagai Pengurus Besar. Berikutan penggabungan KYBB dan D&C Bank Berhad pada tahun 1997, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan dan seterusnya Pengarah Eksekutif RHB Bank Berhad. Beliau telah memainkan peranan yang penting dalam proses penggabungan dan pembangunan korporat yang dilaksanakan oleh pihak bank. Setelah berkecimpung dalam industri perbankan selama lebih 22 tahun, beliau memilih untuk bersara awal dalam tahun 2000. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** sejak Oktober 2001.

Pada masa ini beliau turut merupakan Pemegang Amanah kepada Yayasan Budi Penyayang Malaysia.

**Datin Paduka Zahridah** hails from Selangor. She began her career at the Malaysian Industrial Development Authority in 1967. She then became involved with the banking sector following her appointment as Senior Manager/Company Secretary of Bank Rakyat in 1978 and General Manager of Kwong Yik Bank Berhad in 1982. Following the merger of Kwong Yik Bank and D&C Bank Berhad in 1997, she was promoted to Senior General Manager and was subsequently an Executive Director of RHB Bank Berhad. She assumed a prominent role in the merger processes and corporate developments implemented by local banks. After more than 22 years in the banking sector, she opted for an early retirement in 2000. She was then appointed to the **TH** Investment Panel in October 2001.

Currently, she is also a Trustee member of the Malaysian Budi Penyayang Foundation.

### Datin Paduka Zahridah Ismail

DSSA

Institute of Cost & Management Accountants, United Kingdom





## Dato' Mohzani Datuk Dr. Abdul Wahab

DPSJ, SMP, ASDK

Sarjana Ekonomi (Kepujian) Universiti Malaya, Malaysia

**Dato' Mohzani** berasal dari Perlis. Beliau bersara dari Shell Malaysia pada penghujung Januari 2010 setelah berkhidmat selama 33 tahun. Siswazah Ekonomi dari Universiti Malaya ini menyertai Kumpulan Shell sejak tahun 1976. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. dan Shell Timur Sdn. Bhd. masing-masing dari tahun 2001 dan 2005 sehingga persaraan beliau pada penghujung tahun 2009. Sebelum persaraan, beliau adalah Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif untuk Shell Refining Company (FOM) Berhad sehingga 31 Disember 2009 dan Ahli Lembaga Brunei Shell Marketing.

Pada Julai 2011, beliau merupakan Pengarah Bebas Pavillion REIT Management dan pada November 2011, beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Hong Leong Investment Bank. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** sejak Oktober 2007. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Celcom Axiata pada 7 Mac 2012 dan sebagai Pengerusi Terragali Resources Sdn Bhd pada 13 Disember 2012.

**Dato' Mohzani** hails from Perlis. He retired from Shell Malaysia at the end of January 2010 after 33 years of service. The Economics graduate from Universiti Malaya had joined Shell Group in 1976. He served as Managing Director for Shell Malaysia Trading Sdn Bhd and Shell Timur Sdn Bhd beginning 2001 and 2005 respectively, up to his retirement at the end of 2009. Prior to his retirement, he was a Non-Independent Non-Executive Director at Shell Refining Company (FOM) Berhad until 31 December 2009, and a Board Member of Brunei Shell Marketing.

In July 2011, he became an Independent Director for Pavillion REIT Management and in November 2011, for Hong Leong Investment Bank. He has been a member of the **TH** Investment Panel since October 2007. On 7 March 2012, he was appointed as a Board Member of Celcom Axiata and on 13 December 2012 was appointed Chairman of Terragali Resources Sdn Bhd.

## PANEL PELABURAN | INVESTMENT PANEL

**Abdul Kadir** telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada 1 Oktober 2007.

Abdul Kadir merupakan seorang peguam yang telah berkhidmat selama lebih 45 tahun. Pada masa ini, beliau merupakan Rakan Kongsi Urusan di Tetuan Kadir, Andri & Partners.

Abdul Kadir juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa syarikat yang disenaraikan dan tidak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, antaranya ialah TIME dotCom Group of Companies, UEM Group of Companies dan Danajamin Nasional Berhad. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi Exchange Committee of the Labuan International Financial Exchange dan Pengerusi Federation of Investment Managers Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Panel Corporate Debt Restructuring Committee.

Abdul Kadir ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Singapura, Singapura.

**Abdul Kadir** was appointed as a member of the **TH** Investment Panel on 1 October 2007.

Abdul Kadir is a practising lawyer with over 45 years of experience. He is currently the Managing Partner of Messrs Kadir, Andri & Partners.

Abdul Kadir sits on the Board of various public listed and non-listed companies, including TIME dotCom Group of Companies, UEM Group of Companies and Danajamin Nasional Berhad. He serves as Chairman of the Exchange Committee of the Labuan International Financial Exchange and Federation of Investment Managers Malaysia. He is also a member of the Corporate Debt Restructuring Committee.

Abdul Kadir holds a Degree in Law from the University of Singapore, Singapore.

**Abdul Kadir Md Kassim**





## Syed Elias Alhabshi

Sarjana Pengurusan, Asian Institute of Management Manila, Filipina

**Syed Elias Alhabshi** berasal dari Melaka. Beliau adalah merupakan bekas pegawai kanan dalam bidang pelaburan, kewangan korporat dan perbankan. Beliau berkelulusan Sarjana Pengurusan daripada Asian Institute of Management, Filipina.

Karier beliau bermula pada tahun 1961 di Malayan Banking Berhad dalam operasi perbankan runcit dan kemudian beliau berkhidmat di Bank Bumiputra Malaysia Berhad termasuk sebagai Pengurus Besar di pejabat London dan ibu pejabat. Bermula pada Jun 1982, beliau dilantik sebagai Naib Presiden dan Timbalan Ketua Eksekutif dan kemudiannya sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif ASEAN Finance Corporation. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Babcock & Brown Asia Pacific, Penasihat Eksekutif Hong Leong Capital Berhad dan Ketua Pegawai Operasi Bahagian Pengguna, Hong Leong Bank Berhad dan sebagai Penasihat Phileo Allied Bank (Malaysia) Berhad. Semasa beliau di Merrill Lynch selama 11 tahun, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Private Banking/Securities & Investment Division bagi Asia Tenggara dan Pengarah Eksekutif Special Projects Asia Pacific District, Private Banking Division.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada 1 Jun 2009.

**Syed Elias Alhabshi** hails from Malacca. He has a strong background in the areas of investment, corporate finance and banking. He holds an MBA from Asian Institute of Management, Philippines.

He started his career in 1961 with Malayan Banking Berhad in retail banking operations and then served at Bank Bumiputra Malaysia Berhad in various capacities, including Chief Manager of the London office and head office. In June 1982, Syed Elias was appointed as the Vice-President and Deputy Chief Executive, and later as the President/Chief Executive Officer of ASEAN Finance Corporation. He has also served as Managing Director of Babcock & Brown Asia Pacific, Executive Advisor of Hong Leong Capital Berhad as well as Chief Operation Officer Consumer Division of Hong Leong Bank Berhad. He was once the Advisor to Phileo Allied Bank (Malaysia) Berhad. While attached to Merrill Lynch for 11 years, he has served as Executive Director and Head of Private Banking/Securities & Investment Division for Southeast Asia, as well as the Executive Director for Special Projects Asia Pacific District, Private Banking Division.

He was appointed to the **TH** Investment Panel on June 1, 2009.

# MAJLIS PENASIHAT HAJI

## HAJJ ADVISORY COUNCIL

Penubuhan Majlis Penasihat Haji adalah mengikut Seksyen 11(1), Akta Tabung Haji (Akta 535). Majlis ini bertanggungjawab untuk menasihati Menteri Pentadbir berkenaan kebajikan jemaah haji dan perkara-perkara yang dirujuk padanya berhubung dengan isu-isu urusan haji. Majlis ini juga berfungsi memberi maklumbalas kepada pengurusan **TH** berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh jemaah haji di samping memberi cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kepada jemaah haji. Keahlian Majlis Penasihat Haji bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

The formation of the Hajj Advisory Council is provided for by Section 11(1), Tabung Haji Act 1995 (Act 535). This Council is responsible for advising the Administering Minister on the welfare of pilgrims and other related concerns in relation to the matter of hajj management. This Council also provides feedback to **TH** Management on issues faced by pilgrims and how to improve hajj management services. The Members of the Hajj Advisory Council for 2012 are as follows:





## PENGERUSI/CHAIRMAN

**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Abi Musa**  
**Asa'ari Mohamed Nor**  
PSM, SSAP, SIMP, DIMP, SMP

## WAKIL KEMENTERIAN (AHLI) MINISTRY'S REPRESENTATIVE (MEMBER)

**YBhg. Datuk Kamarul Zaman Md Isa**  
PBK, DMSM

**Encik Zakri Jaafar**  
(Bersara pada 6 Ogos 2012)  
(Retired on 6 August 2012)

**Encik Roseli Abdul**  
(Lantikan pada 6 Ogos 2012)  
(Appointed on 6 August 2012)

## WAKIL NEGERI (AHLI) STATE REPRESENTATIVES (MEMBER)

**Perlis**  
**YB. Tuan Jafperi Othman**  
PJK, SMP

**Kedah**  
**YB. Dato' Ir. Haji Phahrolrazi**  
**Mohd Zawawi**  
DSDK  
(Bersara pada 30 April 2012)  
(Retired on 30 April 2012)

**YB. Dato' Paduka Haji Rasli bin Basir**  
AMK  
(Lantikan pada 1 Mei 2012)  
(Appointed on 1 May 2012)

**Pulau Pinang**  
**YBhg. Dato' Haji Muhammad**  
**Yusoff Wazir**  
DSPN, BSDK, PPG, BCK

## Melaka

**YB. Datuk Haji Ghazale Muhamad**  
DMSM, DSM, BCM, PJK  
(Bersara pada 30 April 2012)  
(Retired on 30 April 2012)

**YBhg. Datuk Haji Mohd Zin bin Mansor**  
BKT, BCM, DSM, DMSM  
(Lantikan pada 1 Mei 2012)  
(Appointed on 1 May 2012)

## Perak

**YB. Dato' Haji Mohd Zaim Abu Hasan**  
DPMP, AMP, PPT  
(Bersara pada 30 April 2012)  
(Retired on 30 April 2012)

**YB. Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayen**  
DPMP, PMP, AMP, PPT, KMN  
(Lantikan pada 1 Mei 2012)  
(Appointed on 1 May 2012)

## Selangor

**Yang Amat Dihormati**  
**Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku**  
**Dato' Setia Ramli Alhaj Tengku**  
**Shahruddin Shah Alhaj**  
SSIS, DSSA, SMS, PJK

## Negeri Sembilan

**YB. Dato' Haji Mat Ali Hassan**  
DPNS, DPTJ, AMT

## Johor

**YB. Dato' Haji Mohd Ali Hassan**  
DPMJ, PJN, KMN, PIS, AMN, PPN  
(Bersara pada 30 September 2012)  
(Retired on 30 September 2012)

**YB. Dato' Haji Obet bin Tawil**  
DPMJ, PIS  
(Lantikan pada 16 Oktober 2012)  
(Appointed on 16 October 2012)

## Pahang

**YB. Dato' Md. Sohaimi Haji**  
**Mohamed Shah**  
DIMP, AMP

## Terengganu

**YB. Dato' Haji Mazlan Ngah**  
DSMZ, DPMT, ASM, SMT, AMT, PJC, PJK, BLB

## Kelantan

**YB. Dr. Haji Zainuddin bin Haji Ibrahim**  
DPSK, KMN, PSK, BSK, ASK  
(Lantikan pada 15 Januari 2012)  
(Appointed on 15 January 2012)

## Sabah

**Tuan Haji Moktar Yassin Ajam**  
ASDK, BK  
(Bersara pada 30 Jun 2012)  
(Retired on 30 June 2012)

**YBhg. Datuk Haji Amri Aliaman bin Suratman**  
BSK, ADK, PGDK, KMN  
(Lantikan pada 1 Ogos 2012)  
(Appointed on 1 August 2012)

## Sarawak

**YB. Dato' Haji Wan Abdul Wahab**  
**Wan Sanusi**  
JBS, PSBS

## LANTIKAN MENTERI (AHLI) MINISTER'S APPOINTEE (MEMBER)

**YB. Shabudin Yahaya**  
PJK


## SETIAUSAHA/SECRETARY

**YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail**  
PJN, DHMS, DSNS

**YBhg. Dato' Syed Saleh Syed**  
**Abdul Rahman**  
DSDK

# CARTA ORGANISASI

## ORGANISATION CHART






**JAWATANKUASA-JAWATANKUASA  
LEMBAGA PENGARAH\***  
**COMMITTEES UNDER THE BOARD  
OF DIRECTORS\***

Nota/Note\*

- Jawatankuasa Audit/Audit Committee
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko/Risk Management Committee
- Lembaga Tender/Tender Board
- Jawatankuasa Urusan Haji/Hajj Affairs Committee
- Jawatankuasa Penamaan/Nomination Committee
- Jawatankuasa Perkhidmatan/Services Committee
- Jawatankuasa Tatatertib/Disciplinary Committee
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib/Disciplinary Appeal Committee
- Majlis Penasihat Haji/Hajj Advisory Council
- Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji//badah Haji Advisory Committee

\*\* Melapor kepada Jawatankuasa Audit  
Report to Audit Committee

\*\*\* Melapor kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko  
Report to Risk Management Committee



# BARISAN PENGURUSAN KANAN

## SENIOR MANAGEMENT PROFILE



1



2

### 1 Dato' Kamaruddin Mat Ali

Ketua Pegawai Operasi/Chief Operations Officer

**Dato' Kamaruddin Mat Ali** menyertai **TH** pada tahun 1974. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Teknologi (Pembangunan Sumber Manusia) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dengan pengalaman luas selama lebih 38 tahun dalam operasi **TH**, beliau kini merupakan Ketua Pegawai Operasi di **TH**. Beliau telah banyak menyumbang ke arah kemajuan **TH**, di antaranya ialah kerjasama dengan bank-bank tempatan dalam memperkenalkan sistem ATM/CDM untuk para pendeposit. Beliau kini menyelia beberapa jabatan seperti Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi serta Jabatan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran.

**Dato' Kamaruddin Mat Ali** joined **TH** in 1974. He holds a Master's Degree in Technology Management (Human Resource Development) from University of Technology Malaysia (UTM). With more than 38 years of experience in **TH**'s operations, he is now Chief Operations Officer of **TH**. He has made a huge contribution to **TH**'s progress, one of the most impactful being the collaboration with local banks in introducing ATM/CDM system for the depositors. He now spearheads the Human Resource Department, Customers Services and Operations, and Property Management and Administration Department.

### 2 Rozaida Omar

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan/Group Chief Financial Officer

**Puan Rozaida Omar** menyertai **TH** pada tahun 2004. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang kewangan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan kewangan **TH** dan Kumpulan. Beliau adalah seorang Fellow Chartered Association of Certified Accountant (FCCA) dan juga mewakili **TH** sebagai Ahli Lembaga Pengarah Pelikan International Corporation Berhad, BIMB Holdings Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

**Puan Rozaida Omar** joined **TH** in 2004. She has vast experience in the field of finance and responsible for the financial management of **TH** and the Group. She is a Fellow of the Chartered Association of Certified Accountant (FCCA) and represents **TH** as nominee director for Pelikan International Corporation Berhad, BIMB Holdings Berhad and Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

**3 Abd Kadir Sahlan****Ketua Pegawai Pelaburan/Chief Investment Officer**

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer daripada Universiti of Cambridge, **Abd Kadir Sahlan** mula berkhidmat di **TH** pada bulan Jun 2010 dengan pengalaman luas dalam bidang pelaburan selama 21 tahun. Antara peranan utama beliau adalah merangka strategi pelaburan Syariah bagi mencapai pulangan yang mampan dan berdaya saing untuk dana **TH**. Beliau bertanggungjawab bagi pengurusan portfolio pelaburan merangkumi ekuiti, pendapatan tetap, pelaburan dana ekuiti persendirian dan program-program ‘outsourcing’.

Holder of a Bachelor of Arts Degree in Computer Science from the University of Cambridge, **Abd Kadir Sahlan** joined **TH** in June 2010 with 21 years of extensive investment experience. Among his key role is to formulate Shariah investment strategies in achieving sustainable and competitive return for **TH's** fund. He is responsible for the management of investment portfolios comprising equities, fixed income, private equity funds and outsourcing programmes.

**4 Dato' Syed Saleh Syed Abdul Rahman****Pengurus Besar Kanan Haji/Senior General Manager Hajj**

**Dato' Syed Saleh Syed Abdul Rahman** adalah pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Muda Kejuruteraan dalam jurusan Kejuruteraan Awam dari University of Wales, United Kingdom. Beliau menyertai **TH** sejak 26 tahun yang lalu dan berpengalaman memegang pelbagai jawatan dalam bidang Kewangan Korporat & Perkhidmatan, Pengurusan Dana, Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan Ekuiti dan Hartanah. Dato' Syed Saleh kini menyandang jawatan Pengurus Besar Kanan Haji yang bertanggungjawab di atas pengurusan dan operasi haji di Tanah Air dan di Tanah Suci.

**Dato' Syed Saleh Syed Abdul Rahman** holds a Master's Degree in Business Administration and Bachelor of Engineering (Civil Engineering) from University of Wales, United Kingdom. He has been with **TH** for 26 years and has held several positions in Corporate Finance & Services, Equity & Property Investments, Fund Management and Business Development. Currently, he is the Senior General Manager Hajj, responsible for the management and administration of hajj operations in Malaysia and the Holy Land.



3



4

## PROFIL PENGURUSAN KANAN | SENIOR MANAGEMENT PROFILE



5



6

### 5 Mohd Hisham Harun

**Pengurus Besar Kanan, Kewangan Korporat dan Perkhidmatan**/Senior General Manager, Corporate Finance and Services

**Mohd Hisham Harun** memulakan karier awalnya pada tahun 1993 sebagai auditor dan kemudiannya Perunding Kewangan Korporat di Coopers & Lybrand/PricewaterhouseCoopers. Beliau menyertai **TH** pada 1999 sebagai Pengurus Kanan di Perancangan Korporat, sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar untuk mengetuai Bahagian Pengurusan Pelaburan pada 2004. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan, Kewangan Korporat dan Perkhidmatan pada tahun 2011 dan bertanggungjawab untuk mengenalpasti peluang pelaburan berkaitan dengan pembangunan syarikat pelaburan melalui susun atur korporat, penilaian peluang pelaburan untuk saham tidak tersenarai dan pelaburan hartanah.

**Mohd Hisham Harun** began his career in 1993 with Coopers & Lybrand/PriceWaterhouseCoopers, initially as an Auditor and later as a Corporate Finance Consultant. He joined **TH** in 1999 as a Senior Manager, Corporate Planning and was appointed as General Manager of the Investment Management Division in 2004. He was then appointed as Senior General Manager, Corporate Finance & Services in 2011 to lead and coordinate the process of identifying opportunities through corporate action and restructuring of the investee companies, evaluation of investment opportunities and deals on unlisted shares; and evaluation of real estate investments.

### 6 Abdul Halim Md. Jamil

**Pengurus Besar Kanan, Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran**/Senior General Manager, Property Management and Administration

Pemegang Diploma Pengurusan Perniagaan, **Abdul Halim Md. Jamil** menyertai **TH** pada bulan September, 1976. Beliau memegang pelbagai jawatan dan pernah bertugas sebagai Pengarah **TH** Negeri Johor dan Negeri Selangor. Dengan 36 tahun pengalaman di **TH**, beliau kini adalah Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran.

A Diploma of Business Administration holder, **Abdul Halim Md. Jamil** joined **TH** in September, 1976. He has held several portfolios within the organisation and was once a State Director for **TH** Johor and **TH** Selangor. With 36 years of experience in **TH**, he currently leads the Property Management and Administration Unit.

7 **Mohd Yassin Haji Tahir**  
**Ketua Pegawai Teknologi/Chief Technology Officer**

**Mohd Yassin Haji Tahir** adalah pemegang Sarjana Sains Kejuruteraan Pengurusan Perniagaan dari University of Warwick England (Kepujian). Beliau juga memiliki Diploma Lepasan ijazah Kejuruteraan Pengurusan Perniagaan dari UTM, Diploma Analisa Sistem dan Diploma Sains Komputer dari Universiti Teknologi MARA. Pada 2012, beliau menerima anugerah ‘The Most Innovative Information Security Professional’ dari Malaysia Cyber Security. Beliau bertanggungjawab untuk menguruskan keseluruhan inisiatif dan program teknologi maklumat **TH** agar selaras dengan strategi perniagaan bagi mencapai misi dan visi **TH**. Beliau telah dianugerahkan dengan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1994.

**Mohd Yassin Haji Tahir** graduated from the University of Warwick England with a Master’s Degree of Science in Business Engineering Management (With Distinction). He holds a post graduate Diploma in Business Management Engineering from UTM, Diploma in System Analysis and a Diploma in Computer Science, both from the MARA University of Technology. He received ‘The Most Innovative Information Security Professional Awards’ from Malaysia Cyber Security in 2012. He oversees the technology programmes and initiatives within **TH**, and focuses on aligning the IT vision with the business, in order to fulfil the mission and vision of **TH**. He was bestowed the Ahli Mangku Negara (AMN) Award by the Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong in 1994.

8 **Muhamad Rani Saidali**  
**Pengurus Besar Kanan, Sumber Manusia/Senior General Manager, Human Resource**

Pemegang Diploma Lepasan Ijazah Kejuruteraan Pengurusan Perniagaan dari UTM dan Diploma Perakaunan dari UITM, **Muhamad Rani Saidali** menyertai **TH** pada September 1977. Beliau menyandang pelbagai jawatan selama perkhidmatan beliau di antaranya Akauntan, Penolong Pengarah Akaun, Pengurus Cawangan Audit, Ketua Audit Dalam dan Pengurus Besar (Simpanan & Pengeluaran). Dengan pengalaman luas selama 34 tahun, beliau bertanggungjawab ke atas pengurusan, pembangunan dan perhubungan modal insan melalui jawatan yang dipegangnya sejak Jun 2011. Beliau telah menerima Anugerah Persekutuan/Negeri AMN Wilayah Persekutuan (Putrajaya) pada Jun 1998.

A Post Graduate Diploma holder in Business Management Engineering from UTM and Diploma of Accountancy from UITM, **Muhamad Rani Saidali** joined **TH** in September 1977. He has served in various capacities during his tenure, from Accountant, Account Assistant Manager to Audit Manager, later, Head of Internal Audit and then General Manager (Savings & Withdrawals). With over 34 years of working experience, he is responsible for the management and development of human capital. He was awarded Anugerah Persekutuan/Negeri AMN Wilayah Persekutuan (Putrajaya) in June 1998.



7



8

# PEJABAT PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## GROUP MANAGING DIRECTOR AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S OFFICE



**Dato' Paduka Ismee Ismail**

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Group Managing Director and Chief Executive Officer



**Normimy Mohamed Noor**

Pengurus Besar Pejabat Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif  
General Manager Group Managing Director and Chief Executive Officer's Office



**Hazlina Mohd Khalid**

Penasihat Undang-Undang  
Legal Advisor



**Anis Zuhani Ahmad**

Pengurus Besar Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan  
General Manager Group Public Affairs and Corporate Communications



**Azhar Nayan**

Ketua Audit Dalam  
Head of Internal Audit



**Badrul Hisham Mohd Salleh**

Pengurus Besar Pengurusan Risiko  
General Manager Risk Management



**Redhuan Sabaruddin**

Pengurus Besar Pejabat **TH** Arab Saudi (KSA)  
General Manager **TH** Saudi Arabia Office (KSA)



# JABATAN KHIDMAT PENDEPOSIT DAN OPERASI

## CUSTOMER SERVICE AND OPERATIONS DEPARTMENT



**Dato' Kamarudin Mat Ali**

Ketua Pegawai Operasi  
Chief Operations Officer



**Mohd Ridzuan Wahi**

Pengurus Besar Simpanan dan Pengeluaran  
General Manager Saving and Withdrawals



**Tahar Pilus**

Pengurus Besar Operasi Pejabat Cawangan  
General Manager Branch Office Operations



**Mohammad Saimi Mat Som**

Pengurus Besar Khidmat Pelanggan  
General Manager Customer Service



**Khairul Azihar Rapar**

Pegawai Khas Ketua Pegawai Operasi  
Special Officer Chief Operations Officer



**Nawawi Ishak**

Pengarah Negeri Gantian I  
State Director Relief I



**Aishah Abdul Samad**

Pengarah Negeri Gantian II  
State Director Relief II

# JABATAN HAJI

## HAJJ DEPARTMENT



**Dato' Syed Saleh Syed Abdul Rahman**

Pengurus Besar Kanan Haji  
Senior General Manager Hajj



**Mohd Badrulhisham Abdul Latif**

Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan Haji (Dilantik pada 1 Januari 2013)  
General Manager Hajj Research and Development (Appointed on 1 January 2013)



**Ahmad Ruzman Ahmad Razali**

Pengurus Besar Operasi Domestik  
General Manager Domestic Operations



**Tengku Aziz Raja Abdullah**

Pengurus Besar Bimbingan  
General Manager Guidance



**Mat Admara Alang Azizdin**

Pengurus Besar Agensi Haji  
General Manager Hajj Agency



**Abdullah Talib**

Memangku jawatan Pengurus Besar Pengurusan Haji  
Acting General Manager Hajj Management



# JABATAN KEWANGAN

## FINANCE DEPARTMENT



**Rozaida Omar**

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan  
Group Chief Financial Officer



**Adi Azuan Abdul Ghani**

Timbalan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan  
Deputy Group Chief Financial Officer



**Che Gayah Salleh**

Pengurus Besar Perkhidmatan Pelaburan  
General Manager Investment Services



**Anisuati Yahya**

Pengurus Besar Perkhidmatan  
General Manager Services



**Nor Aida Ahmad**

Pengurus Besar Pengurusan Strategik Kewangan  
Kumpulan  
General Manager Group Strategic Financial  
Management

# JABATAN PELABURAN

## INVESTMENT DEPARTMENT



**Abd Kadir Sahlan**

Ketua Pegawai Pelaburan  
Chief Investment Officer



**Ahmad Suhaimee Ismail**

Ketua Pengurusan Portfolio Ekuiti  
Head of Equity Portfolio Management



**Hamdan Rasid**

Ketua Pengurusan Portfolio Pendapatan Tetap  
Head of Fixed Income Portfolio Management



**Mustakim Mohamad**

Ketua Pengurusan Pelaburan Dana dan  
'Outsourcing'  
Head of Fund Investment and Outsourcing  
Management



**Mohamad Ikhwan bin Bakren**

Ketua Penyelidikan (Dilantik pada 2 Mei 2013)  
Head of Research (Appointed on 2 May 2013)



# JABATAN KEWANGAN KORPORAT DAN PERKHIDMATAN

## CORPORATE FINANCE AND SERVICES DEPARTMENT



**Mohd Hisham Harun**

Pengurus Besar Kanan Kewangan Korporat & Perkhidmatan  
Senior General Manager Corporate Finance and Services



**Nurrinanuwar Shamsuddin**

Pengurus Besar Kewangan Korporat  
General Manager Corporate Finance



**Rifina Md Ariff**

Pengurus Pemasaran Pejabat Pelikan Jerman  
Marketing Manager Pelikan German Office

**Zainuddin Mohd Salleh\***

Pengurus Besar **TH** Real Estate  
General Manager **TH** Real Estate

\* *Tiada dalam gambar*  
*Not in picture*

# JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

## INFORMATION TECHNOLOGY DEPARTMENT



**Mohd Yassin Tahir**

Ketua Pegawai Teknologi  
Chief Technology Officer



**Zulkarnain Asnawi**

Pengurus Besar Perancangan Strategik dan Urustadbir (Dilantik pada 1 April 2013)  
General Manager Strategic Planning and Governance (Appointed on 1 April 2013)



**Zakaria Puteh**

Pengurus Besar Operasi Komputer  
General Manager Enterprise Computer Operations



**Rohani Abu Bakar**

Pengurus Besar Logistik IT & Pentadbiran  
General Manager IT Logistic & Administration



# JABATAN PENGURUSAN HARTANAH DAN PENTADBIRAN

## PROPERTY MANAGEMENT AND ADMINISTRATION DEPARTMENT



**Abdul Halim Md Jamil**

Pengurus Besar Kanan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran  
Senior General Manager Property Management & Administration



**Norul Huda Mohd Sidek**

Pengurus Besar Pentadbiran & Perolehan  
General Manager Administration & Procurement



**Zaini Rashid**

Pengurus Besar Pengurusan Hartanah  
General Manager Property Management

# JABATAN SUMBER MANUSIA

## HUMAN RESOURCE DEPARTMENT



**Muhamad Rani Saidali**

Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia  
Senior General Manager Human Resource



**Zainal Abidin Omar**

Pengurus Besar Pengurusan Sumber Manusia  
General Manager Human Resource Management



**Mohd Norber Kassim**

Pengurus Besar Pembangunan Sumber Manusia  
dan Kualiti (Dilantik pada 2 Mei 2013)  
General Manager Human Resource Development  
and Quality (Appointed on 2 May 2013)



**Norismalily Ishak**

Memangku jawatan Pengurus Besar Perhubungan  
Anggota dan Industri  
Acting General Manager Employee and Industrial  
Relations



# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Jemaah Lembaga Pengarah **TH** (Lembaga Pengarah) memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan tadbir urus korporat dan aplikasinya adalah efektif dan selaras dengan tatacara tadbir urus yang termaktub di dalam **Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535)** dan Prinsip Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat seperti yang digariskan di dalam Prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

**TH** juga telah menjalankan Program Integriti Anggota **TH** bagi memupuk semangat integriti dan akauntabiliti di kalangan anggota **TH** dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pendeposit.

Adalah dengan ini, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya memaklumkan kepada pendeposit akan tatacara Pentadbiran korporat **TH** di bawah **Akta 535**, dan tahap penggunaan dan pemakaian prinsip-prinsip dan pematuhan amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Prinsip Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat seperti yang termaktub di dalam Prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

### LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan tadbir urus korporat **TH** termasuk hala tuju pembangunan strategiknya serta menetapkan matlamat, polisi dan strategi untuk pengurusan dan juga memantau pencapaian matlamat-matlamat tersebut. Di samping itu, Lembaga Pengarah perlu mengenalpasti bidang risiko penting dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengurus risiko-risiko itu dan pada masa sama mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman.

The Board of Directors of **TH** (the Board) has given full commitment to ensure effective applications of corporate governance are adhered to and in line with the governance practices incorporated in **Tabung Haji Act 1995 (Act 535)** and Corporate Governance Best Practice Principles as outlined in the Principles of the Malaysian Code of Corporate Governance.

**TH** has also conducted the Integrity Programme for **TH** Staff in 2012 to inculcate integrity and accountability culture amongst staff in order to provide the best service to the depositors.

The Board is pleased to inform the depositors on the governance under the Tabung Haji Act 1995 (**Act 535**), and the implementation of the best corporate governance practices as outlined by the Corporate Governance Best Practice Principles incorporated in the Principles of the Malaysian Code of Corporate Governance.

### THE BOARD OF DIRECTORS

The Board is fully responsible for the overall corporate governance of **TH** which includes determining its strategic development direction as well as its management objectives, policies and strategies and monitoring of the achievements of the said objectives. Apart from that, the Board is required to identify key risk areas and to take appropriate measures in managing such risks while reviewing the adequacy and integrity of the internal control system.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT | STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

### Komposisi Lembaga Pengarah

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah mengikut garis panduan yang dinyatakan di **Seksyen 6 Akta 535**. Lembaga Pengarah dianggotai oleh Pengerusi dan tidak lebih daripada sembilan Ahli Lembaga Pengarah yang lain. Pengerusi dan tujuh daripada sembilan ahli Lembaga Pengarah adalah atas lantikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Menteri Pentadbir), manakala baki dua ahli adalah wakil daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Kesemua ahli Lembaga Pengarah terpilih mestilah warganegara Malaysia, beragama Islam serta berpengalaman dalam pelbagai aspek seperti kewangan, ekonomi, perakaunan, perkhidmatan awam, dan perundungan. Gabungan ahli-ahli ini amat penting dalam mencapai kejayaan strategik **TH** secara menyeluruh. Ahli-ahli Lembaga Pengarah (kecuali Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif) merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Salah seorang ahli Lembaga Pengarah dilantik oleh Menteri Pentadbir untuk memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, di mana beliau dipertanggungjawabkan untuk menguruskan secara langsung operasi **TH** serta melaksanakan matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah, seperti mana termaktub di dalam **Seksyen 12 Akta 535**.

### Persaraan Dan Pelantikan Semula

Ahli Lembaga Pengarah **TH** yang dilantik hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

### Composition of the Board

The appointment of the Board members are in accordance to the guidelines stipulated under **Section 6 of Act 535**. The Board comprises of a Chairman and not more than nine other members of the Board. The Chairman and seven of the nine members of the Board are appointed by the Minister from the Prime Minister's Department (Minister) while the remaining two are representatives from the Prime Minister's Department and the Ministry of Finance.

Members of the Board must be Muslim Malaysian citizens with vast experience in diverse areas including finance, economy, accounting, public administration and law. Such a composition is crucial to ensure the overall strategic success of **TH**. Members of the Board (except for the Group Managing Director and Chief Executive Officer) are Independent Non-Executive Directors. One of the members shall be appointed by the Minister as Group Managing Director and Chief Executive Officer who is responsible in managing **TH** and carrying out objectives set by the Board, as stipulated under **Section 12 Act 535**.

### Retirement and Re-appointment

A Board member shall hold office for a term not exceeding three years and is eligible for reappointment.



## Imbuhan Lembaga Pengarah

Seseorang ahli Lembaga Pengarah **TH** tidak berhak menerima apa-apa saraan tetapi boleh dibayar dengan honorarium (bayaran saguhati), elaun perjalanan dan elaun sara hidup yang ditentukan oleh Menteri, seperti mana yang dibenarkan di bawah **Seksyen 7 Akta 535**. Berikut adalah antara lain bayaran yang diterima oleh ahli Lembaga Pengarah yang telah diluluskan oleh Menteri Pentadbir:-

- Elaun Tetap Bulanan
- Elaun Menghadiri Mesyuarat
- Elaun Bertugas Rasmi
- Elaun Pakaian Istiadat
- Elaun Pakaian Rasmi

Hanya ahli Lembaga Pengarah yang dilantik menjawat jawatan Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif sahaja layak untuk menerima gaji dan elaun berdasarkan jumlah yang diluluskan oleh Menteri, seperti mana dibenarkan di dalam **Seksyen 12 (3) Akta 535**.

## Integriti

Berdasarkan **Seksyen 9 Akta 535**, sekiranya terdapat sebarang percanggahan kepentingan, ahli Lembaga Pengarah yang berkenaan dikehendaki mengisyiharkan dan mengecualikan diri dalam pertimbangan dan pengundian dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan mereka, secara peribadi atau sebagai pemegang saham syarikat atau firma yang berurusan dengan **TH**.

## Proses Membuat Keputusan

Agenda mesyuarat berserta laporan, kertas kerja cadangan dan dokumen sokongan daripada pihak Pengurusan adalah diserahkan lebih awal kepada Ahli Lembaga Pengarah sebelum tarikh persidangan. Ahli Lembaga Pengarah akan diberikan tempoh yang mencukupi bagi mentelaah kertas kerja cadangan sebelum membuat keputusan yang wajar dan bertepatan. Berdasarkan **Seksyen 13 Akta 535**, Lembaga Pengarah juga boleh mendapatkan khidmat dan nasihat profesional yang bebas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

## Allowance

A Board member is not entitled to receive any remuneration, but may be paid such honorarium travelling and subsistence allowance as determined by the Minister in line with **Section 7 Act 535**. The type of payments received by the Board Members as approved by the Minister are:-

- Fixed Monthly Allowance
- Meeting Allowance
- Official Business Allowance
- Ceremonial Attire Allowance
- Official Attire Allowance

Only the Director appointed as the Group Managing Director and Chief Executive Officer is allowed to receive a salary and allowances as approved by the Minister, as stipulated under **Section 12 (3) Act 535**.

## Integrity

Based on **Section 9 of Act 535**, in any event when a conflict of interest arises, Directors are required to declare the matter and exclude themselves from the decision making process and voting of matters that are of their interest either on a personal basis or as a shareholder or a firm that deals with **TH**.

## Decision Making Process

The meeting's agenda including complete reports, working papers, proposals and supporting documents from the Management are handed over to the Board Members prior to each meeting. Members will have ample time to study all the proposals papers in order to be able to make informed and accurate decisions. According to **Section 13 of Act 535**, the Board is allowed to seek independent professional services and advice in carrying out its roles and responsibilities.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT | STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Berdasarkan **Seksyen 8 Akta 535**, Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan dan tiga orang ahli Lembaga Pengarah diperlukan bagi membentuk kuorum pada mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah. Rekod kehadiran Lembaga Pengarah bagi semua mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang 2012 adalah seperti berikut:-

### Meetings

In accordance to **Section 8 Act 535**, Board of Directors Meetings should be held at least once every three months and three Board Members are required to form a quorum at any of the Board of Directors Meeting. Board of Directors Meetings attendance record for 2012 are as follows :-

Lembaga Pengarah/Board of Directors	Jawatan/Position	Kehadiran*/Attendance*
<b>Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor</b> <i>(Tamat Perkhidmatan pada 30 Jun 2013)</i> <i>(Completion of Service on 30 June 2013)</i>	Pengerusi Chairman	12 daripada 13 mesyuarat 12 out of 13 meetings
<b>Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim</b> <i>(Dilantik pada 1 Julai 2013)</i> <i>(Appointed on 1 July 2013)</i>	Pengerusi Chairman	8 daripada 13 mesyuarat 8 out of 13 meetings
<b>Dato' Paduka Ismee Ismail</b>	Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Group Managing Director & Chief Executive Officer	13 daripada 13 mesyuarat 13 out of 13 meetings
<b>Datuk Othman Mahmood</b> <i>(Dilantik pada 16 Januari 2012)</i> <i>(Appointed on 16 January 2012)</i>	Wakil Jabatan Perdana Menteri Prime Minister's Department Representative	12 daripada 13 mesyuarat 12 out of 13 meetings
<b>Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah</b>	Wakil Perbendaharaan Treasury Representative	8 daripada 13 mesyuarat 8 out of 13 meetings
<b>Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin</b>	Ahli Member	9 daripada 13 mesyuarat 9 out of 13 meetings
<b>Tan Sri Dato' Paduka Badruddin Amiruldin</b>	Ahli Member	12 daripada 13 mesyuarat 12 out of 13 meetings
<b>Tan Sri Dato' Hashim Meon</b>	Ahli Member	12 daripada 13 mesyuarat 12 out of 13 meetings
<b>Datuk Mohamad Aziz</b>	Ahli Member	12 daripada 13 mesyuarat 12 out of 13 meetings
<b>Ghazali Awang</b>	Ahli Member	12 daripada 13 mesyuarat 12 out of 13 meetings

\* Termasuk Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah

\* Inclusive of Special Board Meetings



## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Seperti mana yang dibenarkan **Seksyen 11 Akta 535**, terdapat beberapa Jawatankuasa tertentu diwujudkan bagi membantu Lembaga Pengarah memastikan tadbir urus korporat dilaksanakan dengan baik dan teratur.

Setiap Jawatankuasa bertanggungjawab melaksanakan tugas mengikut terma rujukan yang ditetapkan. Antara jawatankuasa-jawatankuasa utama yang diwujudkan bagi membantu Lembaga Pengarah di dalam pentadbirannya adalah seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Lembaga Tender
- Jawatankuasa Urusan Haji
- Jawatankuasa Penasihat Syariah
- Jawatankuasa Penamaan
- Jawatankuasa Perkhidmatan
- Jawatankuasa Tatatertib
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Bagi melancarkan lagi pengurusan dan operasi **TH**, beberapa Jawatankuasa yang tidak melibatkan Lembaga Pengarah juga telah diwujudkan. Antaranya ialah:-

- Panel Pelaburan
- Majlis Penasihat Haji
- Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (**TH-JAKIM**)

- Among the internal control being implemented in its operations are the usage of MyKad and Biometric System.
- **TH** Information and Communications Technology Policy (ICT) was formulated and documented to outline the policies and procedures needed to ensure safety, security, confidentiality, integrity and availability of the information management, data and application system in **TH**.
- **TH** is committed to provide excellence in service that meets international standards through the implementation and certification of Quality Management System (QMS) ISO 9001:2008 by SIRIM Berhad. To date, the Hajj Department and the Operations and Depositors Service Department have managed to maintain and renew the certification. **TH** also obtained Procurement Management certification and committed to expand the implementation of QMS ISO 9001:2008 to all its departments in stages.
- Aside from the implementation of QMS ISO 9001:2008, **TH** undertook another initiative by implementing the ISO 207001:2005 certification of the Information Security Management System (ISMS) to enhance the confidentiality, integrity and availability of data and information technology infrastructure. This implementation also allows **TH** to coordinate its regulation and information technology security policies and ensures compliance at all levels. In addition, it also helps **TH** to identify and manage its information security risks and to mitigate or eliminate any form of threat.



## vi. Pengurusan Sumber Manusia

- Pengurusan sumber manusia adalah elemen yang sangat penting dalam sistem kawalan dalaman kerana keberkesanannya adalah bergantung kepada keterlibatan anggota di semua peringkat. Untuk itu **TH** sentiasa memberi penekanan bagi mempertingkatkan tahap profesionalisme di kalangan anggota melalui proses pengambilan, program latihan dan sistem penilaian prestasi yang bersesuaian. **TH** telah menetapkan Indeks Penilaian Prestasi (Key Performance Indicators - KPI) dalam membuat penilaian tahunan ke atas prestasi pengurusan pertengahan dan tertinggi.
- **TH** adalah komited untuk menjadi organisasi yang dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus serta bebas daripada gejala rasuah. Untuk itu **TH** telah memeterai Ikrar Integriti Korporat pada 13 April 2012 dan sejajar dengan pemeteraian ini juga **TH** turut melancarkan e-Aduan Rasuah melalui laman webnya.
- Dasar Bagi Pendedahan Maklumat Tentang Salah Laku Di Tempat Kerja (Whistle Blowing Policy) diwujudkan bagi memastikan proses pelaporan maklumat salah laku anggota dibuat mengikut kaedah-kaedah dan cara yang diperuntukkan oleh polisi dalaman dengan lebih telus dan berkesan. Ini adalah sebagai salah satu usaha **TH** untuk mempertingkatkan kualiti tadbir urus korporat. Dasar ini memudahkan pendedahan maklumat dibuat seberapa awal dan membolehkan **TH** mengambil langkah awal menangani pendedahan berkaitan salah laku. Pengwujudan polisi ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat untuk membuat laporan kepada pihak yang dipertanggungjawabkan menerima dan meneliti aduan serta melindungi kerahsiaan pemberi maklumat.

Pemberi maklumat adalah sesiapa sahaja dari kalangan orang berikut:

- (i) anggota Tabung Haji;
- (ii) orang awam; dan
- (iii) mereka yang menjalankan perkhidmatan untuk Tabung Haji termasuk kontraktor dan/atau perunding (“Penyedia Perkhidmatan”).

## vi. Human Resource Management

- Human resource management is a key element in the internal control system as its effectiveness is dependent on involvement of staff at all levels. For that, **TH** always emphasized to improve the level of professionalism among its staff through appropriate recruitment, training and performance evaluation system. Yearly assessment of its middle and senior management performance are performed through Key Performance Indicators (KPI).
- **TH** is committed to be an organization that creates a fair, transparent business environment and free from corruption. Therefore, **TH** has signed a Corporate Integrity Pledge on 13 April 2012 and subsequently launched the e-Anti Corruption service via its website.
- The Whistle Blowing Policy was put in place to ensure that the reporting process for cases of misconduct is in accordance with the rules and manner provided by the internal policies in a transparent and effective manner. This is one of **TH**'s continuous efforts in enhancing the quality of its corporate governance. This policy facilitates the early reporting of misconduct and enables **TH** to take initial steps to handle such cases. The establishment of this policy is also intended to provide protection to whistleblowers to report to the responsible authority to receive and examine complaints and to protect the confidentiality of the whistleblower.

A whistle blower can be anyone that includes:

- (i) Tabung Haji staffs;
- (ii) the general public; and
- (iii) those who perform services to Tabung Haji including contractors and/or consultants (“Service Provider”).

## PENYATA KAWALAN DALAMAN | STATEMENT OF INTERNAL CONTROL

Dasar ini tidak meliputi aduan tentang:

- (i) perkara yang bersifat remeh atau berniat jahat atau didorong oleh agenda peribadi atau perasaan benci;
- (ii) perkara yang belum diputuskan menerusi prosiding tatatertib **TH**; dan
- (iii) perkara yang belum diputuskan menerusi mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, prosiding timbang tara atau prosiding lain seumpamanya.
- **TH** juga telah menguatkuasakan peraturan-peraturan tatatertib iaitu Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010 dan Peraturan-Peraturan Tabung Haji (Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib) 2010.
- Kursus pengukuhan kerja dan ceramah integriti diberikan kepada anggota bagi memantapkan pemahaman berkaitan prosedur kerja, dasar-dasar serta peraturan yang sedia ada di samping menerapkan sikap akauntabiliti dan pematuhan kepada prosedur dan peraturan kerja.
- Dasar pusingan kerja terutama di kalangan anggota teller dilaksanakan secara berperingkat serta berterusan. Lembaga Pengarah berpuas hati dengan sistem kawalan dalaman yang telah diwujudkan sama ada di peringkat **TH** mahupun Kumpulan dan akan terus menjalankan proses mengenalpasti, menganalisa dan mengurus risiko utama yang mungkin dihadapi sepanjang tahun. Proses tersebut akan selalu dikaji oleh Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan akan dilakukan dengan panduan Piagam Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit. Sistem kawalan dalaman yang telah dilaksanakan akan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan persekitaran dan usaha ini adalah sesuatu yang berterusan.

Penyata ini telah disediakan sejajar dengan kelulusan Lembaga Pengarah bertarikh 18hb April 2013.

Conversely, this policy does not cover:

- (i) those matters that are frivolous or malicious or motivated by a personal agenda or hatred;
- (ii) pending matters through **TH's** disciplinary proceeding; and
- (iii) matters that have yet been decided by any tribunal or regulatory body or court, arbitration proceedings or other similar proceedings.
- **TH** has also enforced disciplinary regulation through the 2010 Tabung Haji Rules of Conduct and Tabung Haji Regulations (Disciplinary Committee and Disciplinary Appeal Committee) 2010.
- Job Proficiency Training and integrity talks are given to staff to strengthen their understanding on work procedures, policies as well as existing guidelines apart from instilling accountability and discipline towards work guidelines and procedures.
- Job rotation policy, especially among tellers, has been implemented on a continuous basis. The Board is satisfied with the system of internal controls that have been established at either the **TH** or its Group and will continue to carry out the process of identifying, evaluating and managing significant risks that may be encountered during the year. These processes will be reviewed constantly by the Board of Directors via the Audit Committee. Inspections will be made based on the Internal Audit Charter under the guidance of the Audit Committee. Internal control systems that have been implemented will be continuously upgraded from time to time in line with changes in the environment.

This statement is prepared in line with the Board of Directors approval made on 18th April 2013.



# JAWATANKUASA AUDIT

## AUDIT COMMITTEE

### JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 1 Januari 1989. Rujukan dan perlantikan ahli yang berkuatkuasa adalah mengikut surat Pekeliling Am sulit Bil. 2 Tahun 1993 – Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

### KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT 2012

Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif. Senarai Ahli Jawatankuasa dan rekod kehadiran mesyuarat sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

### AUDIT COMMITTEE

The Audit Committee was established on Jan 1, 1989. Reference and appointment of its active members are in accordance to the Confidential General Circular No. 2 1993 – Guidelines on Roles and Responsibilities of Ministry, Board of Directors and Chief Executive in the Management of the Federal Statutory Bodies.

### 2012 AUDIT COMMITTEE MEMBERSHIP

The Committee comprises of Non-Executive Directors. Their names and meeting attendance record for 2012 are as follows:

Nama/Name	Jawatan/Position	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
Tuan Haji Ghazali bin Awang	<ul style="list-style-type: none"><li>Pengerusi/Chairman</li><li>Ahli Lembaga Pengarah/ Board of Directors Member</li></ul>	4/4
Datuk Othman bin Haji Mahmood <i>(Dilantik sebagai Ahli JKA TH pada 16 Januari 2012/Appointed as JKA TH Member on 16 January 2012)</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>Ahli Lembaga Pengarah/ Board of Directors Member</li><li>Wakil Jabatan Perdana Menteri/ Prime Minister's Department Representative</li></ul>	2/4
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah	<ul style="list-style-type: none"><li>Ahli Lembaga Pengarah/ Board of Directors Member</li><li>Wakil Perbendaharaan/ Treasury Representative</li></ul>	2/4

### KEKERAPAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun 2012. Kuorum mesyuarat ialah 2 orang ahli dan Ketua Audit Dalam sebagai Setiausaha. Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan **TH** akan turut hadir atas jemputan daripada Jawatankuasa.

### BIDANG KUASA, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AUDIT

#### BIDANG KUASA

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

- Menyiasat semua aktiviti yang termasuk dalam bidang kuasanya.
- Memperolehi semua sumber yang diperlukan bagi menjalankan auditan.
- Memperolehi semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan auditan.
- Komunikasi dengan juruaudit luar dan dalam serta pihak pengurusan Kumpulan **TH**.
- Mendapatkan khidmat nasihat profesional atau guaman yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan.
- Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan dalam.

#### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit kepada Jemaah Lembaga Pengarah adalah untuk mengkaji, menilai dan melaporkan mengenai perkara-perkara berikut:

- Menetapkan skop audit dan perancangan audit dalam.
- Memastikan polisi dalaman, prosedur dan garis panduan, kawalan dalaman dan operasi yang efektif dilaksanakan.
- Memastikan juruaudit mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas mereka.

### MEETING'S FREQUENCY

The Audit Committee has met four times in 2012. The required quorum is two members and the Chief Internal Auditor act as the Secretary. The Group Managing Director and Chief Executive Officer and the Senior Management of **TH** will attend as invitee.

### JURISDICTION, JOBSCOPE AND RESPONSIBILITIES

#### JURISDICTION

The Audit Committee has been given the authority by the Board to:

- Investigate all activities within its jurisdiction.
- Access to all the necessary resources to carry out the audit.
- Access to all information and documents relevant to audit matters.
- Communicate directly with the external and internal auditors as well as the **TH** Group Management.
- Seek professional or legal advices from expert with relevant experience on related matters.
- Hold meeting with external and internal auditors.

#### JOB AND RESPONSIBILITIES

The Audit Committee's role and responsibilities to the Board of Directors are to examine, assess and report on the following matters:

- Audit scope and the internal audit plan.
- Ensure the implementation of effective internal policies, procedures and guidelines, internal control and operations.
- Ensure auditors have the authority to carry out their duties.



- Memastikan tindakan penambahbaikan demi mengukuhkan kawalan dalaman.
- Memastikan laporan kewangan suku tahun dan akhir tahun mematuhi piawaian perakaunan.
- Memastikan tiada sebarang urusniaga yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dan keraguan terhadap integriti Pengurusan **TH**.
- Mengkaji struktur Bahagian Pengurusan Audit Dalam untuk memperbaiki dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanannya dalam melaksanakan fungsinya.
- Mengkaji dan meluluskan perubahan dalam tumpuan pengauditan daripada pendekatan audit berdasarkan pematuhan kepada audit berasaskan risiko. Ini termasuklah mengkaji garis panduan audit dan kaedah pengauditan berasaskan risiko berdasarkan piawaian industri dan amalan sejagat yang terbaik.
- Mengkaji keperluan anggota dan latihan yang diperlukan anggota audit dalam bagi melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan efektif.
- Ensure appropriate actions taken as agreed for better internal control.
- Ensure quarterly and yearly financial reports comply to approved accounting standards.
- Ensure there are no transactions that can give rise to conflicts of interest and doubts on the integrity of **TH** Management
- Review the structure of the Internal Audit Division to improve and enhance the efficiency and effectiveness in carrying out its functions.
- Review and approve changes in the auditing approach from compliance-based to risk-based audit. This includes reviewing audit guidelines and risk-based audit approach based on industry standards and global best practices.
- Review staff manning and training requirement to ensure internal audit staff are competent to carry out audit work efficiently and effectively.

# LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

## RISK MANAGEMENT REPORT

### KAJIAN TAHUNAN


Pengurusan risiko terus menjadi salah satu fokus utama dalam mencapai wawasan **TH** untuk menjadi tunggak kejayaan ekonomi ummah dan kecemerlangan dalam pengurusan haji. Ia adalah penting kerana semua risiko yang boleh menggagalkan visi **TH** perlu dikenal pasti dan diuruskan dengan berkesan.

Pewujudan pengurusan risiko sebagai budaya korporat telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada Lima Tahun Rancangan Perniagaan **TH**. Usaha tersebut dicapai melalui pendekatan holistik dan bersepadan dalam pengurusan risiko berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadan (Enterprise Risk Management atau ERM) yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah **TH**.

Antara ciri-ciri Rangka Kerja ERM adalah seperti berikut:-

- Peranan dan tanggungjawab yang jelas dari Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam mengurus risiko yang juga termasuk di semua peringkat dalam **TH**; dan
- Budaya pengurusan risiko yang kukuh dan kefahaman yang kuat dimanifestasikan melalui risiko merentasi semua peringkat dan keputusan perniagaan yang selaras dengan selera risiko **TH** dan strategi pengurusan risiko.

Proses ERM yang diterima pakai bagi setiap aktiviti di semua peringkat dalam **TH** digambarkan seperti di bawah:



### YEAR IN REVIEW

Risk Management continues to be one of the key focus areas in achieving **TH**'s vision of becoming the pillar of the ummah economic success and excellence in pilgrimage management. It is vital that all risks that could impact **TH** vision to be identified and managed effectively.

Institutionalizing risk management as a corporate culture has been identified as part of **TH**'s Five Years Business Plan. Such endeavor will be achieved through advocating a holistic and integrated approach in risk management based on an Enterprise Risk Management Framework (the Framework).

Among the features of the ERM Framework are:-

- Clear roles and responsibilities of the Board of Directors and Management in managing risk which also includes all levels in **TH**; and
- Strong risk management culture and strong understanding manifested across all levels and business decisions, which are in line with **TH** risk appetite and risk management strategies.

The ERM process adopted for each activity at all level in **TH** is depicted below:



Isu-isu berkaitan dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Akta Pencegahan Pembentayaan Keganasan (AMLA/ATF) sedang dikuatkuasakan dan dipatuhi oleh kakitangan **TH**.

Selain itu, satu lagi fokus penting ialah Pelan Kesinambungan Perniagaan (PKP), di mana setiap Jabatan/Bahagian di **TH** perlu melalui proses pengenalan untuk menentukan kawasan-kawasan kritis yang boleh memberi impak akibat gangguan dalam perniagaan. Peranan dan tanggungjawab Ketua Jabatan/Bahagian, Penyelaras PKP dan Pemilik Proses telah digariskan dengan jelas, di dalam aliran proses pelan tindakan. Satu taklimat latihan pra ujian bagi “table top test” juga telah dijalankan di mana simulasi pada senario bencana telah diandaikan untuk semua bahagian-bahagian yang dikenal pasti mempunyai fungsi perniagaan yang kritis. Latihan ini membolehkan persediaan di semua bahagian yang terjejas bagi mengetahui peranan dan tanggungjawab tertentu sekiranya berlaku bencana.

Salah satu fungsi utama Bahagian Pengurusan Risiko adalah membuat laporan pengurusan risiko yang dipercayai dan tepat di mana ia memberi penekanan dan menyediakan maklumat baru, strategik dan komentar kepada pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah dalam merumuskan strategi perniagaan dan untuk membantu pengawasan dan tanggungjawab bagi membuat keputusan.

### Melangkah ke Hadapan

Dalam menguruskan risiko yang berkesan dan untuk memastikan bahawa risiko kegagalan dikenal pasti dan diuruskan dengan berhemah, keupayaan ERM akan terus ditingkatkan. Peningkatan keupayaan ERM termasuk pembangunan dan memperolehi sistem ERM bagi memudahkan proses pengurusan risiko dan program dilaksanakan kepada semua bahagian dalam **TH**, yang juga boleh diperluaskan kepada Kumpulan dan Anak Syarikat.

Peningkatan pemantauan dan keupayaan AMLA/AFT adalah satu perkara yang berterusan di mana program kesedaran secara berkala sedang dijalankan kepada semua kakitangan di semua peringkat serta perancangan dalam inisiatif lain.

Akhirnya, Bahagian Pengurusan Risiko adalah komited untuk memberi tumpuan di dalam meningkatkan keupayaan mengurus risiko-risiko yang timbul dari Operasi Haji di Arab Saudi, serta mengukuhkan budaya pengurusan risiko untuk terus mewujudkan persekitaran di mana setiap ahli **TH** mampu untuk mengenalpasti risiko dan mengambil kira kesannya apabila membuat keputusan.

Issues relating to the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act (AMLA/ATF) requirements are being enforced and observed by staff of **TH**.

Another significant focus is the Business Continuity Plan (BCM), where divisions within **TH** went through identification process to ascertain its critical areas which could give impact resulting from business interruption. Process flows on action plans were put in place and in addition, the roles and responsibilities of Head of Department/Division, BCM Coordinator and the Process Owners were clearly outlined. A pre training briefing for a table top test was also conducted where simulation on disaster scenarios were assumed for all the identified divisions having critical business functions. The exercise allows readiness of all the affected divisions on their specific roles and responsibilities during a disaster.

Reporting of risk management report that is trusted and on timely manner is one of the key functions of Risk Management Division. The report emphasizes and provides an emerging and strategic information and commentary for the executive management and board in formulating business strategies and to assist their oversight and decision making responsibilities.

### Moving Forward

In managing risk effectively and to ensure that the risk of failure are identified and managed prudently, RMD is continuously enhancing its ERM capabilities. The enhancement of ERM capabilities includes the development and acquiring of ERM system that facilitate the risk management process and the cascading of the program to all divisions in **TH**, which may also be extended to the Group and its Subsidiaries.

Improvement to the monitoring and capabilities of AMLA/AFT is a continuous affair where awareness programs are periodically being conducted to all staff at all levels as well as other initiatives in the pipeline.

Finally, the Risk Management Division is committed to focus on enhancing **TH**'s management of risks arising from its Hajj Operations in Saudi Arabia, as well as strengthening the risk management culture to continuously create an environment in which every member of **TH** able to identify risks and take into account their impact when making decision.



**Menambah nilai perkhidmatan dan  
penyampaian melangkaui ekspektasi**

**Adding** value to services and delivering beyond  
expectations



---

**ULASAN OPERASI PENGARAH  
URUSAN KUMPULAN DAN  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
**Operational Review  
Group Managing Director and  
Chief Executive Officer**

- Perkhidmatan Pelanggan  
Customer Service
- Perkhidmatan Haji  
Hajj Service
- Pelaburan  
Investment
- Sektor Perladangan  
Plantation Sector
- Sektor Kewangan Islam  
Islamic Finance Sector
- Sektor Hartanah dan Pembinaan  
Property Development and  
Construction Sector
- Sektor Perkhidmatan Lain-Lain  
Other Services Sector

# ULASAN OPERASI OPERATIONAL REVIEW

## Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Group Managing Director and Chief Executive Officer

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya, Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah menunjukkan prestasi yang cemerlang bagi tahun 2012 meskipun di dalam suasana ekonomi yang mencabar. Usaha memperkuatkan pelbagai inisiatif transformasi telah diteruskan dan ianya berjaya mencapai sasaran prestasi yang memberangsangkan serta memenuhi kehendak pelanggan.

Alhamdullilah, with the blessings of Allah S.W.T, 2012 was an excellent year for Lembaga Tabung Haji (**TH**) despite a challenging economic environment. Various transformation initiatives continued to be reinforced, and these successfully met performance targets and customer expectations.





# 6.5%+1.5%

## Bonus Jubli Emas Golden Jubilee Bonus

**TH** terus melaksanakan Pelan Perniagaannya dengan teliti untuk mencapai matlamat menjadi sebuah Institusi Pelaburan Islam bertaraf dunia yang bukan hanya memberikan perkhidmatan haji terbaik, malah pulangan yang kompetitif kepada tabungan komuniti Islam di Malaysia. Bagi mencapai matlamat tersebut, **TH** terus melakukan penambahbaikan dalam pengurusan haji dan tabungan pendeposit, serta giat meneroka peluang-peluang pelaburan baru yang boleh memberikan pulangan yang lebih mampan pada masa akan datang.

Leveraging on its Business Plan, **TH** is on track towards its quest of becoming a world-class Islamic Investment Institution that not only provides the best hajj services, but one that also offers competitive returns to Muslim investors in Malaysia. To achieve this goal, **TH** implemented several improvements in managing its hajj and depositors' savings whilst actively exploring new investment opportunities that will deliver sustainable future returns .

### Dato' Paduka Ismee Ismail

Pengarah Urusan Kumpulan dan  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Group Managing Director and  
Chief Executive Officer

## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF | OPERATIONAL REVIEW GROUP MANAGING DIRECTOR AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Hasil inisiatif tersebut **TH** telah berjaya untuk pertama kalinya merekodkan keuntungan selepas zakat dan cukai mencecah RM2.1 bilion. Kedudukan kewangan yang kukuh ini membolehkan **TH** memberi pulangan bonus tahunan lebih tinggi sebanyak 6.5%, dan ditambah dengan pemberian bonus khas sebanyak 1.5% sebagai hadiah istimewa kepada para pendeposit bersempena sambutan Jubli Emas **TH** tahun ini.

Pada Musim Haji 1433H, **TH** memperkenalkan beberapa inisiatif yang lebih inovatif seperti perkhidmatan Talian Ibadah (TAIB) dan penghantaran bagasi awal dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan lebih efisyen dan lancar.

Sistem transaksi secara *online* melalui Internet MyGovXchange hasil kerjasama strategik dengan MAMPU diperkenalkan sebagai kemudahan alternatif kepada 8.2 juta pendeposit **TH**.

**TH** meneruskan kecemerlangan pelaburannya dengan mencari peluang-peluang pelaburan baru di sektor harta tanah tempatan dan luar negara. Pada bulan September 2012, **TH** telah berjaya melabur di dalam sektor harta tanah yang pertama di United Kingdom dengan pembelian satu unit bangunan pejabat 4 tingkat di kota raya London.

Pelaburan **TH** di sektor perladangan, harta tanah, kewangan Islam dan lain-lain perkhidmatan melalui anak-anak syarikatnya diteruskan dengan pemantauan prestasi yang teliti bagi memastikan pulangan tinggi dan kompetitif.

Saya yakin dengan sokongan dan kepercayaan berterusan dari para pendeposit, **TH** akan mampu meneroka lebih banyak peluang pelaburan yang memberi pendapatan berulang serta dapat memperkuatkannya kedudukan kewangannya agar terus kekal menjadi sebuah organisasi Islam terunggul di dunia.

Saya dengan sukacitanya membentangkan laporan keseluruhan operasi dan pencapaian utama **TH** bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Through these various initiatives, **TH** recorded a net profit after zakat and tax of RM2.1 billion. This strong financial position allowed **TH** to give a higher annual bonus of 6.5% and an additional 1.5% special bonus to its depositors, in conjunction with **TH**'s Golden Jubilee celebration this year.

The year's highlights include the introduction of several innovative initiatives such as the *Talian Ibadah (TAIB)* and early baggage delivery to ensure more efficient hajj management services during the 1433H Hajj Season.

**TH**'s strategic co-operation with MAMPU led to the introduction of the MyGovXchange internet transaction system – an alternative online transaction channel for 8.2 million **TH** depositors.

**TH** continues to grow its real estate portfolio by embarking on new investment opportunities locally and abroad. In September 2012, **TH** purchased a four-storey office building in London as its first property investment in the United Kingdom.

**TH**'s investments in the plantation, real estate, Islamic finance and other service sectors through its subsidiaries are continuously monitored to ensure high and competitive returns.

I am confident with the steadfast support and trust from its depositors, **TH** will be able to explore more investment opportunities to provide recurring income whilst strengthening its financial position as one of the world's premier Islamic organisations.

I am pleased to report on **TH**'s major achievements and operations for the year ended 31 December 2012.



# TABUNG HAJI



# PERKHIDMATAN PELANGGAN

## CUSTOMER SERVICE

Pada tahun 2012, inisiatif **Pelan 50** (sasaran 50% umat Islam Negara menjadi ahli **TH**) telah berjaya merekodkan pencapaian terbaik melepas sasaran di mana sebanyak 51.8% umat Islam menjadi pendeposit **TH**.

Pencapaian ahli baru adalah seramai 1.32 juta orang, yang menjadikan jumlah keseluruhan pendeposit **TH** pada akhir tahun 2012 meningkat ke 8.2 juta orang, peningkatan sebanyak 17% dari tahun 2011.

### TAWARAN PRODUK PERKHIDMATAN

**TH** terus memperluaskan akses penyampaian perkhidmatannya dengan penambahan dua (2) agen kutipan iaitu Asian Finance Bank dan Kuwait Finance House, menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 13 agen kutipan **TH**.

Agen-Agen Kutipan/Collection Agents
Pos Malaysia Berhad
Bank Simpanan Nasional
Bank Islam Malaysia Berhad
Maybank Berhad
CIMB Bank
RHB Bank
Public Bank Berhad
Ambank Berhad
Bank Muamalat Malaysia Bhd
Hong Leong Islamic Bank
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Asian Finance Bank
Kuwait Finance House

In 2012, the “**Pelan 50**” initiative (a plan to sign up 50% of the Muslim population in the country as **TH** depositors) recorded its highest achievement, exceeding its target by registering 51.8% of the Muslim population as **TH** depositors.


The 1.32 million new depositors registered brought the total number of **TH** depositors to 8.2 million, at the end of 2012. This was an increase of 17% from 2011.

### SERVICE OFFERINGS

**TH** continues to expand its service channels with the addition of two (2) new collection agents namely Asian Finance Bank and Kuwait Finance House, bringing the total number of **TH** collection agents to 13.

### BILANGAN PENDEPOSIT NUMBER OF DEPOSITORS

(‘000 Pendeposit/'000 Depositors)





**TH** turut menambah rangkaian perkhidmatan Automated Teller Machine (ATM) dan Cash Deposit Machine (CDM) melalui kerjasama dengan rakan strategiknya Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamic. Kerjasama ini telah meningkatkan jumlah saluran perkhidmatan **TH** kepada 4,347 ATM, 1,478 CDM dan 268 Kaunter yang menjadikan jumlah akses saluran perkhidmatan **TH** kepada 6,093 berbanding 5,926 pada tahun 2011.

The strategic co-operation with Bank Islam, Bank Rakyat and Maybank Islamic saw **TH** expanding its Automated Teller Machine (ATM) and Cash Deposit Machine (CDM) services. This co-operation increases the number of **TH**'s service channels to 4,347 ATMs, 1,478 CDMs and 268 counters. This has increased **TH**'s total service channels to 6,093 compared to 5,926 in 2011.

Tahun/ Year	ATM/ ATM	CDM/ CDM	Kaunter Uniteller/ Uniteller Counters	Jumlah/ Total
2010	925	375	239	1,539
2011	4,241	1,431	254	5,926
2012	4,347	1,478	268	6,093

Bagi memudahkan para pendeposit **TH** menjalankan urusan transaksi mereka, transaksi elektronik melalui Internet yang dikenali sebagai MyGovXchange – eKL yang melibatkan kerjasama **TH** dengan MAMPU telah diperkenalkan. Kini, para pendeposit **TH** boleh melakukan transaksi **TH** secara online pada bila-bila masa dengan lebih selesa.

Selain itu, **TH** dalam meningkatkan kemudahan transaksi online kini sedang bekerjasama dengan Maybank Islamic bagi menyediakan perkhidmatan melalui Perbankan Internet Maybank2u dan sedang membina Sistem Perkhidmatan Internet **TH** tersendiri, di mana kedua-duanya bakal dilancarkan pada tahun 2013.

The MyGovXchange – eKL electronic transaction system was introduced to provide convenience for **TH** depositors. The collaboration between **TH** and MAMPU allows **TH** depositors to perform online transactions with ease at any time.

As part of **TH**'s ongoing online service enhancement, **TH** is currently collaborating with Maybank Islamic to provide services via Maybank2u Internet Banking, and designing its own **TH** Internet Service System. Both initiatives are scheduled for launch in 2013.

## TABUNG HAJI CONTACT CENTER

Tabung Haji Contact Center (THCC) berfungsi sebagai Pusat Panggilan Setempat bagi memudahkan proses maklum balas dan penyebaran maklumat secara tepat serta seragam kepada para pendeposit. THCC juga memberikan perkhidmatan sms bagi perkhidmatan pertanyaan dan aduan.

Sepanjang tahun 2012, THCC menerima sebanyak 113,652 panggilan dan berjaya menyelesaikan 97.3% kes yang diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Perkhidmatan THCC yang disediakan oleh VADS telah menerima anugerah “Gold Medal Best Outsourcing Partnership (Asia Pacific)” dan “Bronze Medal untuk Best Outsourcing Partnership (World)” sempena Best Practices Conference & Award – Top Ranking Performers in the Contact Center World 2012.

## INDEKS KEPUASAN PELANGGAN

**TH** mengukur tahap kepuasan pelanggan dalam penyampaian perkhidmatannya dengan penggunaan Indeks Kepuasan Pelanggan (IKP) yang merupakan indikator utama bagi mengukur prestasi perkhidmatan yang diberikan kepada para pelanggan setiap tahun.

**TH** merekodkan purata 90.4% IKP untuk empat (4) skop perkhidmatan melalui tiga (3) hasil soal selidik yang dijalankan seperti berikut:

No/ No	Skop Analisa/ Scope of Analysis	Kaji Selidik 1/ Survey 1	Kaji Selidik 2/ Survey 2	Kaji Selidik 3/ Survey 3	Purata/ Average
1	Perkhidmatan Kaunter Counter Service	99.39%	99.15%	99.07%	99.20%
2	Standard Perkhidmatan Pelanggan Customer Service Standard	98.38%	98.54%	97.82%	98.25%
3	Perkhidmatan Elektronik dan Uniteller Electronic Service and Uniteller	69.89%	79.81 %	88.38%	77.69%
4	THCC THCC	87.31%	87.16%	84.92%	86.46%
<b>Jumlah Purata/Total Average</b>					<b>90.4%</b>

## TABUNG HAJI CONTACT CENTER

The Tabung Haji Contact Center (THCC) functions as a One-Stop Centre that facilitates the feedback process and dissemination of information to depositors in an accurate and standardised manner. THCC also provides sms service for enquiries and complaints.

In 2012, THCC handled 113,652 calls and managed to solve 97.3% of cases received within the stipulated time.

THCC services provided by VADS bagged the “Gold Medal for Best Outsourcing Partnership (Asia Pacific)” Award and the “Bronze Medal for Best Outsourcing Partnership (World)” at the Best Practices Conference & Award for Top Ranking Performers in the Contact Center World 2012.

## CUSTOMER SATISFACTION INDEX

**TH** measures the level of customers' satisfaction using the Customer Satisfaction Index (CSI), which is the main indicator used in measuring service performance provided to depositors annually.

**TH** recorded an average of 90.4% CSI for four (4) service areas based on the results of three (3) surveys, as indicated below:

## PUSAT KHIDMAT KEWANGAN ISLAM (IFiC)

Pusat Khidmat Kewangan Islam (IFiC) berperanan sebagai Pusat Perkhidmatan Kewangan Islam Setempat (*one-stop centre*) yang menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti perbankan, pembiayaan, perlindungan takaful, perkhidmatan pelancongan dan pertukaran mata wang. IFiC yang pertama telah dilancarkan pada 9 Januari 2012, di Menara **TH**, Air Molek, Johor Bharu.



## ISLAMIC FINANCIAL CENTRE (IFiC)

The Islamic Financial Centre (IFiC) is a one-stop Islamic finance centre that provides various services such as banking, financing, takaful, tourism as well as currency exchange. The first IFiC was launched on 9 January 2012 at Menara **TH**, Air Molek in Johor Bharu.



# PERKHIDMATAN HAJI

## HAJJ SERVICE

Pengurusan dan perkhidmatan haji adalah teras utama **TH** sejak penubuhannya 50 tahun yang lalu. Persediaan bagi menghadapi setiap musim haji bermula sejurus tamatnya operasi haji tahun semasa. Usaha berterusan ini adalah selaras dengan visi **TH** untuk memberikan khidmat pengurusan haji terbaik kepada semua jemaah haji Malaysia. Alhamdulillah, Operasi Haji Musim 1433H telah berjalan lancar, hasil komitmen tinggi **TH** dan para petugas haji yang terlibat.

### PERSEDIAAN MUSIM HAJI 1433H

Jabatan Haji memulakan persiapan urusan haji musim 1433H dengan mengadakan sesi pasca-nilai bagi mengenalpasti ruang penambahbaikan operasi haji musim 1432H yang lalu. Sesi ini merupakan pemangkin untuk **TH** terus memperbaiki mutu perkhidmatan haji yang ditawarkan setiap tahun. Selain itu, beberapa sesi Muzakarah dan perundingan haji turut diadakan bagi mencari idea-idea baru pelaksanaan perkhidmatan haji yang lebih efisyen dan memuaskan hati para jemaah haji Malaysia.

Bagi memantapkan pengetahuan ibadah haji, **TH** telah menganjurkan beberapa kursus haji di seluruh negara untuk bakal-bakal jemaah haji. Pelbagai kursus, latihan dan bimbingan haji juga diberikan kepada para petugas haji bagi memantapkan lagi pengetahuan, meningkatkan kecekapan dan tanggungjawab ketika menjalankan tugas semasa operasi haji.

### OPERASI HAJI 1433H

Bagi Musim Haji 1433H, Malaysia diperuntukkan sebanyak 27,900 kuota haji (0.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia) oleh Kerajaan Arab Saudi. Jemaah haji Malaysia terdiri daripada Jemaah Haji Muassasah, Jemaah Haji di bawah TH Travel & Services Sdn Bhd dan Jemaah Haji di bawah kelolaan 19 Pengelola Jemaah Haji (PJH) iaitu agensi pelancongan swasta yang dilesenkan oleh **TH**.

Haji management and services have been **TH**'s core focus since its inception 50 years ago. Preparation for each hajj season begins as soon as the current hajj operations are completed. This is in line with **TH**'s vision to provide the best hajj services for all Malaysian pilgrims. Alhamdulillah, with strong commitment from **TH** and the entire hajj workforce involved, the 1433H Hajj Operations went smoothly.

### PREPARATION FOR THE 1433H HAJJ SEASON

A post-mortem session on the 1432H Hajj operations was held by the Hajj Department to identify areas of improvement in preparation for the 1433H Hajj season. This session serves as a catalyst for **TH** to improve hajj service standards every year. Apart from this, several *Muzakarah* sessions and hajj consultations are held to ascertain implementation of new ideas to increase efficiency and satisfaction among Malaysian hajj pilgrims.

**TH** also organises several hajj courses nationwide to ensure prospective hajj pilgrims possess sufficient knowledge in hajj matters. In addition, various hajj courses, training and guidance are given to the hajj workforce to make sure that they are knowledgeable, efficient and responsible while performing their duties throughout the hajj operations.

### HAJJ OPERATIONS 1433H

Malaysia was provided a hajj quota of 27,900 (0.1% of the total Malaysian population) for the 1433H Hajj season by the Saudi Arabian Government. Malaysian hajj pilgrims comprised Muassasah Hajj Pilgrims, Hajj Pilgrims under TH Travel & Services Sdn Bhd and Hajj Pilgrims under the management of 19 Hajj Pilgrims Organiser (PJH) which were private travel agencies licensed by **TH**.



Bayaran menunaikan ibadah haji bagi musim 1433H masih kekal RM9,980 seorang berbanding kos sebenar yang berjumlah RM14,880 seorang. **TH** telah menanggung kos haji sebanyak RM4,900 seorang bagi jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji buat kali pertama. Keseluruhan subsidi **TH** berjumlah RM104 juta merupakan tanggungjawab sosial korporat **TH** untuk para jemaah haji negara ini.

Operasi Haji melibatkan Operasi Haji Tanah Air (OHTA) yang meliputi persediaan dan perkhidmatan sebelum keberangkatan jemaah ke Tanah Suci dan Operasi Tanah Suci (OHTS) yang merangkumi semua perkhidmatan haji di Tanah Suci. Seramai lebih 1,000 orang petugas haji OHTA dan OHTS yang terdiri dari anggota **TH**, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan telah berkhidmat pada sepanjang Musim Haji 1433H.

Operasi Musim Haji 1433H bermula dengan penerbangan pertama jemaah haji ke Tanah Suci pada 17 September 2012 dan berakhir dengan penerbangan pulang jemaah haji terakhir ke Tanah Air pada 28 November 2012.

## PERKHIDMATAN DI TANAH SUCI

**TH** sentiasa memastikan perkhidmatan yang ditawarkan adalah terbaik dan selesa untuk para jemaah menunaikan ibadat ketika di Tanah Suci. Lokasi penginapan yang disediakan kepada para jemaah adalah selesa dengan jarak tidak melebihi satu kilometer dari Masjidil Haram, Makkah dan 200 meter dari Masjidil Nabawi, Madinah.

Hajj fees for the 1433H Hajj Season was maintained at RM9,980 per person compared to the actual hajj cost of RM14,880 per person. A total of RM4,900 of the hajj fees was subsidised for every first-time pilgrim under the Muassasah category. In all, **TH** subsidised a total of RM104 million, as part of its social obligation and corporate social responsibility for the country's hajj pilgrims.

Hajj operations involve Domestic Hajj Operations (OHTA), which covers the preparation and services prior to the pilgrims' departure for the Holy Land; and the Holy Land Hajj Operations (OHTS), which encompasses all hajj services in the Holy Land. A total of 1,000 OHTA and OHTS hajj workforce comprising **TH**'s internal staff, related government and private agencies served throughout the 1433H Hajj Season.

The 1433H Hajj Operations began with the first flight departure to the Holy Land on 17 September 2012 and ended with the arrival of the last return flight on 28 November 2012.

## SERVICES IN THE HOLY LAND

**TH** constantly ensures that all its services provide convenience to the pilgrims while they are performing their hajj in the Holy Land. Comfortable accommodations are provided within one kilometre from Masjidil Haram, Makkah and 200 metres from Masjidil Nabawi, Madinah.

**TH** menyediakan perkhidmatan perubatan dan rawatan di hospital Aziziah dan Syishah serta klinik-klinik di setiap Maktab untuk para jemaah. **TH** turut menyediakan kaunter-kaunter bagi transaksi simpanan, pengeluaran, kutipan dam dan qurban, serta bayaran badal haji. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dikendalikan oleh para Pembimbing Ibadat Haji dan kaunselor bertauliah disediakan bagi memberi bimbingan ibadat dan ziarah, serta nasihat pengurusan kendiri kepada para jemaah.

Perkhidmatan penyajian makanan yang disediakan oleh **TH** melalui anak syarikatnya TH Global Services Sdn Bhd (THGS) ialah penyediaan makan tengahari dan malam, selain perkhidmatan kafetaria di setiap maktab bagi kemudahan para jemaah setiap hari.

### OPERASI MASYA'IR

Semasa operasi Masya'ir, para jemaah haji dibawa ke Arafah dari Makkah dengan menaiki bas untuk berwukuf pada 9 Zulhijjah, bersamaan 25 Oktober 2012. Bas pertama bertolak dari Makkah seawal jam 11.45 pagi pada 8 Zulhijjah melalui sistem pengangkutan "Taraddudiah".

Waktu wukuf bermula selepas gelincir matahari pada 9 Zulhijjah hingga terbit fajar pada 10 Zulhijjah. Selesai berwukuf, Jemaah bertolak ke Muzdalifah untuk bermabit, yang bermula pada 11.28 malam. Jemaah pertama kemudiannya dibawa ke Mina bermula jam 12.05 pagi pada 10 Zulhijjah 1433H. Kesemua jemaah selamat sampai di perkhemahan Mina Muaisim sebelum waktu Zohor pada hari yang sama.

Urusan melontar Jamratul Aqabah pada 10 Zulhijjah dan ketiga-tiga Jamrah pada hari-hari tasyrik iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah telah diatur secara berkumpulan mengikut maktab masing-masing, berdasarkan jadual melontar yang dikeluarkan oleh Kementerian Haji Arab Saudi.

Pada Musim 1433H ini, satu terowong baharu yang siap dibina menghubungi kawasan perkhemahan jemaah haji Malaysia di Muaisim ke tempat melontar di Mina telah digunakan buat pertama kalinya oleh jemaah haji Malaysia.

Medical services are made available at the Aziziah and Syishah Hospitals, as well as in clinics at each Maktab. Service counters are open for the convenience of the pilgrims to make savings, withdrawals, payment of *dam*, *badal hajj* and qurban collections. The pilgrims are also offered guidance and counselling services on hajj, umrah and personal matters by the Hajj Ibadah Guide team and accredited counsellors.

TH Global Services Sdn Bhd (THGS), a subsidiary of **TH** provides daily catering services for lunch and dinner as well as cafeteria services in the Maktab for the pilgrim's added convenience.

### MASYA'IR OPERATIONS

During the Masya'ir operations, all pilgrims were transported by bus to Arafah from Makkah for *wuquf* on 9 Zulhijjah (25 October 2012). The first bus left Makkah as early as 11.45 am on 8 Zulhijjah using the "Taraddudiah" transportation system.

The *wuquf* began at noon on 9 Zulhijjah until sunrise on 10 Zulhijjah. Upon completion of the *wuquf*, the pilgrims proceeded to Muzdalifah for *bermabit*, which began at 11.28 pm. The first batch of pilgrims was then transported to Mina starting at 12.05 am of 10 Zulhijjah 1433H. All pilgrims arrived safely in Mina Muaisim campsite before Zuhur prayer on the same day.

The pelting of Jamratul Aqabah on 10 Zulhijjah and the three Jamrats on the days of tasyrik (11, 12 and 13 Zulhijjah) was organised in groups according to their respective Maktabs, based on the schedules issued by the Saudi Arabia Hajj Ministry.

During the 1433H season, a new tunnel connecting the campsite of Malaysian hajj pilgrims in Muaisim to the pelting area in Mina was used for the first time by the Malaysian haji pilgrims.



## PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN

Beberapa penambahbaikan perkhidmatan telah dilakukan pada Musim Haji 1433H, antaranya adalah pengenalan Talian Ibadat Tanah Suci (TAIB) yang dikendalikan oleh Pembimbing Ibadat Haji untuk mempelbagaikan medium bagi jemaah haji mendapatkan penjelasan berkaitan hal ehwal ibadat haji. Talian TAIB beroperasi 24 jam sehari pada waktu kemuncak haji dari Ibu Pejabat **TH** Makkah.

Pengenalan sistem penghantaran bagasi sehari lebih awal daripada pergerakan jemaah haji semasa di Tanah Suci ke Makkah dan Jeddah serta penghantaran bagasi terus ke bilik penginapan para jemaah juga telah memberi lebih keselesaan dan mengurangkan kesesakan di lif-lif hotel/bangunan kediaman jemaah haji.

Semua pengurus Maktab dan Zon dibekalkan *gajet tablet* bagi memudahkan komunikasi dan melaporkan pergerakan jemaah haji semasa di Tanah Suci melalui Sistem Maklumat Bersepadu secara web base. Penggunaan aplikasi Skype juga diperkenalkan sebagai kaedah dalaman untuk penyampaian dan penyaluran maklumat di antara stesen-stesen Operasi Haji Tanah Air dan Tanah Suci.

**TH** juga telah menambah kepelbagaian menu sajian makanan dengan citarasa Malaysia untuk Musim 1433H ini. Tambahan ini mengambilkira citarasa, khasiat dan kitaran menu bagi memberi lebih kepuasan kepada jemaah dalam menikmati sajian yang disediakan.

## PENCAPAIAN

**TH** telah berjaya mengekalkan pengiktirafan pengurusan haji di peringkat global melalui pensijilan semula MS ISO 9001: 2008 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 13 Mei 2012. Pencapaian ini jelas membuktikan iltizam **TH** ke arah kecemerlangan perkhidmatan dan meletakkan **TH** pada tahap yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

## SERVICE IMPROVEMENTS

During the 1433H Hajj Season, several improvements were made such as the introduction of the *Talian Ibadah Tanah Suci (TAIB)*, managed by the Hajj Ibadah Guide team. TAIB provides another medium for pilgrims to seek clarification on hajj related issues and it operates from **TH**'s Headquarters in Makkah, 24 hours daily at the peak Hajj period.

The introduction of the early baggage delivery system for pilgrims travelling to Makkah and Jeddah, combined with direct-to-room baggage delivery provides additional hassle-free convenience and comfort to the pilgrims. The system helped prevent congestion in the hotels' and buildings' elevators.

All Maktab and Zone managers in the Holy Land were equipped with a tablet to facilitate reporting and communication on the pilgrims' movement using a web-based Central Operations Information System. Skype was also used as an internal mode of communication among the Hajj Operations stations locally and in the Holy Land.

In the 1433H Hajj Season, **TH** added more variety to its meal menus to cater to the Malaysian palate. Factors such as taste, nutrition and menu rotation were taken into account in heightening the pilgrims' dining satisfaction and experience.

## ACHIEVEMENTS

**TH** successfully maintained its MS ISO 9001: 2008 certification by SIRIM QAS International Sdn Bhd on 13 May 2012. This achievement clearly indicates **TH**'s dedication towards achieving international service excellence.

# PELABURAN

## INVESTMENT

### AKTIVITI PELABURAN PADA 2012

**TH** meneruskan aktiviti pelaburan dengan baik meskipun dalam pasaran yang mencabar. Pada 2012, **TH** telah berjaya memanfaatkan strategi pelaburan jangka panjang dan berhemah bagi memberikan pulangan pelaburan yang optimum dengan meneroka prospek pelaburan yang lebih menguntungkan selaras dengan matlamat untuk memberi pulangan yang kompetitif dan berterusan serta mengekalkan nilai modal pelaburan kepada para pendeposit.

### PENGURUSAN PORTFOLIO EKUITI

Pelaburan dalam ekuiti tercatat patuh Syariah terus menjadi teras pelaburan **TH** bagi menjana pulangan yang kompetitif sejajar dengan tahap risiko yang berpatutan serta memastikan nilai pelaburan terpelihara. **TH** membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat yang berpotensi menjana pulangan dalam bentuk dividen serta keuntungan modal yang menarik dan mampan.

Pada 2012, berdasarkan purata jumlah aset RM10.67 bilion, **TH** merekodkan pendapatan berjumlah RM1.4 billion daripada pelaburan ekuiti tercatat. Ini memberikan kadar pulangan 13.1% pada tahun 2012. Peratusan tersebut adalah lebih tinggi berbanding Indeks FBM Emas Syariah dan Indeks FBM KLCI yang masing-masing mencatatkan 11.8% dan 10.3%. Pendedahan pelaburan terbesar mengikut kelas aset adalah dalam sektor perkhidmatan, perladangan dan perbankan.


### INVESTMENT ACTIVITIES IN 2012

Despite a challenging market, **TH** manages its investment activities effectively. In 2012, **TH** took advantage of its long-term and prudent investment strategy to optimise investment returns by exploring profitable investment opportunities, in line with its objective to provide competitive returns to its depositors whilst preserving its capital value.

### EQUITY PORTFOLIO MANAGEMENT

Investments in Shariah-compliant listed equities remained **TH**'s core investment focus in meeting its objective to generate competitive returns within reasonable risk levels whilst preserving the capital. Investments are made in companies that will potentially give competitive returns through sustainable dividends and attractive capital gains.

In 2012, based on an average asset size of RM10.67 billion, **TH** recorded a total income of RM1.4 billion from its investments in listed equities. This translated into a realised return of 13.1% in 2012, slightly higher than the performance of FBM Emas Shariah and FBM KLCI which recorded 11.8% and 10.3% respectively. The largest investment exposures by asset sectorial are in trading and services, plantations and banking sectors.





**TH** turut mengambil bahagian dalam Tawaran Saham Awal dengan melanggan saham-saham syarikat-syarikat seperti IHH Healthcare Berhad, Felda Global Ventures Berhad dan Gas Malaysia Berhad. Langganan saham-saham tersebut dibuat berdasarkan asas kewangan syarikat yang kukuh, penguasaan pasaran, penilaian saham yang menarik serta potensi syarikat untuk memberikan pulangan pelaburan yang tinggi.


Prestasi pasaran saham 2012 dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran di Eropah, Amerika Syarikat dan China. Bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, negara-negara tersebut telah melaksanakan dasar kewangan mudah melalui penurunan kadar faedah dan program pembelian bon-bon kerajaan. Langkah tersebut meningkatkan kadar kecairan kewangan dalam ekonomi dan mengakibatkan dana asing mengalir masuk ke negara-negara membangun seperti Malaysia yang menerima aliran dana bersih berjumlah kira-kira RM13.7 bilion berbanding RM1.9 bilion pada 2011 (sumber: Bursa Malaysia).

**TH** participated in initial public offerings (IPO) by subscribing IPO shares in IHH Healthcare Berhad, Felda Global Ventures Berhad and Gas Malaysia Berhad. **TH's** subscriptions of the IPO shares were made based on the companies' strong fundamentals, market leadership, attractive valuations and potential high returns on investment.

The performance of equity markets in 2012 was influenced by external factors in Europe, United States and China. To stimulate their economic growth, the said countries adopted easy monetary policies by reducing interest rates and purchasing government bonds. This resulted in a higher liquidity in the economy and led to inflows of foreign funds into emerging markets such as Malaysia. Malaysia received a net fund inflow of RM13.7 billion compared to RM1.9 billion in 2011 (source: Bursa Malaysia).

#### **Pelaburan ekuiti tercatat **TH** dalam 2012 mengikut sektor**

**TH's** investment in listed equities in 2012 based on sector




33.1%	Perkhidmatan Trading & Services
23.8%	Perladangan Plantation
13.8%	Kewangan Finance
12.1%	Pembinaan Construction
5.7%	Produk Industri Industrial Products
4.8%	Hartanah & REIT Property & REIT
3.6%	Produk Pengguna Consumer Products
2.2%	Infrastruktur Infrastructure
0.9%	Teknologi Technology

Prestasi pasaran saham Malaysia juga didorong oleh beberapa faktor positif dalam negara. Pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) dan pembangunan pesat di Iskandar Malaysia serta Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah berjaya meningkatkan keyakinan para pelabur. Pengumuman Bajet 2013 yang bersifat lebih mesra rakyat dan perniagaan di samping memberi penekanan kepada usaha pengurangan defisit dan hutang negara.

Pasaran saham juga telah disokong oleh aktiviti-aktiviti pengambilalihan korporat seperti syarikat KFC Holdings (M) Berhad serta penyenaraian syarikat-syarikat besar seperti Gas Malaysia Berhad, IHH Healthcare Berhad dan Felda Global Venture Berhad. Namun, ketidakpastian tentang Pilihanraya Umum Ke-13 pada akhir suku ke empat 2012 mengekang kenaikan pasaran saham ke tahap yang lebih tinggi.

#### **Pergerakan Indeks FBM KLCI pada 2012/ FBM KLCI Index movement in 2012**

Indeks FBM KLCI (mata)  
FBM KLCI Index (points)




Sumber/Source: Bloomberg

The Malaysian stock market performance was further boosted by positive factors locally. The implementation of projects under the Economic Transformation Programme (ETP), such as the Mass Rail Transit (MRT) and robust development in Iskandar Malaysia as well as the Government Transformation Programme (GTP), improved investors' confidence. This was further buoyed by the people and business friendly 2013 Budget announcement which also placed emphasis on efforts to reduce deficit and government debts.

The share market was also supported by privatisation activities such as KFC Holdings (M) Berhad as well as the listing of big companies such as Gas Malaysia Berhad, IHH Healthcare Berhad and Felda Global Venture Berhad onto the main board. However, uncertainties arising from the looming 13th General Election capped the upward movement of the market at the end of the fourth quarter of 2012.

#### **Pergerakan Indeks FBM Emas Syariah pada 2012/ FBM Emas Shariah Index movement in 2012**

Indeks FBM Emas Syariah (mata)  
FBM Emas Shariah Index (points)



Sumber/Source: Bloomberg



## PELABURAN DANA DAN OUTSOURCING

Objektif Pelaburan Dana dan *Outsourcing* adalah untuk menjana pulangan patuh Syariah yang kompetitif dan mampan melalui syarikat pengurusan dana luaran. Dana **TH** yang diuruskan oleh pengurus dana luar sebahagian besarnya dibahagikan kepada dua kategori iaitu ekuiti tercatat dan private equity.

Bahagian Pelaburan Dana dan *Outsourcing* **TH** bertanggungjawab untuk menilai, memilih dan memantau prestasi pengurus dana luar yang dilantik oleh **TH**. Prestasi pengurus dana luar dipantau dan dinilai setiap bulan, untuk memastikan mereka mampu mencapai sasaran pulangan yang ditetapkan oleh **TH**.

Bagi mandat ekuiti tercatat, terdapat enam (6) pengurus dana luar yang dilantik bagi tahun 2012 iaitu lima (5) untuk pasaran tempatan dan satu untuk pasaran Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun). Jumlah dana yang diuruskan oleh pengurus dana luar bagi mandat ekuiti tercatat pada 2012 berjumlah RM425 juta (2011: RM350 juta) dan **TH** menyasarkan perolehan pulangan mutlak dan realis di antara 8% hingga 9% setahun.

## FUND INVESTMENT AND OUTSOURCING

The objective of the Fund Investment and Outsourcing division is to generate competitive and sustainable returns in Shariah compliant investments through external fund management companies. The funds outsourced by **TH** are mostly divided into two categories, namely, listed equities and private equities mandates.

The main responsibilities of this division are to evaluate, select, monitor and measure the performances of the appointed external fund managers for **TH**. The external fund managers' performance are monitored and measured on a monthly basis to ensure that they are able to achieve the target returns set by **TH**.


For the listed equities mandate, six (6) external fund managers were appointed in 2012 i.e. five (5) for domestic market and one for Asia Pacific (ex-Japan) market. Total funds outsourced for listed equities mandate in 2012 was RM425 million (2011: RM350 million) and **TH** targets to earn absolute and realised returns of between 8% to 9% per annum.

Pengurus Dana Luar (Domestik VS Luar Negara)/  
External Fund Manager (Domestic VS Foreign)



- 24% Pengurus Dana Luar (Luar Negara)  
External Fund Manager (Foreign)
- 76% Pengurus Dana Luar (Domestik)  
External Fund Manager (Domestic)

Dana Private Equity (Domestik VS Luar Negara)/  
Private Equity Fund (Domestic VS Foreign)




- 25% Dana Private Equity (Luar Negara)  
Private Equity Fund (Foreign)
- 75% Dana Private Equity (Domestik)  
Private Equity Fund (Domestic)

Bagi mandat private equity, **TH** telah memberi komitmen untuk melabur sebanyak RM657.6 juta (2011: RM318.8 juta) dalam lima (5) dana domestik dan tujuh (7) dana luar negara. Portfolio dana private equity **TH** diagihkan dalam pelbagai sektor ekonomi dan geografi. Peratusan agihan dana private equity berdasarkan geografi adalah sebanyak 46.7% di Timur Tengah, 11.6% di Asia dan 41.7% di Malaysia. Mengikut sektor ekonomi pula, 29% daripada dana diagihkan kepada sektor pengguna, diikuti dengan 21% dalam produk perindustrian, 20% sektor harta tanah, 18% sektor perdagangan/perkhidmatan, 6% sektor infrastruktur, 3% sektor minyak dan gas dan 3% sektor kewangan. Sasaran kadar pulangan dalamannya (IRR) bagi dana private equity adalah di antara 12% hingga 20% setahun.

Sehingga 31 Disember 2012, nilai buku bersih keseluruhan pelaburan dana *outsource* **TH** adalah berjumlah RM1.3 bilion (3% daripada jumlah keseluruhan nilai aset bersih **TH**), peningkatan 18.1% berbanding RM1.1 bilion pada tahun 2011. Bahagian Pelaburan Dana dan *Outsourcing* telah merekodkan perolehan kasar berjumlah RM104.3 juta pada 2012, iaitu peningkatan 54.3% berbanding RM67.6 juta yang direkodkan bagi 2011.

As for the private equity mandate, **TH** has cumulatively committed to invest RM657.6 million (2011: RM318.8 million) in five (5) domestic and seven (7) foreign private equity funds. These private equity funds are diversified into various economic sectors and geographical locations. Geographically, the private equity funds of 46.7% are committed in the Middle East, 11.6% in Asia and 41.7% in Malaysia. By sectors, 29% of the funds are committed to the consumer sector, followed by 21% in industrial products, 20% in real estates, 18% in trading/services, 6% in infrastructure, 3% in oil & gas and 3% in financial sector. The targeted internal rate of returns (IRR) for the private equity funds ranges from 12% to 20% per annum.

As at 31 December 2012, **TH** total net book value of outsourced funds amounted to RM1.3 billion (3% of **TH**'s net asset value), 18.1% higher than RM1.1 billion outsourced in 2011. The Fund Investment and Outsourcing division recorded gross income of RM104.3 million in 2012 or 54.3% higher compared to RM67.6 million recorded in 2011.





## PENGURUSAN PORTFOLIO PENDAPATAN TETAP

Portfolio pelaburan pendapatan tetap **TH** bagi Tahun Kewangan 2012 merangkumi pelaburan dalam Sukuk, Kertas Komersil patuh Syariah, Instrumen Boleh Niaga, Instrumen Pasaran Wang Jangka Pendek dan Jangka Sederhana serta pembiayaan kepada Anak Syarikat.

Sehingga 31 Disember 2012, nilai buku bersih keseluruhan portfolio pendapatan tetap adalah berjumlah RM13.7 bilion atau 34% daripada jumlah keseluruhan nilai aset bersih **TH**, peningkatan 67% berbanding RM8.2 bilion yang dicatatkan pada 2011.

Jumlah perolehan kasar **TH** dalam pelaburan portfolio pendapatan tetap bagi 2012, adalah sebanyak RM631.3 juta iaitu peningkatan 17%, berbanding RM541.4 juta pada 2011.

**Portfolio Pendapatan Tetap**  
Aset dan Keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012/  
**Fixed Income Portfolio Management**  
Assets and Income for FYE 31 December 2012



## FIXED INCOME PORTFOLIO MANAGEMENT


**TH's** investment portfolios in fixed income for the Financial Year 2012 include investments in Sukuk, Shariah compliant Commercial Papers (ICP), Negotiable Instruments, Medium and Short-Term Money Market Instruments as well as Financing to Subsidiaries.

As at 31 December 2012, the net book value of **TH's** fixed income portfolio is RM13.7 billion or 34% from the total net asset value, which was a 67% increase from the RM8.2 billion recorded in 2011.

**TH** recorded gross income of RM631.3 million in fixed income investment portfolio for 2012, a 17% increase compared to RM541.4 million recorded in 2011.

**Sumbangan Portfolio Pendapatan Tetap**  
Kepada Keseluruhan Aset dan Keuntungan **TH** bagi tahun berakhir 31 Disember 2012/

**Fixed Income Portfolio Management**  
Contribution to **TH's** Assets and Income for FYE 31 December 2012






Saiz pasaran bon/Sukuk di Malaysia bagi tahun 2012 meningkat sebanyak 17% kepada RM1,258 billion berbanding RM1,075 billion pada akhir tahun 2011 bagi kedua-dua bon/Sukuk kerajaan dan korporat, di mana 54% daripadanya adalah Sukuk. Sementara itu, jumlah bon/Sukuk korporat adalah sebanyak RM712 billion di mana 62% daripadanya adalah Sukuk (Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia). Sehingga 31 Disember 2012, pelaburan **TH** di dalam Sukuk adalah bernilai RM9.6 billion.

Kadar pulangan 10-tahun Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII), Sukuk bertaraf AAA dan AA2 ditutup lebih rendah bagi tahun 2012. GII, AAA, dan AA2 ditutup masing-masing pada 14, 21 dan 33 mata asas lebih rendah kepada 3.62%, 4.24%, dan 4.66% pada akhir tahun 2012. Aliran menurun ini mencerminkan permintaan yang lebih tinggi bagi aset-aset kredit berkualiti dalam tempoh ketidaktentuan pasaran kewangan global dan prospek ekonomi.

The market size for bonds/Sukuk in Malaysia for 2012 increased by 17% to RM1,258 billion from RM1,075 billion recorded at the end of 2011 for both government and corporate bonds/Sukuk, where 54% were Sukuk. Corporate bonds/Sukuk stood at RM712 billion where 62% were Sukuk (Source: Bond Pricing Agency Malaysia). As at 31 December 2012, **TH**'s total investments in Sukuk amounted to RM9.6 billion.

The yield of 10-year Government Investment Issue (GII), AAA and AA2 rated Sukuk ended broadly lower for the year 2012. The GII, AAA, and AA2 closed 14 basis points (bps), 21 bps, and 33 bps lower to 3.62%, 4.24%, and 4.66% respectively at the end of 2012. The downtrend reflected a stronger demand for high credit quality assets amid the uncertainty of global financial markets and economic outlook.

#### Portfolio Pendapatan Tetap pada 31 Disember 2012/ Fixed Income Portfolio as at 31 December 2012





## PENYELIDIKAN PELABURAN

Bahagian Penyelidikan Pelaburan sentiasa meneliti perkembangan terkini ekonomi tempatan dan antarabangsa, industri-industri, pasaran-pasaran saham dan syarikat-syarikat senaraian awam bagi menyokong proses penyelidikan pelaburan untuk mengenalpasti peluang pelaburan yang kompetitif dan memperolehi pulangan pelaburan yang optimum bagi **TH**. Untuk lebih memahami operasi dan potensi dalam syarikat-syarikat senaraian awam, bahagian ini kerap membuat lawatan kerja, berhubung secara aktif dengan pihak pengurusan serta memantau perkembangan syarikat-syarikat ini melalui pengumuman di Bursa Malaysia, laporan kewangan dan media. Pada tahun 2012, hampir 100 buah syarikat telah dilawati dan lebih daripada 30 buah syarikat telah hadir ke **TH** untuk membentangkan perkembangan terkini syarikat masing-masing.

Bahagian ini turut mendapat sokongan daripada bahagian penyelidikan pelaburan di bawah panel broker saham **TH** dalam mengukuhkan pemahaman mengenai senario ekonomi, perkembangan industri, pasaran saham dan syarikat-syarikat senaraian awam. Panel broker saham ini mengadakan perjumpaan dengan pihak pengurusan, pengurus-pengurus dana dan penganalisis-penganalisis Jabatan Pelaburan **TH** sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun, selain berkongsi secara berterusan laporan-laporan penyelidikan pelaburan terkini.

Berdasarkan penyelidikan tersebut, Bahagian Penyelidikan Pelaburan akan mengenal pasti potensi pelaburan dalam syarikat-syarikat yang telah tersenarai di Bursa Malaysia mahupun Penawaran Awal Awam (IPO). Bahagian ini akan menyediakan laporan-laporan penyelidikan pelaburan dan membentangkannya kepada pengurus-pengurus dana **TH** untuk pertimbangan yang sewajarnya. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memberi cadangan sama ada membuat pembelian, penjualan atau terus mengekalkan pegangan pelaburan saham di dalam sesebuah syarikat senaraian awam dalam usaha untuk mendapatkan pulangan pelaburan yang optimum.

Penilaian dan pemantauan prestasi panel broker tempatan dan asing **TH** turut dilakukan berdasarkan kedudukan kewangan, kualiti penyelidikan pelaburan dan perkhidmatan urus niaga saham yang diberikan. Bagi 2012, sebanyak 12 broker saham tempatan dan dua broker saham asing dilantik sebagai panel broker **TH**.

## INVESTMENT RESEARCH

The Investment Research Division is responsible for monitoring the latest developments and trends of local and international economies, industries, stock markets and listed companies to support investment research processes in identifying competitive investment opportunities which could generate optimum investment returns for **TH**. To further understand the operations and potentials of companies listed on Bursa Malaysia, this division undertakes regular company visits, engaged actively with management members and monitors developments within these companies through announcements made to Bursa Malaysia as well as financial and media reports. In 2012, this division visited almost 100 companies, while more than 30 companies visited **TH** to present their latest updates and outlook.

This division also received continuous support from the investment research units of **TH**'s panel of stockbrokers in enhancing the division's understanding on current economic scenarios as well as latest developments in stock markets, various industries and listed companies. Besides continuous sharing of their daily research information, **TH**'s panel of stockbrokers met and briefed the management; the Investment Department fund managers and research analysts, at least once every quarter.

Based on the analysis, the Investment Research Division will then identify investment opportunities within companies listed on Bursa Malaysia as well as Initial Public Offerings (IPOs). This division will then prepare investment research reports and brief **TH**'s fund managers for their consideration. It is the responsibility of this division to consistently provide investment recommendations to the fund managers, either to buy, sell or hold the stock listed on the Bursa Malaysia in obtaining the optimum investment returns for **TH**.

This division is also tasked to monitor and evaluate the performance of **TH**'s panel of local and foreign stockbrokers based, amongst others, on their financial position and quality of investment research and stockbroking services provided. A total of 12 local stockbrokers and two foreign stockbrokers were appointed as **TH**'s panel of stockbrokers in 2012.

# SEKTOR PERLADANGAN

## PLANTATION SECTOR

**TH** mencebur入 bidang perladangan sejak 1972 melalui anak syarikatnya, TH Plantations Berhad (THP). **TH** memiliki pegangan saham sebanyak 71.83% ke atas THP yang telah tersenarai di papan utama Bursa Malaysia sejak April 2006.

Pada 2012, **TH** terus memberi tumpuan yang jitu kepada strategi perkembangan nilai entiti perladangannya menerusi penstrukturkan semula aset perladangan di Malaysia dengan penjualan Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn Bhd ("THLSS") dan TH Bakti Sdn Bhd ("TH Bakti") kepada THP.

Penstrukturkan semula ini melibatkan pengambilalihan oleh THP ke atas keseluruhan pegangan ekuiti **TH** dalam syarikat THLSS dan 70% pegangan ekuiti di dalam TH Bakti. Penstrukturkan semula tersebut melibatkan kira-kira 46.2 ribu hektar kawasan ladang kelapa sawit di Terengganu dan Sarawak serta getah di Sabah, memberikan kesan signifikan terhadap jumlah keluasan tanah perladangan Kumpulan THP. Peningkatan jumlah keluasan tanah perladangan sebanyak 103% daripada kira-kira 44.9 ribu hektar kepada 91.1 ribu hektar, menempatkan Kumpulan THP antara syarikat perladangan sederhana besar di Malaysia.

Penstrukturkan semula ini telah meningkatkan saiz keluasan perladangan dan kawasan bertanam milik Kumpulan THP sebanyak 41% daripada 38.2 ribu hektar kepada 53.8 ribu hektar. Peningkatan ini sekaligus menstabilkan profil umur pokok kelapa sawit daripada purata 16 tahun kepada 14 tahun.



**TH** has been involved in the plantation sector since 1972 through its subsidiary company, TH Plantation Berhad (THP). **TH** owns 71.83% shares in THP, which was listed on the main board of Bursa Malaysia since April 2006.

**TH** continues to focus on enhancing the value of its plantation entity by restructuring its plantation assets in Malaysia with the divestment of TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn Bhd ("THLSS") and TH Bakti Sdn Bhd ("TH Bakti") to THP in 2012.

The restructuring exercise involved THP acquiring the entire equity interest in THLSS and 70% equity interest in TH Bakti, involving 46.2 thousand hectares of plantation land bank comprising oil palm plantations in Terengganu and Sarawak, and rubber plantations in Sabah. THP Group's land bank increased significantly by 103% from 44.9 thousand hectares to 91.1 thousand hectares, thus uplifting THP Group's position as a medium-sized plantation company in Malaysia.

The restructuring has also increased the total oil palm planted area of THP Group by approximately 41% from 38.2 thousand hectares to 53.8 thousand hectares and improved the oil palm age profiles, lowering the average age from 16 to 14 years.





Keluasan tanah perladangan kelapa sawit dan getah Kumpulan **TH** adalah kira-kira 218.7 ribu hektar yang terletak di Malaysia dan Indonesia. Perincian keluasan tanah perladangan milik Kumpulan **TH** adalah seperti berikut:-

**TH** Group owns approximately 218.7 thousand hectares of oil palm and rubber plantations in Malaysia and Indonesia. The breakdown of its plantation areas are as follows:-


Syarikat/ Company	Kawasan Bertanam/ Planted Area	Kawasan Belum Tanam & Lain-Lain/ Greenfield & Others	Jumlah/ Total
			(Hektar)/(Hectares)
TH Plantations Berhad ("THP") - Kelapa Sawit/Oil Palm - Getah/Rubber	53,805 2,818	21,559 12,896	75,364 15,714
<b>Sub-Jumlah/Sub-Total</b>	<b>56,623</b>	<b>34,455</b>	<b>91,078</b>
PT TH Indo Plantation ("PTTHIP")	<b>71,956</b>	<b>13,669</b>	<b>85,625</b>
Trurich Resources Sdn Bhd ("TRSB")	<b>23,107</b>	<b>18,893</b>	<b>42,000</b>
<b>JUMLAH BESAR/GRAND TOTAL</b>	<b>151,686</b>	<b>67,017</b>	<b>218,703</b>

\* Penyata Keluasan Tanah Perladangan milik Kumpulan **TH**

\* Area Statement owned by **TH** Group

## SEKTOR PERLADANGAN | PLANTATION SECTOR

Graf di bawah menunjukkan perincian kawasan bertanam mengikut profil umur pokok kelapa sawit (sebelum dan selepas penyelarasan)/  
The graph below shows the details of oil palm age profiles (pre and post-restructuring)



Kumpulan **TH** turut memberi penekanan kepada kepelbagaiannya aktiviti perladangan di mana ia bukan hanya tertumpu kepada aktiviti perladangan kelapa sawit, getah dan pengilangan malahan aktif menceburi perniagaan hilir di Indonesia seperti pengeluaran dan pembungkusan minyak masak untuk pasaran tempatan Indonesia dan luar negara.

### PRESTASI LADANG

Pada tahun kewangan berakhir 2012, Kumpulan **TH** memiliki ladang seluas 218.7 ribu hektar berbanding 211 ribu hektar pada tahun 2011. Jumlah keluasan ini adalah 73% daripada sasaran seluas 300 ribu hektar.

**TH** Group accentuates integrated plantation activities. Besides focusing on upstream oil palm and rubber plantations as well as millings activities, it is also increasingly involved in downstream activities such as venturing into packaging of edible oil for both the Indonesian and export markets.

### PLANTATION PERFORMANCE

As of the financial year ended 2012, **TH** Group owned 218.7 thousand hectares of plantation land compared to 211 thousand hectares in 2011. This formed 73% of the targetted 300 thousand hectares.






Dengan penambahan kawasan baharu dan kerja-kerja penanaman semula yang dilaksanakan, Kumpulan THP positif akan dapat meningkatkan produktiviti penghasilan buah tandan segar (BTS) yang maksima pada masa hadapan. Pencapaian hasil BTS secara keseluruhan pada tahun 2012 mencatatkan sedikit penurunan berbanding tahun 2011. Namun demikian, terdapat peningkatan hasil BTS di Malaysia dan Kalimantan sebanyak 4% dan 29% berbanding tahun 2011 berikutan perolehan hasil dari kawasan-kawasan matang baru di Sarawak dan Kalimantan. Manakala di Riau terdapat sedikit penurunan hasil BTS sebanyak 5% berbanding tahun 2011.

Berikut adalah jumlah pengeluaran BTS bagi 3 tahun terkini:

**Keluasan Ladang Kumpulan TH/  
Area Statement of TH Group**




*Peningkatan jumlah keluasan ladang dari tahun 2010 sehingga tahun 2012*

Total plantation land area increase from 2010 to 2012

THP Group is positive that the addition of new plantation areas and replanting activities, will accelerate productivity and maximise the production of fresh fruit bunches (FFB) in the future. In 2012, the overall production of FFB showed a slight decline compared to 2011. However, FFB production increased by 4% in Malaysia and 29% in Kalimantan compared to 2011, from newly matured areas in Sarawak and Kalimantan respectively. However, FFB production in Riau showed a slight decrease of 5% compared to 2011.

Total FFB production for the last three years are as follows:

**Jumlah Pengeluaran BTS/  
Total Production of FFB**




## SEKTOR PERLADANGAN | PLANTATION SECTOR

Syarikat/ Company	Jumlah Pengeluaran BTS/ Total Production of FFB		Peratus/ Percentage
	2011	2012	
<b>THP</b> <b>THP</b>	663,870	<b>689,153</b>	<b>3.80</b>
<b>THIP</b> <b>THIP</b>	1,169,820	<b>1,107,331</b>	<b>(5.34)</b>
<b>Trurich</b> <b>Trurich</b>	65,925	<b>84,827</b>	<b>28.7</b>
<b>Pencapaian Keseluruhan Kumpulan TH</b> Overall Performance of <b>TH</b> Group	1,899,615	<b>1,881,311</b>	<b>(0.96)</b>

Di Malaysia terdapat sebanyak 36 buah ladang kelapa sawit iaitu dua (2) di Johor, tiga (3) di Negeri Sembilan, empat (4) di Pahang, empat (4) di Terengganu, sembilan (9) di Sabah dan empat belas (14) di Sarawak.

In Malaysia, there are 36 oil palm estates, two (2) in Johor, three (3) in Negeri Sembilan, four (4) in Pahang, four (4) in Terengganu, and nine (9) in Sabah and fourteen (14) in Sarawak.

**Lokasi Ladang dan Kilang Kumpulan TH di Malaysia/Location of **TH** Group's Estates and Mills in Malaysia**



## PRESTASI KILANG


Kumpulan **TH** memiliki enam (6) buah kilang di Malaysia, enam (6) di Riau dan satu (1) di Kalimantan yang berkapasiti memproses di antara 10 metrik tan sehingga 120 metrik tan sejam. Selain itu, Kumpulan **TH** juga memiliki sebuah kilang penapisan minyak sawit di Kabil, Batam. Pembinaan sebuah (1) kilang di Sarawak dan dua (2) buah kilang baharu di Kalimantan yang bakal beroperasi pada 2013, dijangka akan dapat meningkatkan produktiviti pemprosesan buah sawit yang akan menjana perolehan syarikat pada tahun-tahun akan datang. Pada tahun 2012, secara purata kadar perahan Minyak Sawit Mentah (MSM) bagi Kumpulan **TH** menunjukkan penurunan berbanding tahun 2011.

## MILLING PERFORMANCE

**TH** Group has six (6) Palm Oil Mills in Malaysia, six (6) in Riau and one (1) in Kalimantan with a production capacity ranging between 10 metric tonnes to 120 metric tonnes per hour. **TH** Group also owns an oil palm refinery in Kabil, Batam. The fabrication of a new mill in Sarawak and two (2) mills in Kalimantan, targeted to be operational in 2013, are expected to increase the FFB processing thus generates future additional income. The Oil Extraction Rate (OER) for **TH** Group showed a decrease compared to the year 2011.

**Kadar Perahan MSM bagi tiga (3) tahun adalah seperti berikut:/**

The Oil Extraction Rate for three (3) years is as follows:



## SEKTOR PERLADANGAN | PLANTATION SECTOR

Pelbagai usaha dilakukan oleh Kumpulan **TH** seperti penambahan kilang baharu berkapasiti 60 metrik tan di Sarawak yang dijangka beroperasi pada bulan Jun 2013. Ianya dapat mengurangkan kos pengangkutan BTS ke kilang luar dan meningkatkan kualiti pemprosesan BTS. Beberapa inovasi terkini yang digunakan di kilang tersebut dijangka akan meningkatkan kecekapan pemprosesan BTS dan menghasilkan MSM yang berkualiti.

Program penyelenggaraan secara berjadual yang sedang dilaksanakan di kilang-kilang milik Kumpulan **TH** dapat memastikan operasi kilang sentiasa mencapai tahap yang optimum.

Kumpulan **TH** juga sentiasa komited untuk memastikan prestasi pemprosesan kilang terus meningkat dan berdaya saing.

### RANCANGAN MASA DEPAN

Dalam usaha memperkasakan **TH** ke arah pengusahaan perladangan dan pengilangan bersepudu serta berprestasi tinggi, Kumpulan **TH** telah menggariskan empat (4) strategi teras yang menjadi pemangkin terhadap usaha tersebut iaitu Penambahbaikan Nilai Kawasan Bertanam, Pembangunan Kawasan Rizab Belum Bertanam, Prospek Perluasan Tanah Perladangan dan Menginsankan Operasi Perniagaan. Strategi ini diyakini akan dapat memacu **TH** ke arah kelestarian organisasi dan seterusnya memberikan pulangan yang berterusan kepada para pendeposit.

**TH** Group has embarked on various expansion efforts such as the building of a new 60 metric tonnes capacity mill in Sarawak which is targeted to be operational by June 2013. It is expected to reduce FFB transportation cost and increase FFB processing quality. Equipped with the latest innovation, the new mill is expected to increase processing efficiency and quality of FFB, thus produce high quality CPO.

Scheduled maintenance which is practised at all **TH** Group's palm oil mills will optimise the mills operational capacity.

**TH** Group is committed to ensure that the mills remain efficient and competitive.

### FUTURE PLANS

**TH** Group has identified four (4) key growth areas namely Value Enhancement on Planted Areas, Development of Plantable Reserve, Exploring Prospective Landbanks and Humanising Business Operations to re-vitalise and re-energise the performance of its plantation and milling activities. These key growth areas are expected to propel **TH** towards achieving organisational success and sustainable returns to its depositors.



# SEKTOR KEWANGAN ISLAM

## ISLAMIC FINANCE SECTOR

**TH** mengukuhkan kedudukannya dalam sektor kewangan Islam yang merangkumi perkhidmatan perbankan Islam, takaful dan sekuriti melalui anak syarikatnya BIMB Holdings Berhad (BHB), yang juga merupakan syarikat induk bagi Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

BHB merupakan penyedia perkhidmatan kewangan Islam yang ulung dan berada dalam kedudukan yang baik untuk menyokong aspirasi Kerajaan dalam menjadikan negara sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa yang dinamik. BHB kekal kukuh dan teguh sebagai peneraju industri kewangan Islam melalui pelaburan-pelaburan strategik dalam entiti-entiti pelopor patuh Syariah di Malaysia.

BHB mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak RM717.4 juta bagi tahun kewangan 2012, meningkat sebanyak 21.8% atau RM128.5 juta berbanding RM588.9 juta pada 2011. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pendapatan bersih yang lebih tinggi daripada pembiayaan kepada pelanggan serta kualiti aset yang bertambah baik.

### PERBANKAN ISLAM

Bank Islam terus mengukuhkan kedudukannya di dalam industri perbankan Islamik global dengan keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak RM600.3 juta, peningkatan sebanyak 21.8% berbanding 2011. Bank Islam menguasai 9.8% pasaran perbankan Islam tempatan dengan jumlah keseluruhan asetnya melebihi RM37 bilion.

Tahap kefahaman yang semakin tinggi mengenai perbankan Islam di kalangan pengguna membuka ruang kepada Bank Islam untuk menawarkan lebih banyak produk-produk berinovatif kepada para pelanggannya. Bank Islam merekodkan pertumbuhan deposit pelanggan sebanyak 15.1% atau RM4.3 bilion dan telah diiktiraf sebagai “Bank Islam Terbaik di Malaysia” oleh Best Banks Poll 2012.

**TH** strengthened its foothold in the Islamic finance sector, which comprises Islamic finance & banking services, takaful and securities through its subsidiaries BIMB Holdings Berhad (BHB) - the parent company of Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad and BIMB Securities Sdn. Bhd.

As a premier Islamic financial services provider, BHB is well positioned to support the Government's aspiration to develop the nation as a dynamic International Islamic Financial Centre. BHB has steadfastly maintained its lead in the Islamic banking and industry through strategic investments in Shariah-compliant pioneering entities in Malaysia.

In the financial year 2012, BHB recorded a Profit Before Zakat and Tax of RM717.4 million, an increase of 21.8% or RM128.5 million compared to RM588.9 million previously. This growth was driven mostly by higher income from customers financing as well as better assets quality.

### ISLAMIC BANKING

Bank Islam strengthened its position in the global banking industry with a Profit Before Zakat and Tax of RM600.3 million, an increase of 21.8% compared to 2011. Bank Islam controls 9.8% of the local Islamic banking market share with total assets amounting to RM37 billion.

Increased understanding of Islamic banking among consumers has paved the way for Bank Islam to offer a wider variety of innovative products to its customers. Bank Islam recorded a deposit growth of 15.1% or RM4.3 billion and was voted as the “Best Islamic Bank in Malaysia” in the Best Banks Poll 2012.



Pembiayaan bersih berkembang 37.8% bernilai RM19.5 bilion, didorong oleh peningkatan prestasi pembiayaan konsumen yang berkembang 33.6%, manakala perbankan komersial dan korporat masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 35.4% dan 74%.

Bank Islam juga merupakan penasihat utama, penaja jamin tunggal dan ejen penempatan bagi penyenaraian syarikat PESTECH International Berhad. Pada 2012, Bank Islam meneruskan usaha memperluaskan saluran perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan pelanggan dan kekal kompetitif. Rangkaian perkhidmatan Bank Islam telah menjangkau ke 127 cawangan, 1,190 terminal layan diri, lapan (8) pusat perbankan pelanggan, empat (4) buah biro pengurusan wang dan empat (4) buah cawangan Ar-Rahnu.

Pada 2013, Bank Islam akan terus memperluaskan rangkaianya dengan membuka enam (6) cawangan bank dan lima (5) cawangan Ar-Rahnu di lokasi-lokasi baharu, serta mensasarkan untuk membuka 108 terminal-layanan diri.

Bagi mencapai wawasan menjadi pemimpin global dalam perbankan Islam, Bank Islam turut melancarkan pelan strategik yang dikenali sebagai 'Hijrah To Excellence' (H2E). Melalui pelan ini, Bank Islam akan menumpukan kepada enam (6) teras utama iaitu pertumbuhan organik teguh, perkhidmatan cemerlang, inovasi berteraskan Syariah, pengoptimuman sumber, menjadi majikan pilihan dan penyerantauan.

## INDUSTRI TAKAFUL

Takaful Malaysia merupakan pelopor industri takaful di Malaysia dan disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia pada 30 Julai 1996. Takaful Malaysia mencatatkan keuntungan selepas zakat dan cukai sebanyak RM100.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dengan peningkatan sebanyak 31% berbanding tahun 2011.

Net financing rose by 37.8% worth RM19.5 billion attributable to higher consumer financing growth of 33.6% while commercial and corporate banking's growth were also robust at 35.4% and 74% respectively.

Bank Islam is also the lead advisor, sole underwriter and placement agent for the listing of PESTECH International Berhad. In 2012, Bank Islam continued to expand its delivery channels in order to meet customers' demand and to remain competitive. Bank Islam's delivery networks now comprise 127 branches, 1,190 self-service terminals, eight (8) customer banking centres, four (4) money changer bureaus and four (4) Ar-Rahnu branches.

In 2013, Bank Islam will continue expanding its network by opening six (6) banking and five (5) Ar-Rahnu branches in new locations, and an additional 108 self-service terminals.

In achieving its vision as a global leader in Islamic banking, Bank Islam launched the strategic 'Hijrah To Excellence' (H2E) plan. Under this plan, Bank Islam will focus on six (6) main aspects namely robust organic growth, service excellence, Shariah-led innovations, resource optimisation, preferred employer status and regionalisation.

## TAKAFUL INDUSTRY

Takaful Malaysia is the pioneer takaful operator in Malaysia and was listed on Bursa Malaysia on 30 July 1996. Takaful Malaysia recorded a Profit After Zakat and Tax of RM100.1 million, an increase of 31% compared to 2011 for the financial year ended 31 December 2012.

## SEKTOR KEWANGAN ISLAM | ISLAMIC FINANCE SECTOR

Takaful Malaysia terus menjadi peneraju dalam perniagaan Takaful Keluarga Kumpulan dengan menguasai 40% bahagian pasaran dan 20% daripada gabungan perniagaan Takaful Keluarga dan Am bagi suku keempat 2012.

Takaful Malaysia sentiasa giat mencari peluang pelaburan melalui pelancaran pelbagai produk dan perkhidmatan. Produk pelaburan terkini ialah Takaful *myGenLife* yang direka khusus untuk memberi lebih fleksibiliti kepada pelanggan dalam penyediaan keperluan perlindungan, simpanan, persaraan dan pelaburan serta menawarkan manfaat tambahan melalui Takaful *myGenMedic* bagi perlindungan perubatan komprehensif dan kompetitif.

Takaful Malaysia terus agresif melaksanakan kempen penjenamaan dan pemasaran melalui pelancaran kempen “We Should Talk” pada suku kedua tahun 2012. Objektif kempen ini adalah untuk mewujudkan kesedaran tentang kelebihan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia berbanding produk konvensional. Takaful Malaysia merupakan syarikat takaful pertama di Malaysia menawarkan 15% Rebат Tanpa Tuntutan bagi produk Takaful Am sekiranya tiada tuntutan yang dibuat dalam tempoh perlindungan.

Takaful Malaysia optimis dengan pertumbuhan industri takaful tempatan bagi tahun 2013. Ini memandangkan kadar penembusan pasaran tempatan adalah masih rendah jika dibandingkan dengan insurans konvensional. Di samping itu, usaha kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri takaful dan pengukuhan pelan penguatkuasaan mampu meningkatkan keyakinan para pengguna dan pelabur terhadap produk dan perkhidmatan takaful tempatan. Takaful Malaysia bersedia menyaingi syarikat takaful lain dan insuran konvensional untuk meningkatkan perkongsian pasaran dalam industri.

Takaful Malaysia akan terus mempertingkatkan rangkaian pengedarannya dan usahasama dengan institusi-institusi perbankan Islam bagi memperluaskan perniagaannya. Takaful Malaysia juga merancang untuk menembusi perniagaan manfaat pekerja dan meluaskan perniagaan Takaful Am bukan motor. Untuk meningkatkan akses kepada orang ramai, Takaful Malaysia menyasarkan penambahan bilangan ejen runcit kepada 2,500 orang melalui kempem ‘Be myAgent’.

Takaful Malaysia continues to be the leader in the Group Family Takaful business capturing 40% of the market share, and 20% of the combined Family and General Takaful business in the fourth quarter of 2012.

Takaful Malaysia is actively seeking investment opportunities by introducing various products and services. Its latest investment product is Takaful *myGenLife*, specifically designed to offer customers extra flexibility in addressing their protection, savings, retirement and investment needs. Takaful *myGenLife* also offers additional benefits via Takaful *myGenMedic*, a comprehensive and competitive medical protection plan in the market.

Takaful Malaysia continues to carry out aggressive branding and marketing campaigns, and in the second quarter of 2012 launched the “We Should Talk” campaign with the objective of cultivating awareness on their products and services in comparison to conventional products. Takaful Malaysia is the first takaful operator in Malaysia to offer a 15% No Claim Rebate for its General Takaful products, in the event of no claims made during the protection period.

Takaful Malaysia is optimistic that the local takaful industry will continue to grow in 2013 due to the current low market share compared to conventional insurance. Furthermore, the government’s effort to boost the takaful industry and stronger enforcement plan by Bank Negara should bolster the confidence of consumers and investors in local takaful products and services. Takaful Malaysia is poised to compete with other takaful and conventional insurance providers in order to expand its market share in the industry.

Takaful Malaysia will continue to enhance its distribution network and collaboration with Islamic banking institutions in order to expand its business. Initiatives to penetrate the worker’s benefit business and to expand non-motor General Takaful are also in the pipeline. Through its ‘Be myAgent’ recruitment campaign, Takaful Malaysia targets to increase its retail agency force to 2,500 to widen its presence and better access the public.

LAUNCH OF  
**Takaful myGenLife &  
 ‘We Should Talk’  
 campaign**



Pada dasarnya, Takaful Malaysia akan terus memberi penekanan kepada empat bidang teras iaitu jangkauan pelanggan, ke operasi, daya saing kos dan keyakinan pihak berkepentingan. Matlamat utama Takaful Malaysia adalah untuk mengatasi pasaran dan mengukuhkan kedudukannya sebagai pilihan utama untuk perlindungan sekaligus mengekalkan pertumbuhan perolehan kasar dan bersih yang mampan.

### DAGANGAN SAHAM

BIMB Securities mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai pada RM1.09 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dengan peningkatan sebanyak 165.8% berbanding tahun 2011.

Pada 2012, BIMB Securities telah menambah ‘Value of Dealing’ sebanyak 39% berbanding tahun 2011. Penambahan ini juga meningkatkan pendapatan pembrokeran sebanyak 47% berbanding tahun sebelumnya.

Pertumbuhan pasaran modal Islam negara yang dijangka akan menjangkau RM3 trilion pada akhir 2020 mampu mencapai matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pasaran modal Islam antarabangsa.

BIMB Securities akan terus membangunkan pelabur runcitnya pada tahun 2013, dengan penekanan kepada sistem perdagangan BISonline yang telah dilancarkan pada 2012. BIMB Securities juga akan meningkatkan usaha-usahanya dalam mendidik orang awam mengenai Pasaran Modal Islam melalui program-program yang dikeudarkan di TV dan radio, serta bekerjasama dengan Bursa Malaysia untuk menarik minat pelabur-pelabur muda ke arah pelaburan patuh syariah.

In essence, Takaful Malaysia will continue to emphasise on the four core areas of customer reach, operational agility, cost competitiveness and stakeholder confidence. The ultimate goal of Takaful Malaysia is to outpace the market and firmly establish Takaful Malaysia as the preferred choice for protection, while simultaneously achieving sustainable growth in gross and net income.

### SHARE TRADING

BIMB Securities recorded RM1.09 million in Profit Before Zakat and Tax for the financial year ended 31 December 2012, an increase of 165.8% compared to 2011.

In 2012, ‘Value of Dealing’ for BIMB Securities increased by 39% compared to 2011, which resulted in a 47% increase in brokerage income compared to the previous year.

Growth in the nation’s Islamic capital market is expected to reach RM3 trillion by the end of 2020, which is in line with the government’s goal to position Malaysia as an international Islamic capital market centre.

In 2013, BIMB Securities will continue to develop its retail investors. Emphasis will be given to the BISonline trade system launched in 2012. BIMB Securities will also boost its effort in educating the public on Islamic Capital Market through targeted TV and radio programmes, and collaborate with Bursa Malaysia to attract young investors toward Shariah compliant investments.

# SEKTOR HARTANAH DAN PEMBINAAN

## PROPERTY DEVELOPMENT AND CONSTRUCTION SECTOR

Pada tahun kewangan berakhir 2012, **TH** melalui anak syarikat milik penuhnya, TH Properties Sdn Bhd terus mencatat perkembangan serta pencapaian baik dalam ketiga-tiga sektor operasinya, iaitu pembangunan hartanah, pembinaan dan pengurusan projek serta pengurusan hartanah dan kemudahan prasarana.

### PEMBANGUNAN HARTANAH

Di Bandar Enstek, yang merupakan projek pembangunan utama Kumpulan TH Properties yang berkeluasan 5,119 ekar, lebih 150 unit rumah teres ‘Denai’ dan ‘Lestari’ telah berjaya disiap dan diserahkan kepada pembeli. Populariti berterusan Bandar Enstek sebagai ‘Suburb Perdana KLIA’ terbukti apabila kesemua unit rumah teres dua tingkat ‘Idalia’ dan ‘superlink’, ‘Desiran Premier’ mendapat sambutan ramai dan habis dijual. Seratus (100) unit kedai Mercato 1 telah disiap dan diserahkan kepada pembeli manakala fasa pertama 54 unit kedai Mercato 2 telah dilancarkan.

Manakala di Techpark@enstek, tiga lagi lot perindustrian telah dibeli oleh pelabur yang akan membangunkan industri pemakanan dan peralatan teknologi tinggi. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula, telah memulakan pembinaan fasa pertama Institut Halal Malaysia. Kompleks Pendidikan Kementerian Pelajaran di Enstek seperti Kolej Tunku Kurshiah, Institut Aminuddin Baki, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi Malaysia, kampus utama Institut Pendidikan Guru Malaysia serta Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris juga telah siap dibina.

For the financial year ended 2012, **TH** through its wholly-owned subsidiary TH Properties Sdn Bhd, continues to record growth and achievement in all its three (3) business sectors namely property development, construction and project management, as well as property and facilities management.

### PROPERTY DEVELOPMENT

More than 150 units of ‘Denai’ and ‘Lestari’ terrace homes were completed and handed over to the purchasers in Bandar Enstek, the main development project for the TH Properties Group, developing 5,119 acres of land. Bandar Enstek’s continued popularity as the ‘Prime Suburb of KLIA’ was evident when all units of the ‘Idalia’ two-storey terrace homes and the superlink ‘Desiran Premier’ homes were sold within the same year of launching. One hundred (100) units of Mercato 1 shop lots were also completed and handed over while the first phase of Mercato 2 saw 54 units of shop lots successfully launched.

In Techpark@enstek, three (3) industrial lots were purchased by investors to develop food and high technology equipment industries. The Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) has also started the first phase of construction of the Malaysian Halal Institute Laboratory. The Education Ministry’s Complex in Enstek saw the completion of Tunku Kurshiah College, Aminuddin Baki Institute, Higher Education Leadership Academy Malaysia, and main campus of the Malaysia Teachers Training Institute as well as the English Language Teaching Centre.





Gambar: Ilustrasi Artis

## PEMBINAAN

Kumpulan TH Properties telah berjaya menyiap dan menyerah milik Institut Latihan Statistik Malaysia di Sungkai dan kontrak bagi kerja pembinaan jalanraya Terminal Penerangan Kos Rendah di KLIA. Kerja-kerja pembinaan Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya berjalan lancar dan telah mencapai 30% kemajuan mengikut jadual pembinaannya. Pada akhir 2012, Projek Hotel dan Pusat Konvensyen Tabung Haji di KLIA juga telah dimulakan dan dijangka siap pada tahun 2016.

## PENGURUSAN PROJEK

Pada akhir tahun 2012, kemajuan projek Kompleks Haji dan Hotel **TH** di Kuala Nerus, Terengganu, telah mencapai 79%, manakala projek Kompleks Haji dan Hotel **TH** Alor Setar, Kedah mencapai 70%. Kedua-dua kompleks tersebut dijangka siap menjelang Jun 2013. Kumpulan TH Properties juga memantau kemajuan pembinaan bangunan Platinum Park, Kuala Lumpur dan Menara D, Glomac Damansara bagi pihak **TH**. Kedua-dua bangunan tersebut dijangka siap pada Februari 2014 dan Mei 2013.

## PENGURUSAN HARTANAH DAN FASILITI

Kumpulan TH properties telah berjaya memperolehi kontrak tiga tahun bagi penyelenggaraan Hospital Pusrawi dan Hotel Putra serta lanjutan kontrak perkhidmatan pembersihan untuk Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Jumlah ruang harta yang diselenggara oleh Kumpulan TH Properties melebihi empat juta kaki persegi. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10 % berbanding tahun sebelumnya.

**TH** melalui syarikat usahasamanya, Abraj Sdn Bhd memiliki dan menguruskan tiga (3) buah bangunan di Cyberjaya. Jumlah ruang harta yang diselenggara oleh syarikat usahasama ini melebihi 452 ribu kaki persegi.

## CONSTRUCTION

TH Properties Group has successfully completed and handed over the Statistical Training Institute Malaysia in Sungkai as well as a road construction package for the Low Cost Carrier Terminal in KLIA. Construction work for the Islamic Administration Complex in Putrajaya is on track with 30% progress. At the end of 2012, work on the Tabung Haji Hotel and Convention Centre project in KLIA has also commenced with completion expected in 2016.

## PROJECT MANAGEMENT

At the end of 2012, work progress on **TH**'s Complex and Hotel project in Kuala Nerus, Terengganu and Alor Setar reached 79% and 70% respectively. Both complexes are expected to be completed in June 2013. TH Properties Group also assisted **TH** in supervising the construction of Platinum Park in Kuala Lumpur and Menara D under Glomac Damansara. Both projects are expected to be completed in February 2014 and May 2013 respectively.

## PROPERTY AND FACILITIES MANAGEMENT

TH Properties Group secured a three-year maintenance contract with Pusrawi Hospital and Putra Hotel while the cleaning service contract for the Tuanku Mizan Military Hospital in Wangsa Maju was extended. The total property area maintained by TH Properties Group exceeded four million square feet, an increase of 10% compared to the previous year.

Through its joint venture company Abraj Sdn Bhd, **TH** owns and manages three (3) buildings in Cyberjaya. Total property maintained by this joint venture exceeds 452 thousand square feet.

### PRESTASI

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, Kumpulan TH Properties mencatatkan peningkatan 45% dalam pendapatan berjumlah RM295.2 juta. Keuntungan sebelum zakat dan cukai juga meningkat 58% berjumlah RM18.3 juta, berbanding 2011. Peningkatan prestasi syarikat adalah kesinambungan daripada penyatuan pembangunan harta tanah dan perniagaan pembinaan di bawah Kumpulan TH Properties semenjak penghujung tahun 2010.

### PROSPEK MASA DEPAN

Kumpulan TH Properties menjangkakan prestasi pembangunan Bandar Enstek akan terus kukuh selari dengan pembangunan di koridor Seremban - KLIA. Kumpulan TH Properties juga akan terus giat meneroka peluang-peluang pembangunan baharu terutamanya di Lembah Klang.

Aktiviti pengurusan projek dan pembinaan akan ditumpukan kepada pembangunan projek-projek milik **TH** yang akan dilancarkan di lokasi-lokasi lain di dalam negara, dan pembangunan projek Inisiatif Pembiayaan Swasta untuk pelaburan **TH**.

Pengurusan harta tanah dan kemudahan dijangka menyumbang pendapatan yang kian meningkat kepada Kumpulan TH Properties, sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan untuk mengimbangi pendapatan projek dan berulang.



### PERFORMANCE

For the financial year ended 31 December 2012, TH Properties Group recorded a 45% increase in income to RM295.2 million, while Profit Before Zakat and Tax also rose by 58% or RM18.3 million compared to 2011. This improvement was due to the restructuring of **TH**'s property development and construction business under TH Properties Group at the end of 2010.

### FUTURE PROSPECTS

TH Properties Group expects sustained progress in Bandar Enstek as the development matures in tandem with the Seremban-KLIA growth corridor. TH Properties Group is also exploring new development opportunities especially in the Klang Valley.

Project management and construction activities will focus on various project developments under **TH** in other locations in the country, as well as the latter's development projects under the Private Finance Initiative.

Property and facilities management is expected to contribute increasingly higher income to TH Properties Group as part of the strategy to balance overall project returns and recurring income.





# SEKTOR PERKHIDMATAN LAIN-LAIN

## OTHER SERVICES SECTOR

**TH** turut memperluaskan pelaburannya di dalam beberapa sektor perkhidmatan lain melalui pegangan saham di dalam anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya. Sektor terbabit ialah perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi, hospitaliti, pelancongan, makanan halal dan minyak dan gas.

### PERKHIDMATAN HOSPITALITI

**TH** menawarkan perkhidmatan hospitaliti melalui Rangkaian TaHa iaitu TAHA D' KELANA (TDK) di Kelana Jaya, TAHA D' MUTIARA (TDM) di Bayan Lepas dan TAHA D' BAYU (TDB) di Kota Kinabalu yang menawarkan bilik penginapan, kemudahan dewan seminar dan acara, bilik-bilik latihan serta kemudahan-kemudahan lain pada harga yang berpatutan.

Rangkaian TAHA dahulunya dikenali sebagai Kompleks Tabung Haji dan diberikan penjenamaan semula, agar lebih komersil dan berdaya saing serta setanding dengan hotel-hotel lain yang setaraf. Selain itu, ia juga merupakan strategi bagi meluaskan pasaran **TH**.

Rangkaian TAHA memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi dengan harga yang kompetitif. Semua perkhidmatan adalah berteraskan Syariah dan penyediaan makanan yang halal dan toyyiban.

**TH** broadens its investment to cover other service sectors through its subsidiaries and associate companies. The sectors are information technology and communications, hospitality, tourism, halal food, as well as oil & gas.

### HOSPITALITY SERVICE

**TH** offers hospitality services through its “Rangkaian TAHA” namely TAHA D' KELANA (TDK) in Kelana Jaya, TAHA D' MUTIARA (TDM) in Bayan Lepas and TAHA D' BAYU (TDB) in Kota Kinabalu. Rangkaian TAHA offers accommodation, halls for seminars and events, training rooms and other facilities at affordable rates.

Formerly known as “Tabung Haji Complex”, “Rangkaian TAHA” was re-branded, making it more commercialised, competitive and comparable to other hotels of equal standard. This strategic move was made to expand **TH**'s market share.

Rangkaian TAHA offers high-quality services at competitive rates. All services are Shariah oriented while food preparation meets *halal* and *toyyiban* requirements.






## PERKHIDMATAN PELANCONGAN

TH Travel & Services Sdn Bhd (THTS) merupakan anak syarikat milik penuh **TH** yang menawarkan perkhidmatan pelancongan yang komprehensif meliputi haji, umrah, pakej pelancongan dalam dan luar negara serta tiket penerbangan untuk individu dan pelanggan-pelanggan korporat. Perkhidmatan lain yang turut menyumbang kepada pendapatan syarikat adalah carter haji.

Tahun 2012 telah menyaksikan sedikit penyusutan jualan keseluruhan sebanyak 1.2% berbanding tahun sebelumnya berikutan penurunan permintaan pakej haji musim 1433H.

**Peratus Jualan 2012/  
2012 Sales Percentage**




## TOURISM SERVICE

TH Travel & Services Sdn Bhd (THTS) is a wholly-owned subsidiary of **TH**, offering comprehensive tourism services covering hajj, umrah, travel packages and ticketing to individuals and corporate clients. Other services contributing toward the company's income includes hajj charter.

The year 2012 saw a 1.2% decrease in overall sales compared to the previous year due to the decline in the 1433H season Hajj Package.

**Perbandingan Jualan 3 Tahun/  
3 Years Sales Comparison**



## SEKTOR PERKHIDMATAN LAIN-LAIN | OTHER SERVICES SECTOR

Jumlah pelancong Malaysia ke Arab Saudi pada 2012 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berdasarkan jumlah permintaan visa ke negara tersebut sama ada untuk tujuan umrah, pelancongan atau perniagaan. THTS merekodkan peningkatan sebanyak 10% bagi pasaran umrah Malaysia, selain permintaan pakej pelancongan muslim yang terus mendapat perhatian bukan sahaja di kalangan muslim malah bukan muslim juga.

THTS turut mengikuti trend pemasaran semasa yang kini menawarkan perkhidmatan pembelian tiket dan pakej pelancongan secara *online*. Aktiviti pemasaran juga telah diperluaskan melalui laman sesawang, Facebook dan Twitter.

Sepanjang 2012, THTS terus mengukuhkan lagi aktiviti-aktiviti perniagaan utamanya iaitu haji, umrah, pelancongan dan penjualan tiket.

The Malaysia tourism sector in 2012 showed a commendable increase in the amount of visa applications to Saudi Arabia for the purpose of umrah, travel or business. Correspondingly, THTS recorded a 10% increase in the Malaysian umrah market while demand for Muslim tour packages continue to attract the interest of both the Muslim and non-Muslim travellers alike.


In line with current market trends, THTS now offers online ticketing and travel package purchasing services. Marketing activities via website, Facebook and Twitter have also been introduced.

Throughout 2012, THTS continued to strengthen its main business activities namely Hajj, Umrah, Travel and Ticketing.

### Pencapaian Jualan mengikut produk bagi tiga tahun adalah seperti berikut:/

3-year sales achievement by product is as shown below:

	2010 %	2011 %	2012 %
Pakej Haji/Hajj Package	120.4	128.9	80.9
Umrah/Umrah	61.8	84.0	118.5
Pelancongan/Tourism	3.9	4.9	8.6
Tiket/Ticketing	27.9	31.8	38.9





## Pakej Haji

Bagi aktiviti haji, tiga perkhidmatan utama yang ditawarkan ialah Pakej Haji, Carter Haji dan Katering Haji. Perkhidmatan pakej haji adalah komprehensif bermula daripada bimbingan ibadah haji di Malaysia sehingga selesai menuaikan ibadah haji di Tanah Suci. Pakej-pakej yang disediakan adalah berdasarkan semua kategori pakej iaitu Ekonomi, Sederhana dan Istimewa.

Secara keseluruhannya, pengurusan dan operasi haji musim 1433H untuk jemaah pakej haji kelolaan THTS berjalan lancar tanpa sebarang permasalahan besar. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, 95% para Jemaah Haji Pakej THTS berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Namun demikian, pengurusan THTS akan terus mengenalpasti proses kerja yang memerlukan penambahbaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan.

## Carter Haji

Pada Musim Haji 1433H, THTS sekali lagi telah diberi tanggungjawab menguruskan penerbangan pergi dan balik para Jemaah Haji Malaysia dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan Saudi Arabian Airlines (SAUDIA). Urusan dan perjalanan jemaah haji di Tanah Air merangkumi urusan paspot, tempahan tiket penerbangan domestik, pengangkutan ke lapangan terbang, urusan sambutan kepulangan jemaah-jemaah dari Tanah Suci dan urusan pengagihan air zam-zam.

## Katering Pakej Haji

THTS turut menguruskan penyajian makanan kepada jemaah-jemaah haji pakej di tiga lokasi utama iaitu Makkah, Madinah dan Jeddah. Bagi Jemaah Haji Pakej THTS, sajian sarapan pagi, makan tengahari dan malam disediakan secara bufet. Di samping itu, minuman panas dan roti juga disediakan 24 jam. Secara keseluruhannya, urusan katering untuk Jemaah Haji Pakej THTS Musim Haji 1433H berjalan lancar.



## Haji Package

The three main businesses offered under Hajj are the Hajj Package, Hajj Charter and Hajj Catering. The Hajj packages cover hajj guidance in Malaysia up to the completion of hajj rituals in the Holy Land. Packages are offered under Economy, Standard and Premium categories.

The overall hajj management and operations during the 1433H Hajj Season under THTS Hajj Packages went smoothly without any untoward major incidences. Feedback received indicated that 95% of the pilgrims under the THTS Hajj Packages were satisfied with the services provided. Nevertheless, THTS management will continue to identify areas for improvement to enhance service quality.

## Hajj Charter

In the 1433H Hajj Season, THTS was given the responsibility to handle both out-going and return flights for all Malaysian Hajj Pilgrims, in collaboration with Malaysia Airlines (MAS) and Saudi Arabian Airlines (SAUDIA). Local travel arrangements for the pilgrims include passport handling, ticketing for domestic flights, ground transportation to the airport, homecoming meet and greet services and distribution of the zam-zam water.

## Hajj Package Catering

THTS also handled meal catering for pilgrims under the hajj package in three main locations namely Makkah, Madinah and Jeddah. THTS Hajj Package Pilgrims enjoyed buffet-style breakfast, lunch and dinner. On top of that, free flow of hot drinks and bread were provided on a 24 hour basis. Catering for the THTS Hajj Package Pilgrims went smoothly during the 1433H Hajj Season.



## SEKTOR PERKHIDMATAN LAIN-LAIN | OTHER SERVICES SECTOR

### Umrah

Pada tahun 2012, THTS menyediakan beberapa pakej umrah mengikut keperluan dan kemampuan pelanggan. Walaupun pembangunan sekitar kawasan Masjidil Haram memberi impak kepada kemudahan hotel-hotel di Makkah, THTS masih mampu menyediakan kemudahan hotel yang berdekatan bagi kemudahan dan keselesaan jemaah. Selain daripada pakej biasa, THTS turut menyediakan pakej istimewa dengan memperkenalkan pakej Umrah Cinta Rasul dan Umrah Baitulmaqdis.

Pakej Umrah THTS merangkumi pengurusan visa, penginapan, pengangkutan, sajian makanan dan juga program ziarah termasuklah kursus persediaan sebelum mengerjakan umrah yang diadakan pada setiap hari Sabtu dan terbuka kepada masyarakat umum.

### Pelancongan

Perkhidmatan Pelancongan THTS menawarkan pakej-pakej pelancongan ke destinasi-destinasi luar negara dan domestik. THTS menyediakan pakej-pakej pelancongan yang memenuhi keperluan komuniti Muslim dengan mengutamakan penyediaan makanan halal serta jadual lawatan yang mesra solat. Pakej yang memenuhi cara hidup dan keperluan Muslim ini meliputi destinasi-destinasi popular di seluruh dunia seperti Australia, Indonesia, Thailand, China, Hong Kong, Jepun, Korea, India, Uzbekistan, negara-negara Timur Tengah dan Eropah.

Pakej-pakej ini direka khas mengikut keperluan individu dan pelanggan korporat. Sepanjang tahun 2012, pelanggan telah menyertai Pakej Pelancongan THTS ke destinasi-destinasi pilihan utama seperti China, Beijing, Indonesia dan sebagainya.

### Umrah

In 2012, THTS offered several umrah packages tailored to meet customers' needs and affordability. THTS also managed to secure convenient and comfortable hotel accommodation near the Masjidil Haram despite the extensive development works in the area. Apart from the regular packages, special THTS packages were introduced, namely Umrah Cinta Rasul and Umrah Baitulmaqdis.

THTS Umrah Packages include visa handling, accommodation, transportation, meals and visitation programmes as well as preparatory courses prior to performing umrah, which are held every Saturday and is open to the public.

### Tourism

THTS Tours and Travel Services offers tour packages to local and overseas destinations. Understanding the needs of the Muslim community, these tour packages emphasise on the provision of halal food and tour schedules that include prayer times. Such packages fulfil a Muslim lifestyle and cover popular destinations worldwide such as Australia, Indonesia, Thailand, China, Hong Kong, Japan, Korea, India, Uzbekistan, Middle East and Europe.

These packages are designed for both individual and corporate clients. Throughout 2012, customers participated in THTS Tour Packages amongst others to popular destinations such as China, Beijing and Indonesia.





## Tempahan Tiket Penerbangan

THTS adalah agen IATA yang diiktiraf dan menjual tiket penerbangan secara terus menerusi kesemua cawangannya. THTS mempunyai enam (6) pejabat utama di seluruh Malaysia serta satu pejabat operasi di Jeddah, Arab Saudi bagi memudahkan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan.

Pemasaran produk-produk THTS juga dibantu oleh 119 pejabat **TH** di seluruh negara. Inisiatif untuk membuka beberapa pejabat Mini THTS turut diambil bagi memperluaskan lagi jaringan rangkaian perniagaan. Sehingga kini, THTS telah membuka dua (2) pejabat mini iaitu di Shah Alam dan Putrajaya.

## INDUSTRI MAKANAN HALAL

**TH** terlibat di dalam industri makanan halal melalui anak syarikat milik penuhnya, TH Global Services Sdn Bhd (THGS) yang memberi tumpuan kepada perkhidmatan penyajian makanan dan katering. THGS mengusahakan tiga (3) buah kafeteria yang terletak di Bangunan Ibu Pejabat **TH** Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, di TAHA D' KELANA, Kelana Jaya Selangor, dan di TAHA D' MUTIARA Bayan Lepas, Pulau Pinang.

### Perkhidmatan Makanan Tempatan

Selain mengusahakan kafeteria, THGS juga menyediakan perkhidmatan Katering Luar di syarikat-syarikat bersekutu, jabatan-jabatan kerajaan dan majlis jamuan perkahwinan di Rangkaian TAHA atau di Dewan Besar Bangunan Ibu Pejabat **TH**. Pada tahun 2012, THGS telah berjaya memperolehi sijil halal yang diperakui JAKIM untuk ketiga-tiga cawangan kafetaria yang dikendalikannya.

THGS juga mengeluarkan minuman Air Mineral TaHa, yang digunakan di bilik-bilik hotel Rangkaian TAHA serta kegiatan dalaman dan majlis-majlis rasmi **TH**.

### Perkhidmatan Penyajian Luar Negara

Pada setiap musim haji, THGS menguruskan sajian makanan kepada Jemaah Haji Muassassah Malaysia di Tanah Suci dengan usahasama Syarikat Katering Arab Saudi. Selain memastikan bahan mentah adalah halal, ianya juga dimasak dengan citarasa masakan Malaysia. Jurumasak khas dari Malaysia membuat penyediaan dan pemantauan hidangan berdasarkan kitaran menu setiap dua minggu. THGS juga membuka kiosk penjualan pelbagai menu masakan dan minuman dengan citarasa Malaysia bagi jemaah haji di hotel-hotel penginapan mereka.

## Flight Ticket Reservation

THTS is a bonafide accredited IATA agent, which sells flight tickets directly via its branches. THTS has six (6) main offices throughout Malaysia as well as an office in Jeddah, Saudi Arabia to facilitate services for its customers.

Marketing of THTS products is supported by 119 **TH** branches nationwide. Initiatives are also underway to open several new Mini THTS offices to expand its business network. To date, THTS has opened two (2) THTS mini offices in Shah Alam and Putrajaya.

## HALAL FOOD INDUSTRY

**TH** is actively involved in the halal food industry through its wholly-owned subsidiary TH Global Services Sdn Bhd (THGS), which focuses on food and catering services. THGS operates three (3) cafeterias, which are located in **TH**'s Headquarters in Kuala Lumpur, TAHA D' KELANA, Kelana Jaya in Selangor and TAHA D' MUTIARA, Bayan Lepas in Penang.

### Local Food Service

Apart from operating cafeterias, THGS also provides catering services for its associates, government departments and weddings held at "Rangkaian TAHA" or in the Main Hall of **TH**'s Headquarters. In 2012, THGS successfully obtained halal certification from JAKIM for all three cafeterias.

THGS also produces TaHa Mineral Water for "Rangkaian TAHA" as well as **TH**'s internal usage and during official events.

### Overseas Catering Services

THTS manages the meals catering for the Malaysian Muassassah Hajj Pilgrims in the Holy Land every year through a joint venture with a Saudi Arabian catering company. Besides ensuring the usage of halal ingredients, dishes are prepared to suit the Malaysian palate. Chefs from Malaysia handle and monitor meal preparation based on menus which are rotated fortnightly. THGS also opened kiosks at respective hotels offering a variety of Malaysian cuisine and beverages for the pilgrims.

## SEKTOR PERKHIDMATAN LAIN-LAIN | OTHER SERVICES SECTOR



### Prospek dan Pelan Masa Hadapan

Bagi meningkatkan prestasi THGS pada masa hadapan, beberapa pelan penambahbaikan telah dirangka seperti *In House Banquet Menu* yang lebih menarik, perkhidmatan katering di luar kawasan Lembah Klang, menu baharu untuk Jemaah Haji Muasassah Malaysia dan mempelbagaikan Menu Jualan Kiosk di Tanah Suci.

### INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Theta Edge Berhad (Theta Edge) merupakan anak syarikat milik **TH** dengan pegangan 69% saham ekuiti. Theta Edge ditubuhkan pada tahun 1984 dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada 1 November 1999. Theta Edge merupakan salah satu syarikat Pembekal Perkhidmatan Industri Teknologi Komunikasi terawal di Malaysia dan mempunyai rekod prestasi yang baik dalam memacu inovasi dan mengurus projek-projek teknologi maklumat berskala besar di dalam dan luar negara.

Kumpulan Theta Edge terlibat dalam empat (4) kompetensi utama dalam bidang Industri Teknologi Komunikasi seperti Sistem Penyepadan Penyelesaian Sistem, Pengagihan Produk, Pembangunan Aplikasi dan Harta Intelek serta Pembekal Perkhidmatan.



### Prospects and Future Plans

In order to enhance THGS performance in the future, several improvement plans such as a more appealing *In-House Banquet Menu*, catering services outside Klang Valley, new menu for the Malaysian Muasassah Hajj Pilgrims and varying the Kiosks Menu in the Holy Land are planned.

### INFORMATION TECHNOLOGY INDUSTRY

Theta Edge Berhad (Theta Edge) is a wholly-owned subsidiary of **TH** with an equity shareholding of 69%. Established in 1984, Theta Edge was listed on the Main Board of Bursa Malaysia on 1 November 1999. Theta Edge is one of the pioneer Communications Technology Industry Service Providers in Malaysia and boasts an impressive record in driving innovation and managing large-scale information technology projects locally and abroad.

Theta Edge Group is involved in four (4) main competencies in the Communications Technology Industry namely Integrated System Solutions, Product Distribution, Intellectual Property and Application Development as well as Provision of Services.

## INDUSTRI MINYAK DAN GAS

**TH** telah menceburi industri Minyak dan Gas melalui pelaburannya di dalam tiga (3) syarikat iaitu TH Marine Sdn Bhd (TH Marine), TH Alam Holding (L) Inc. (TH Alam) dan TH Heavy Engineering Berhad (THHE).

TH Marine, anak syarikat milik penuh **TH** memiliki dua (2) buah kapal sokongan di luar persisiran pantai (Anchor Handling Tugs Supply/AHTS) dengan kuasa tarikan 120 tan metrik dengan sistem Dynamic Positioning 2 (DP2) sesuai untuk operasi laut dalam.

Sementara itu, syarikat usahasama **TH** bersama Alam Maritim Resources Berhad iaitu TH Alam memiliki empat (4) buah AHTS dengan keupayaan kuasa tarikan 60 tan metrik. Pada 2013, TH Alam dijangka akan menerima dua (2) buah lagi kapal AHTS dengan keupayaan kuasa tarikan 150 tan metrik dengan Sistem DP2 untuk memenuhi keperluan pembangunan dan operasi sokongan marin laut dalam.

**TH** juga terlibat di dalam bidang fabrikasi struktur kelengkapan industri minyak dan gas luar persisiran pantai melalui syarikat bersekutunya, TH Heavy Engineering Berhad (THHE) dengan pegangan 32% ekuiti saham. THHE adalah sebuah syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 2005 dan telah menjalani proses penjenamaan semula pada Jun 2012 bagi memperkuuhkan kedudukan syarikatnya.

THHE telah mengadakan perjanjian kerjasama dengan McDermott International Inc. (McDermott), Amerika Syarikat pada Disember 2012 bagi projek-projek kejuruteraan, pembinaan dan pemasangan di Malaysia dan luar negara. Usahasama tersebut akan membolehkan THHE membida kerja-kerja lebih besar yang melibatkan *engineering, procurement, installation, construction and commissioning (EPPICC)* dengan bantuan McDermott.



## OIL AND GAS INDUSTRY

**TH** is involved in the Oil and Gas industry through its investment in three (3) companies namely TH Marine Sdn Bhd (TH Marine), TH Alam Holdings (L) Inc. (TH Alam) and TH Heavy Engineering Berhad (THHE).

TH Marine, a wholly-owned subsidiary of **TH**, owns two (2) offshore support vessels (Anchor Handling Tugs Supply (AHTS)) with a bollard pull of 120 metric tonnes and the Dynamic Positioning 2 (DP2) system suitable for deep water operations.

Meanwhile, a joint venture company between **TH** and Alam Maritim Resources Berhad, TH Alam, owns four (4) AHTS with a bollard pull of 60 metric tonnes. In 2013, TH Alam is expected to receive another two (2) units of AHTS vessels with a bollard pull of 150 metric tonnes with DP2 system ready to serve deep water development and operations.

**TH** is also involved in the offshore structure fabrication industry via its associated company, TH Heavy Engineering Berhad (THHE) with an equity shareholding of 32%. Listed on Bursa Malaysia in 2005, THHE implemented a re-branding process in June 2012 to strengthen its position.

In December 2012, THHE and McDermott International Inc. (McDermott), United States signed an agreement to handle engineering, construction and installation projects in Malaysia and overseas. This co-operation will see THHE bidding for bigger engineering, procurement, installation, construction and commissioning (EPPICC) contracts with the assistance from McDermott.



## ULASAN OPERASI PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF | OPERATIONAL REVIEW GROUP MANAGING DIRECTOR AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER

**TH** optimis bahawa Malaysia akan terus stabil pada tahun 2013 dan **TH** akan meneliti peluang pelaburan dari dalam dan luar negara bagi memastikan prestasi kewangannya terus memberangsangkan.

Pelan Perniagaan **TH** akan terus dilaksanakan dengan, memberi fokus kepada pemantauan tadbir urus korporat mengikut piawaian dan penambahbaikan dari segi operasi bagi memberi perkhidmatan yang memuaskan dan melangkaui ekspektasi pelanggan. Transformasi budaya kerja serta pembangunan modal insan turut diberikan penekanan bagi melahirkan “Profesional Muslim” yang efisyen, berintegriti tinggi serta komited dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan.

**TH** akan terus meneliti dan merancang perbelanjaan secara berhemah dalam pentadbiran dan pengurusannya serta peka dengan situasi ekonomi dan persekitaran semasa agar terus kekal relevan dan berdaya saing.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak Pengurusan Kanan dan anggota, saya ingin menyampaikan penghargaan ikhlas kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Kerajaan Malaysia, serta para Jemaah Menteri terutamanya YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan dalam memastikan hala tuju **TH** untuk menjadi sebuah organisasi Islam terunggul di dunia adalah seiring dengan Agenda Transformasi Kerajaan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Pengerusi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ahli Panel Pelaburan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah di atas panduan serta sokongan yang banyak membantu pihak Pengurusan Kanan **TH** melaksana amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik-baiknya.

**TH** is optimistic that the Malaysian economy will continue to grow steadily in 2013 and **TH** seeks to explore investment opportunities locally and abroad to ensure its financial performance remains attractive.

In order to provide excellent services that exceed customer expectations, **TH** will continue to implement its Business Plan and focus on corporate governance monitoring standards as well as service enhancement. Emphasis will also be placed on work culture transformation and human capital development to inculcate and produce efficient Muslim professionals of high integrity and committed towards fulfilling their responsibilities.

Last but not least, **TH** will continue to monitor and plan its expenditure prudently in all its business aspects, whilst keeping abreast with current economic conditions to remain relevant and competitive.

### ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Senior Management and staff, I would like to express my sincere appreciation to our Prime Minister, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak and the Malaysian Government and the Cabinet Ministers, in particular YB Major General Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Minister in the Prime Minister's Department, for their support and encouragement in ensuring **TH**'s vision to become the world's premier Islamic organisation is in line with the Government's Transformation Agenda.

My utmost gratitude also goes out to the Chairman, all members of the Board of Directors, Investment Panel and Board Committees for their roles in guiding and supporting the Senior Management of **TH** in fulfilling our obligations.



Kepada semua pendeposit dan pihak berkepentingan, terima kasih di atas kepercayaan dan sokongan penuh yang diberikan kepada **TH**. Kami akan terus melaksanakan strategi pelan perniagaan **TH** dengan sebaiknya bagi memperkuuhkan lagi kecekapan operasi dan memberi perkhidmatan yang efisyen pada masa mendatang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota **TH** atas semangat kecemerlangan yang telah dipamerkan dalam melaksanakan tanggungjawab, serta konsisten dalam memberikan tahap perkhidmatan pelanggan yang tinggi. Semoga segala usaha yang telah dan bakal dilaksanakan diberi keberkatan dan ganjaran terbaik di dunia dan akhirat oleh Allah S.W.T, InsyaAllah.

Sekian Terima kasih.

To all depositors and stakeholders, thank you for the trust and strong support given to **TH**. We will continue to implement **TH**'s business plan strategies to strengthen operational excellence and provide efficient services in the future.

I would also like to express my sincere gratitude to all **TH** staff for their spirit of excellence in carrying out their responsibilities to ensure the highest level of customer service satisfaction. May Allah S.W.T bless all our efforts now and hereafter, InsyaAllah.

Thank you.

**Dato' Paduka Ismee Ismail**

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif/Group Managing Director and Chief Executive Officer



**Memperluaskan peluang untuk  
pembangunan pemegang berkepentingan**

**Multiplying opportunities for stakeholders' development**



---

TANGGUNGJAWAB SOSIAL  
KORPORAT  
Corporate Social Responsibility

PENCAPAIAN DAN ANUGERAH  
Awards and Recognition

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

### RINGKASAN PENTING TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Selaras dengan asas-asas tuntutan Islam, **TH** berpegang kepada prinsip menyumbang kembali kepada masyarakat serta berkongsi hasil dari kejayaan yang diperolehi. Sepanjang tahun, **TH** meneruskan usaha melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang tertumpu kepada empat sasaran utama iaitu Pasaran, Komuniti, Tempat Kerja dan Alam Sekitar. Rumusan pencapaian program dan aktiviti yang dijalankan di sepanjang 2012 adalah:

1. Subsidi kos haji untuk jemaah haji Negara, bagi megekalkan bayaran haji ditahap minima.
2. Kerjasama dengan pembekal dan kontraktor Bumiputra di dalam projek-projek penting **TH**.
3. Sumbangan mesin hemodialisis ke hospital-hospital Kerajaan.
4. Program Kelab Taha dan TaHa@U, telah berjaya menambah jumlah keahlian melebihi 1 juta remaja di seluruh negara.
5. Penganjuran pelbagai kursus pembangunan modal insan dan latihan-latihan pengukuhan perkhidmatan untuk para anggota.
6. Penerapan nilai-nilai penjagaan alam sekitar kepada para anggota melalui kempen-kempen yang dijalankan.

**TH** dengan sukacitanya melaporkan usaha-usaha CSR bersama laporan tahunan kali ini.

### KEY SUMMARY OF CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

In line with Islamic fundamentals, **TH** strongly believes in giving back to the community by sharing the earnings of its success. Throughout 2012, **TH** implemented its Corporate Social Responsibility (CSR) programme with emphasis on the four pillars of Marketplace, Community, Workplace and Environment. Some of the CSR highlights for the year include:

1. Hajj subsidy for the country's hajj pilgrims, to maintain low hajj payment.
2. Collaboration with Bumiputra Muslim suppliers and contractors in key **TH** projects.
3. Contribution of haemodialysis machines to Government hospitals.
4. Increase in Kelab Taha and TaHa@U membership to total more than one million teenagers nationwide.
5. Human capital development courses and service excellence training for staff.
6. Environmental awareness campaign for staff.

**TH** is pleased to present the CSR report in this year's annual report.

**“Lebih 500 aktiviti CSR dijalankan dengan peruntukan lebih RM150 juta.”**

**“More than 500 CSR activities were carried out with a budget allocation of over RM150 million.”**



## MENDEKATI DAN MENYENTUH KEHIDUPAN

Program CSR **TH** dilihat sebagai satu elemen penting dalam aktiviti perniagaannya. **TH** terus konsisten sebagai sebuah organisasi yang prihatin dengan menyumbang dan berkongsi keuntungan yang diperolehi bersama pihak-pihak berkepentingan, dengan penganjuran pelbagai aktiviti sosial masyarakat dan penjagaan alam sekitar.

Pihak berkepentingan **TH** adalah para pendeposit, jemaah haji, rakan-rakan niaga strategik, pihak kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya, konsultan, pembekal dan juga para anggota **TH**.


Sepanjang 2012, **TH** telah menjalankan lebih daripada 500 aktiviti CSR dengan peruntukan melebihi RM150 juta. Program ini telah memberi manfaat secara langsung kepada ribuan para Jemaah Haji Malaysia, serta lebih daripada 20,000 orang golongan sasar melalui program-program kemasyarakatan dan kebajikan **TH** yang dilaksanakan di seluruh negara.

## REACHING OUT, TOUCHING LIVES

**TH**'s CSR programme is an important element within its business activities. **TH** has consistently maintained its position as a caring and responsible organisation by contributing and sharing income earned with its stakeholders, through various community and environmental activities.

**TH**'s stakeholders include depositors, hajj pilgrims, strategic business partners, the government and its agencies, consultants, suppliers as well as its staff.

In 2012, **TH** implemented over 500 CSR activities with a budget allocation of more than RM150 million. These community and social welfare programmes have directly benefited thousands of Malaysian Hajj Pilgrims and more than 20,000 individuals nationwide.



## PASARAN

### Persekitaran Pasaran Yang Mesra

Dalam operasi perniagaannya, **TH** mengutamakan kepentingan para pendeposit, bakal-bakal jemaah dan rakan-rakan perniagaan dengan memastikan setiap perkhidmatan diberikan mencapai tahap kepuasan pelanggan yang maksima serta memberi impak positif kepada masyarakat. **TH** berusaha mewujudkan perkhidmatan yang mesra pelanggan agar semua pihak berkepentingan mendapat kesan positif.

#### I. Subsidi Kos Haji

Setiap tahun, **TH** senantiasa berusaha memberikan perkhidmatan haji terbaik kepada para jemaah. Kebajikan bakal jemaah sentiasa diberikan keutamaan, agar ibadah haji dapat dilaksanakan dengan baik.

Peningkatan kos pengangkutan dan penginapan di Tanah Suci setiap tahun adalah ditanggung oleh **TH** dalam usaha memastikan bayaran haji Jemaah Haji Muasassah yang pertama kali mengerjakan haji terus kekal pada RM9,980 seorang sejak tahun 2008. Secara keseluruhan **TH** menanggung sejumlah RM104 juta kos subsidi haji pada musim 1433H. Subsidi tersebut meliputi kos operasi haji di Tanah Air dan Tanah Suci merupakan kebajikan yang dilakukan oleh **TH** untuk para Jemaah Haji Malaysia setiap tahun.

## MARKETPLACE

### Friendly Market Environment

In its business operations, **TH** prioritizes the interests of the depositors, hajj pilgrims as well as its business partners by ensuring every service delivers maximum customer satisfaction and has a positive impact on the community. **TH** strives to build a receptive market environment that will positively impact all stakeholders.

#### I. Hajj Cost Subsidy

Every year, **TH** aims to provide the best hajj service for the pilgrims. Priority is given to the pilgrims' welfare in ensuring that they are able to perform their hajj well.

**TH** subsidises the increasing accommodation and transportation costs in the Holy Land every year to ensure hajj fees for first time Muasassah Hajj Pilgrims remain at RM9,980 per person since 2008. In total, **TH** subsidised RM104 million of the 1433H hajj season cost. The subsidy, which covers part of the hajj operation costs in Malaysia and the Holy Land, is **TH**'s effort of giving back to the Malaysian Hajj Pilgrims every year.

TAHUN/ YEAR	KOS SEBENAR/ ACTUAL COST (RM)	BAYARAN OLEH JEMAAH/ PAYMENT MADE BY PILGRIMS (RM)	SUBSIDI TH PER JEMAAH/ <b>TH</b> 'S SUBSIDY PER PILGRIM (RM)	JUMLAH SUBSIDI TH/ <b>TH</b> 'S TOTAL SUBSIDY (RM juta/million)
2010 /1431H	13,040.00	9,980.00	3,060.00	RM65 juta/million
2011 /1432H	14,340.00	9,980.00	4,360.00	RM105 juta/million
2012/1433H	14,880.00	9,980.00	4,900.00	RM104 juta/million



## II. Sahabat Korporat

Program Sahabat Korporat menggabungkan pelbagai institusi korporat, swasta dan persendirian untuk bersama-sama dengan **TH** dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat bagi kesejahteraan dan keselesaan Jemaah Haji Malaysia. Program ini juga bertujuan untuk membantu memudahkan bakal jemaah membuat persediaan kelengkapan bagi menunaikan ibadah haji.

**TH** memainkan peranan memastikan sumbangan dari pihak korporat ini disalurkan kepada jemaah haji setiap tahun, di samping memberi promosi positif untuk penyumbang-penyumbang terlibat. Program Sahabat Korporat 2012 telah berjaya mengumpul sumbangan barang dan wang tunai bernilai RM11.8 juta yang telah diagihkan kepada semua Jemaah Haji Muasassah Musim Haji 1433H.

## III. Pemberian Bonus Pendeposit

Bagi menghargai kepercayaan para pendeposit, setiap tahun **TH** memberi sejumlah bonus kepada para pendepositnya. Kadar bonus pendeposit **TH** adalah di antara kadar tertinggi berbanding institusi perbankan Islam lain di Malaysia.

Bagi tahun kewangan 2012, **TH** telah mengumumkan pemberian Bonus Khas Jubli Emas kepada pendeposit yang merangkumi 6.5% bonus tahunan dan 1.5% bonus khas yang melibatkan pembayaran berjumlah hampir RM2.5 bilion kepada 8.2 juta para pendepositnya.

## II. Sahabat Korporat

The *Sahabat Korporat* programme unites corporate institutions and private companies to work together with **TH** in carrying out their corporate social responsibility to ensure the comfort and well-being of Malaysian Hajj Pilgrims. The programme also helps prospective pilgrims prepare necessities and supply for their hajj.

**TH** ensures that the contributions received from the various corporate bodies are channelled to the pilgrims every year, and at the same time, provide positive mileage to the contributors. In 2012, the *Sahabat Korporat* programme collected cash and products worth RM11.8 million, which were distributed to all 1433H Muasassah Hajj Pilgrims.

## III. Depositors' Bonus Payout

In appreciation of the depositors' continuous support, **TH** makes a bonus payout every year. **TH** depositors' bonus rate is one of the highest rate given out, compared to other Islamic banking institutions in Malaysia.

For the 2012 financial year, **TH** announced a special Golden Jubilee Bonus for its 8.2 million depositors which comprised of 6.5% annual bonus and 1.5% special bonus, with a total payout of almost RM2.5 billion.

**“Program Sahabat Korporat berjaya mengumpul sumbangan barang dan wang tunai sejumlah RM11.8 juta dari lebih 30 agensi kerajaan dan swasta.”**

**“The ‘Sahabat Korporat’ programme successfully collected various items and cash donations amounting to RM11.8 million from more than 30 government and private agencies.”**

#### IV. Pembangunan Kontraktor Islam dan Bumiputra

**TH** banyak membuka peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk sama-sama mencapai matlamat perniagaan mereka melalui kerjasama yang dijalankan dengan **TH**.

Syarikat dan pembekal berdaftar dipelawa menyertai proses tender dan sebut harga dengan **TH** mengikut kod bidang masing-masing melalui **Electronic Procurement System (ePS)** bagi membolehkan setiap pembekal mempunyai peluang yang sama rata ketika membida tawaran kerja-kerja pembekalan/perkhidmatan.

Sehingga kini, sejumlah lebih daripada 100 syarikat bumiputera telah mendaftar dengan **TH**. Kerjasama ini turut membantu mengembangkan lagi rangkaian pelanggan syarikat-syarikat berkenaan.

#### IV. Muslim and Bumiputra Contractor Development

**TH** provides plenty of opportunities for Bumiputra companies to achieve their business objectives in collaboration with **TH**.

Registered companies and suppliers are invited to participate in **TH**'s tender processes through an **Electronic Procurement System (ePS)** based on their area of expertise, to ensure an equal opportunity is given to all potential suppliers.

To date, more than 100 bumiputra companies are registered with **TH**. This collaboration helps to further expand the bumiputra companies' customer base.



## KOMUNITI

### Membina Komuniti Lestari

**TH** sentiasa mencari ruang untuk memberi bantuan kepada pembangunan masyarakat setempat di mana **TH** beroperasi. Tumpuan diberikan dalam usaha membantu golongan fakir miskin dan kurang bernasib baik, yang juga merupakan asnaf penerima zakat melalui projek pendidikan, kebaikan, penjagaan kesihatan dan baik-pulih kediaman. Pelbagai program dan aktiviti yang menjurus kepada kebaikan sosial masyarakat telah dijalankan oleh **TH** sepanjang tahun 2012 seperti:

#### I. Projek Ehsan

Projek Ehsan adalah projek tahunan yang dilaksanakan oleh **TH** pada setiap bulan Ramadhan.

Projek ini dilaksanakan di seluruh Negara untuk memberi peluang kepada **TH** untuk berhubung dan mendekati golongan asnaf fakir miskin bagi memahami kesulitan dan keperitan yang dilalui.

Pada 2012, sumbangan berjumlah RM1.47 juta telah disalurkan kepada lebih daripada 2,000 orang asnaf fakir miskin yang terdiri daripada warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal.

Sumbangan ini juga bertujuan meringankan bebanan kewangan golongan ini dalam membuat persiapan menyambut kedatangan Syawal.



## COMMUNITY

### Building a Sustainable Community

**TH** constantly seeks opportunities to help develop the communities within which it operates. Focus is directed on helping the hardcore poor and the underprivileged, who are eligible zakat recipients, through educational, charity, healthcare and home rehabilitation projects. Throughout 2012, **TH** conducted various programmes and activities for the social welfare of the community, such as:

#### I. Projek Ehsan

*Projek Ehsan* is an annual project organised by **TH** in the month of Ramadhan.

This nationwide project provides **TH** the opportunity to connect and reach out to the hardcore poor in order to understand their difficulties in life.

In 2012, a contribution of RM1.47 million was distributed amongst an estimated 2,000 hardcore poor comprising senior citizens, the disabled and single mothers.

The contribution was also aimed at helping to reduce the financial burden of this group while they are preparing for the coming of Syawal.





## II. Projek Pendidikan

Pendidikan dikenal pasti sebagai mekanisme untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi masyarakat dan menjadi tunjang kepada pembangunan negara. Penguasaan dan kemahiran ilmu dapat membuka lebih ruang untuk mendapatkan pekerjaan dan menambah pendapatan, seterusnya mengeluarkan golongan miskin daripada belenggu kemiskinan.

Projek Pendidikan telah dirintis oleh **TH** pada 2012 khusus untuk menyokong objektif pembangunan negara dalam mengurangkan jurang dan kadar kemiskinan serta melahirkan masyarakat lestari dan mampan melalui pendidikan.

Lebih daripada 2,000 pelajar miskin seluruh negara menerima sumbangan berjumlah RM500 seorang untuk pembiayaan kelengkapan asas persekolahan dan perbelanjaan harian.

Sumbangan ini diharapkan dapat memberi dorongan dan motivasi kepada para pelajar terbabit untuk meneruskan pembelajaran mereka ketahap yang lebih tinggi dalam mengejar kecemerlangan demi membela nasib dan masa depan keluarga.

## III. Kelab TaHa

Kelab TaHa yang ditubuhkan pada April 2008 bertujuan menarik minat golongan muda (berusia 7–17 tahun) untuk menabung sejak di bangku sekolah agar mereka boleh membuat perancangan kewangan masa hadapan dan seterusnya dapat menunaikan haji pada usia muda. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik turut dianjurkan bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada ahli-ahlinya.



## II. Education Project

Education has been identified as a mechanism to bridge the socio-economic gaps in a society and to support national development. Possession of knowledge opens the door to good career and income opportunities, which ultimately help the poor to break out of the vicious cycle of poverty.

**TH** started its Education Project in 2012 specifically to support the government's national objective of reducing the poverty gap and nurturing a sustainable community through education.

More than 2,000 less fortunate students nationwide were presented a donation of RM500 each for their basic school supplies and daily expenses.

It is hoped that this contribution will encourage and motivate the students to excel in their studies in order to achieve success and provide a brighter future for their family.

## III. Kelab TaHa

Kelab TaHa was formed in April 2008 with the objective of encouraging the younger generation (7–17 years old) to start saving while they are still schooling, so they can plan their financial future and perform hajj earlier. A variety of activities are also organised to instil good values among its members.



Tahun 2012 mencatatkan pendaftaran seramai 188,631 pelajar, dan Kelab TaHa kini telah mempunyai lebih daripada 1.1 juta ahli sejak ditubuhkan 4 tahun lalu.

Pelbagai program dan aktiviti menarik telah dilaksanakan kepada Ahli Kelab TaHa sepanjang penubuhannya sejak 2008, antaranya Seminar Bimbingan Peperiksaan yang dijalankan pada setiap tahun di setiap negeri serta Kem Bijak TaHa dan “English Camp”. Program dan aktiviti yang dijalankan ini, mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan **TH** merancang untuk meneruskannya di masa hadapan.

#### IV. TaHa@U

TaHa@U merupakan satu lagi inisiatif **TH** untuk menarik minat golongan mahasiswa di pusat pengajian tinggi tempatan untuk menyimpan di **TH** bagi membolehkan mereka menunaikan haji ketika usia muda. Di samping itu, ahli-ahli TaHa@U juga diberikan pendedahan kepada aktiviti-aktiviti pembinaan sahsiah diri dan kemantapan rohani.

Sepanjang tahun 2012, lebih daripada 20 program telah dijalankan oleh TaHa@U dengan pembabitan lebih 14,000 pelajar daripada seluruh negara. Antara program yang dijalankan ialah Karnival Bimbingan Kerjaya, Program Khidmat Masyarakat dan Pertandingan Futsal Piala TaHa.

Semasa musim haji, ahli TaHa@U juga diberikan peluang untuk menjadi sukarelawan bagi membantu menguruskan Jemaah Haji Malaysia sebelum berangkat ke Tanah Suci. Peluang ini memberi pendedahan awal berkenaan ibadah haji dan memupuk semangat kerjasama di kalangan pelajar terlibat.

Melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2012, TaHa@U telah berjaya menambah keahlian seramai 117,850 orang dan jumlah ahli terkumpul sehingga 31 Disember 2012 adalah seramai 243,496 orang sejak ditubuhkan pada Mei 2010.

A total of 188,631 students registered in 2012, bringing Kelab TaHa's membership to more than 1.1 million since its formation four years ago.

Kelab TaHa has organised many interesting programmes and activities for its members since 2008. These include the annual Examination Seminar held in each state, TaHa Smart Camp and English Camp. These activities received encouraging feedback and **TH** plans to continue organising them in the future.

#### IV. TaHa@U

TaHa@U is another effort by **TH** to attract teenagers in local higher learning institutions to start saving with **TH**, thus enabling them to perform hajj at a younger age. Apart from that, TaHa@U members are also exposed to character-building and spiritual strength activities.

Throughout 2012, more than 20 programmes were conducted by TaHa@U attracting the participation of over 14,000 students in the country. Programmes organised include the Career Guidance Carnival, Community Service Programme and the TaHa Cup Futsal Competition.

During the hajj season, TaHa@U members are given the opportunity to volunteer and help manage the Malaysian Hajj Pilgrims before they depart for the Holy Land. This opportunity gives them exposure to hajj whilst cultivating a spirit of co-operation amongst them.

Through activities organised in 2012, TaHa@U, which was established in May 2010, has increased its membership by 117,850, bringing its total accumulated members to 243,496 as at 31 December 2012.

---

**“RM1.57 juta dibelanjakan untuk  
program Kelab TaHa dan TaHa@U.”**  
**“RM1.57 million was spent on Kelab TaHa  
and TaHa@U activities.”**

---

**“50 unit mesin hemodialisis disumbangkan ke 15 buah hospital kerajaan.”**  
**“50 units of haemodialysis machines were donated to 15 government hospitals.”**

#### V. Projek Kesihatan

Projek Kesihatan adalah satu inisiatif baharu yang dirintis pada 2012. Projek ini diperkenalkan sebagai usaha **TH** untuk menyumbang ke arah pembangunan komuniti Islam yang lestari dan mampu.

Berdasarkan kepada peningkatan jumlah pesakit buah pinggang dan kebergantungan kepada perkhidmatan hemodialisis di kalangan rakyat Malaysia, **TH** memulakan projek ini dengan memberi bantuan tajaan mesin hemodialisis kepada hospital-hospital kerajaan terpilih.

Projek ini merupakan platform untuk **TH** memberi sumbangan kepada pendepositnya yang menghadapi penyakit buah pinggang dan perlu menjalani rawatan hemodialisis. Pesakit buah pinggang kronik telah difatwakan tidak wajib menunaikan ibadah haji dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-84 (2008).

Projek ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di bawah projek ini, **TH** telah menyumbang sebanyak 50 buah mesin hemodialisis bernilai RM1.68 juta kepada 15 buah hospital kerajaan terpilih di tujuh (7) buah negeri iaitu Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Kelantan.



#### V. Health Project

Health Project is a new initiative established in 2012. This project was introduced as part of **TH**'s contribution towards the development of a sustainable Muslim community.

<b>Jumlah aset</b>		<b>84,026,416</b>	70,616,533	63,477,583	<b>40,560,594</b>
					32,432,185



## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

Nota	31.12.2012 RM'000	Kumpulan		TH	
		31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000
		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula		
<b>Liabiliti</b>					
Deposit daripada pelanggan perbankan	27	<b>31,932,539</b>	27,119,313	25,085,796	-
Deposit dan simpanan oleh bank dan institusi kewangan lain	28	<b>860,278</b>	384,628	378,129	-
Liabiliti derivatif	7	<b>14,339</b>	23,299	66,708	-
Liabiliti dipegang untuk dijual	10	<b>150,200</b>	-	-	-
Peruntukan zakat dan cukai		<b>105,056</b>	168,611	182,567	<b>49,066</b>
Pembiutang perniagaan dan pelbagai	29	<b>1,683,114</b>	1,436,168	1,387,191	<b>151,539</b>
Liabiliti takaful	30	<b>5,580,755</b>	5,124,602	4,695,308	-
Pajakan kewangan	31	<b>415</b>	129	235	-
Pembiayaan	32	<b>388,642</b>	1,055,841	545,037	-
Pendapatan tertunda	33	<b>10,908</b>	11,220	11,531	<b>10,908</b>
Cukai tertunda	20	<b>110,788</b>	93,855	127,855	-
Peruntukan manfaat persaraan	34	<b>223,901</b>	222,487	192,660	<b>223,787</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>41,060,935</b>	35,640,153	32,673,017	<b>435,300</b>
<b>Dana diwakili oleh:</b>					
Kumpulan wang simpanan pendeposit	35	<b>38,284,221</b>	31,694,409	27,114,551	<b>38,284,221</b>
Rizab		<b>2,098,857</b>	866,262	1,623,049	<b>1,841,073</b>
Jumlah dana pendeposit <b>TH</b>		<b>40,383,078</b>	32,560,671	28,737,600	<b>40,125,294</b>
Kepentingan minoriti		<b>2,582,403</b>	2,415,709	2,066,966	-
<b>Jumlah dana</b>		<b>42,965,481</b>	34,976,380	30,804,566	<b>40,125,294</b>
<b>Jumlah liabiliti dan dana</b>		<b>84,026,416</b>	70,616,533	63,477,583	<b>40,560,594</b>
					32,432,185

*Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 210 hingga 282 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

# PENYATA PENDAPATAN

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	Kumpulan		TH	
		2012 RM'000	2011 RM'000 <i>Dinyatakan semula</i>	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Pendapatan</b>	36	<b>5,740,986</b>	4,813,037	<b>2,751,508</b>	2,160,168
Kos jualan		(840,033)	(809,800)	—	—
<b>Keuntungan kasar</b>	36	<b>4,900,953</b>	4,003,237	<b>2,751,508</b>	2,160,168
Pendapatan lain		64,298	36,024	24,633	15,456
Bahagian pendapatan pendeposit perbankan	37	(567,187)	(433,705)	—	—
Perbelanjaan pentadbiran		(1,327,059)	(1,138,533)	(323,779)	(309,507)
Perbelanjaan lain		(343,523)	(227,480)	(153,755)	(124,907)
<b>Keuntungan operasi</b>	38	<b>2,727,482</b>	2,239,543	<b>2,298,607</b>	1,741,210
Kos pembiayaan		(30,554)	(24,780)	—	—
Rosot nilai dan hapus kira	39	(211,547)	(53,635)	(133,546)	(8,424)
Zakat	40	(58,222)	(54,352)	(47,100)	(44,162)
Bahagian (kerugian)/keuntungan selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu		(26,772)	5,279	—	—
Bahagian keuntungan/(kerugian) selepas cukai dan zakat entiti usahasama		6,182	(3,486)	—	—
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		<b>2,406,569</b>	2,108,569	<b>2,117,961</b>	1,688,624
Cukai	41	(269,176)	(182,433)	(28,371)	—
<b>Keuntungan tahun semasa dari operasi berterusan</b>		<b>2,137,393</b>	1,926,136	<b>2,089,590</b>	1,688,624
Keuntungan dari operasi yang dihentikan	42	87,397	131,808	56,270	—
<b>Keuntungan tahun semasa</b>		<b>2,224,790</b>	2,057,944	<b>2,145,860</b>	1,688,624
<b>Keuntungan tahun semasa diatribut kepada:</b>					
Pendeposit TH		1,891,058	1,724,054	2,145,860	1,688,624
Kepentingan minoriti		333,732	333,890	—	—
		<b>2,224,790</b>	2,057,944	<b>2,145,860</b>	1,688,624



# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Nota	Kumpulan			TH 2012 RM'000	2011 RM'000
	2012 RM'000	2011 RM'000	Dinyatakan semula		
<b>Keuntungan tahun semasa</b>	<b>2,224,790</b>	2,057,944		<b>2,145,860</b>	1,688,624
<b>Pendapatan komprehensif lain:</b>					
Perbezaan tukaran asing dari operasi luar negara	(75,209)	11,943		–	–
Perubahan nilai saksama sekuriti tersedia untuk dijual	1,792,990	(863,808)		1,784,199	(905,627)
Bahagian dalam pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu	(18,859)	3,383		–	–
Bahagian dalam pendapatan komprehensif lain entiti usahasama	(3,323)	(705)		–	–
Lebihan bersih TKJHM dan TWT	10,846	10,650		10,846	10,650
<b>Jumlah pendapatan komprehensif lain</b>	<b>1,706,445</b>	(838,537)		<b>1,795,045</b>	(894,977)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa</b>	<b>3,931,235</b>	1,219,407		<b>3,940,905</b>	793,647
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa diatribut kepada:</b>					
Pendeposit TH	3,595,455	867,265		3,940,905	793,647
Kepentingan minoriti	335,780	352,142		–	–
	<b>3,931,235</b>	1,219,407		<b>3,940,905</b>	793,647

*Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 210 hingga 282 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

# PENYATA PERUBAHAN DANA

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Kumpulan	Nota	Atribut kepada Pendeposit <i>TH</i>									Jumlah dana RM'000
		Tidak boleh agih					Boleh agih				
		Kumpulan wang simpanan pendeposit RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Rizab tukaran asing RM'000	Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 45) RM'000	Rizab Keuntungan terkumpul RM'000	Jumlah dana pendeposit <i>TH</i> RM'000	Kepentingan minoriti RM'000		
Pada 1 Januari 2012		31,694,409	(737,300)	(71,406)	271,008	230,104	1,163,042	32,549,857	2,410,873	34,960,730	
Kesan perubahan kaedah perakaunan		-	-	-	-	-	10,814	10,814	4,836	15,650	
Dinyatakan semula		31,694,409	(737,300)	(71,406)	271,008	230,104	1,173,856	32,560,671	2,415,709	34,976,380	
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa											
- Keuntungan tahun semasa		-	-	-	-	-	1,891,058	1,891,058	333,732	2,224,790	
- Pendapatan komprehensif lain		-	1,791,048	(80,266)	10,846	(17,231)	-	1,704,397	2,048	1,706,445	
		-	1,791,048	(80,266)	10,846	(17,231)	1,891,058	3,595,455	335,780	3,931,235	
Simpanan bersih tahun semasa		4,131,966	-	-	-	-	-	4,131,966	-	4,131,966	
Tambahan tahun semasa		-	-	-	16,786	-	-	16,786	-	16,786	
Bonus pendeposit:	44	2,140,554	-	-	-	-	(2,140,554)	-	-	-	
- Bonus tahunan		317,292	-	-	-	-	(317,292)	-	-	-	
- Bonus khas											
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	(177,510)	(177,510)	
Terbitan saham kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	5,910	5,910	
Terbitan saham di bawah opsyen saham kakitangan syarikat subsidiari		-	-	-	-	(836)	-	(836)	18,271	17,435	
Pindahan antara rizab		-	-	-	-	105,247	(46,276)	58,971	(58,971)	-	
Perubahan dalam pegangan struktur Kumpulan		-	-	-	-	6	20,059	20,065	43,214	63,279	
		6,589,812	-	-	16,786	104,417	(2,484,063)	4,226,952	(169,086)	4,057,866	
Pada 31 Disember 2012		38,284,221	1,053,748	(151,672)	298,640	317,290	580,851	40,383,078	2,582,403	42,965,481	



## PENYATA PERUBAHAN DANA

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

Kumpulan	Nota	Atribut kepada Pendeposit <b>TH</b>								
		Tidak boleh agih				Boleh agih				
		Kumpulan wang simpanan pendeposit RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Rizab tukaran asing RM'000	Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 45) RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Jumlah dana pendeposit TH RM'000	Kepentingan minoriti RM'000	Jumlah dana RM'000
Pada 1 Januari 2011		27,114,551	139,621	(85,479)	225,834	137,037	1,190,545	28,722,109	2,067,431	30,789,540
Kesan perubahan kaedah perakaunan		-	-	-	-	-	15,491	15,491	(465)	15,026
Dinyatakan semula Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa		27,114,551	139,621	(85,479)	225,834	137,037	1,206,036	28,737,600	2,066,966	30,804,566
- Keuntungan tahun semasa		-	-	-	-	-	1,724,054	1,724,054	333,890	2,057,944
- Pendapatan komprehensif lain		-	(876,921)	14,073	10,650	2,767	-	(849,431)	10,894	(838,537)
		-	(876,921)	14,073	10,650	2,767	1,724,054	874,623	344,784	1,219,407
Simpanan bersih tahun semasa		2,902,010	-	-	-	-	-	2,902,010	-	2,902,010
Tambahan tahun semasa		-	-	-	34,524	-	-	34,524	-	34,524
Bonus tahunan pendeposit		1,677,848	-	-	-	-	(1,677,848)	-	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	(92,102)	(92,102)
Terbitan saham kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	113,630	113,630
Terbitan saham di bawah opsyen saham kakitangan syarikat subsidiari		-	-	-	-	(786)	-	(786)	-	(786)
Pindahan antara rizab		-	-	-	-	91,586	(91,586)	-	-	-
Perubahan dalam pegangan struktur Kumpulan		-	-	-	-	(500)	13,200	12,700	(17,569)	(4,869)
		4,579,858	-	-	34,524	90,300	(1,756,234)	2,948,448	3,959	2,952,407
Pada 31 Disember 2011		31,694,409	(737,300)	(71,406)	271,008	230,104	1,173,856	32,560,671	2,415,709	34,976,380

TKJHM merujuk kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia dan TWT merujuk kepada Tabung Warga Tua.

## PENYATA PERUBAHAN DANA

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

TH	Nota	Atribut kepada Pendeposit <b>TH</b>				
		Tidak boleh agih		Boleh agih		
		Kumpulan wang simpanan pendeposit RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	Jumlah dana pendeposit <b>TH</b> RM'000
<b>Pada 1 Januari 2012</b>		31,694,409	(824,897)	271,008	895,117	32,035,637
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa:						
- Keuntungan tahun semasa		-	-	-	2,145,860	2,145,860
- Pendapatan komprehensif lain		-	1,784,199	10,846	-	1,795,045
Simpanan bersih tahun semasa		-	1,784,199	10,846	2,145,860	3,940,905
Tambahan tahun semasa		4,131,966	-	-	-	4,131,966
Bonus pendeposit:		-	-	16,786	-	16,786
- Bonus tahunan	44	2,140,554	-	-	(2,140,554)	-
- Bonus khas	44	317,292	-	-	(317,292)	-
		2,457,846	-	-	(2,457,846)	-
<b>Pada 31 Disember 2012</b>		38,284,221	959,302	298,640	583,131	40,125,294
 Pada 1 Januari 2011		27,114,551	80,730	225,834	867,791	28,288,906
Kesan penerimaan pakai polisi perakaunan		-	-	-	16,550	16,550
Dinyatakan semula		27,114,551	80,730	225,834	884,341	28,305,456
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa:						
- Keuntungan tahun semasa		-	-	-	1,688,624	1,688,624
- Pendapatan komprehensif lain		-	(905,627)	10,650	-	(894,977)
		-	(905,627)	10,650	1,688,624	793,647
Simpanan bersih tahun semasa		2,902,010	-	-	-	2,902,010
Tambahan tahun semasa		-	-	34,524	-	34,524
Bonus tahunan pendeposit	44	1,677,848	-	-	(1,677,848)	-
		4,579,858	-	34,524	(1,677,848)	2,936,534
<b>Pada 31 Disember 2011</b>		31,694,409	(824,897)	271,008	895,117	32,035,637

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 210 hingga 282 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

**Keuntungan sebelum cukai dari:**

Nota	Kumpulan		TH	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Operasi berterusan	<b>2,406,569</b>	2,108,569	<b>2,117,961</b>	1,688,624
Operasi yang dihentikan	<b>70,064</b>	159,192	<b>56,270</b>	–
<b>2,476,633</b>	<b>2,267,761</b>	<b>2,174,231</b>	<b>1,688,624</b>	
Pelarasan untuk:				
Susut nilai hartaanah, loji dan peralatan	<b>239,151</b>	240,695	<b>29,835</b>	36,246
Kerugian/(Keuntungan) daripada jualan hartaanah, loji dan peralatan	<b>7,635</b>	(13,585)	<b>7,561</b>	(12,575)
Keuntungan daripada penjualan pelaburan hartaanah	<b>(1,000)</b>	–	<b>(1,000)</b>	–
Dividen syarikat bersekutu	<b>–</b>	–	<b>(18,980)</b>	(71,646)
Bahagian kerugian/(keuntungan) selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu	<b>26,772</b>	(5,279)	–	–
Bahagian (keuntungan)/kerugian selepas cukai dan zakat entiti usahasama	<b>(6,182)</b>	3,486	–	–
Keuntungan urus niaga saham	<b>(595,197)</b>	(696,136)	<b>(595,197)</b>	(634,551)
Keuntungan penjualan syarikat subsidiari	<b>–</b>	–	<b>(134,573)</b>	(33,439)
(Keuntungan)/Kerugian penjualan syarikat bersekutu	<b>(237,386)</b>	4,475	<b>(414,896)</b>	(20,863)
Keuntungan atas penjualan sekuriti	<b>(91,056)</b>	(30,517)	<b>(91,056)</b>	(30,517)
Keuntungan urus niaga aset kewangan lain	<b>(8,136)</b>	(11,517)	<b>(3,785)</b>	(3,291)
(Keuntungan)/Kerugian urus niaga derivatif	<b>(21,153)</b>	6,351	<b>(11,348)</b>	(2,268)
Perubahan nilai saksama derivatif	<b>2,455</b>	(3,125)	<b>2,455</b>	(3,125)
Keuntungan pembiayaan korporat	<b>(246)</b>	(1,059)	<b>(246)</b>	(1,059)
Keuntungan pembiayaan kepada syarikat subsidiari	<b>–</b>	–	<b>(48,573)</b>	(122,919)
Keuntungan daripada pembayaran balik modal	<b>(841)</b>	(46)	<b>(841)</b>	(46)
Keuntungan sijil hutang boleh niaga	<b>(60,873)</b>	(77,869)	<b>(60,873)</b>	(77,869)
Rosot nilai saham dan sekuriti hutang	<b>63,906</b>	114,855	<b>63,906</b>	99,449
Rosot nilai penghutang	<b>1,069</b>	406	<b>402</b>	406
Rosot nilai syarikat bersekutu	<b>53,229</b>	–	<b>53,229</b>	–
Rosot nilai pembiayaan perbankan	<b>77,429</b>	21,124	–	–
Perubahan nilai saksama pelaburan hartaanah	<b>15,914</b>	(91,431)	<b>16,009</b>	(91,431)
Pelaburan lain dihapus kira	<b>–</b>	8,681	–	–
Hartaanah, loji dan peralatan dilupuskan	<b>4,640</b>	1,355	–	–
Perbelanjaan pembangunan ladang dihapus kira	<b>70,572</b>	7,868	–	–
Rosot nilai syarikat subsidiari dan bersekutu diambil semula	<b>–</b>	–	<b>(12,568)</b>	(4,335)
Kos terlunas pembiayaan syarikat subsidiari	<b>–</b>	–	<b>(1,713)</b>	(2,322)
Hutang rugu diambil semula	<b>(2,697)</b>	(294)	<b>(12)</b>	(14)
Pelunasan belanja tertunda	<b>3,703</b>	7,519	–	–
Pelunasan pendapatan tertunda	<b>(312)</b>	(311)	<b>(312)</b>	(311)
Pelunasan aset tak ketara	<b>8,236</b>	8,236	–	–
Pendapatan dividen perbankan	<b>(38,382)</b>	(37,854)	–	–
Nilai saksama opsyen saham kakitangan	<b>1,156</b>	3,449	–	–

## PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

Nota	Kumpulan		TH 2012 RM'000	2011 RM'000
	2012 RM'000	2011 RM'000		
Peruntukan liabiliti luar jangka	14,769	15,231	—	—
Peruntukan pelan manfaat persaraan	38,139	35,402	25,696	(16,163)
(Keuntungan)/Kerugian tukaran asing	(8,719)	18,265	(6,841)	4,083
Zakat	58,222	54,352	47,100	44,162
Kos pembiayaan	30,554	24,780	—	—
<b>Keuntungan operasi sebelum pergerakan dalam modal kerja</b> (Penambahan)/Pengurangan dalam modal kerja:	<b>2,122,004</b>	<b>1,875,268</b>	<b>1,017,610</b>	<b>744,226</b>
Inventori	(5,048)	(27,129)	—	—
Penghutang perniagaan dan pelbagai	(186,381)	155,130	(401,374)	(174,317)
Pembiutang perniagaan dan pelbagai	456,833	(42,110)	(10,691)	(35,704)
Deposit berkanun di Bank Negara Malaysia	(147,900)	(902,000)	—	—
Bil bayaran	125,985	95,962	—	—
Pembentangan pelanggan perbankan	(5,360,731)	(2,272,671)	—	—
Deposit daripada pelanggan perbankan	4,170,797	1,410,096	—	—
Deposit dan simpanan oleh bank dan institusi kewangan lain	475,650	6,499	—	—
<b>Tunai diperoleh daripada aktiviti operasi</b>	<b>1,651,209</b>	<b>299,045</b>	<b>605,545</b>	<b>534,205</b>
Bayaran bonus kepada pendeposit	(2,457,846)	(1,677,848)	(2,457,846)	(1,677,848)
Bayaran zakat	(53,314)	(54,601)	(45,655)	(40,104)
Bayaran cukai	(276,806)	(225,526)	—	—
Bayaran balik cukai	42,566	42,811	40,246	38,946
Bayaran pelan manfaat persaraan	(5,820)	(5,675)	(5,805)	(5,224)
Perbelanjaan pembangunan ladang	(210,082)	(121,005)	—	—
Kos pembangunan hartanah	(42,803)	(18,194)	—	—
Bayaran belanja tertunda	(1,328)	(6,368)	—	—
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi</b>	<b>(1,354,224)</b>	<b>(1,767,361)</b>	<b>(1,863,515)</b>	<b>(1,150,025)</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>				
Hasil dari penjualan hartanah, loji dan peralatan	24,225	18,102	23,320	14,769
Hasil dari penjualan pelaburan hartanah	24,000	—	24,000	—
Hasil dari penjualan aset dipegang untuk dijual	18,921	9,707	18,325	9,707
Hasil dari penjualan syarikat subsidiari	—	—	29,922	37,831
Hasil dari penjualan syarikat bersekutu	—	30,788	—	30,788
Hasil dari pengurangan modal saham syarikat bersekutu	17,150	30,333	17,150	30,333
Belian saham	(321,370)	(1,375,113)	(321,370)	(1,375,113)
Hasil dari urusniaga instrumen kewangan derivatif	13,657	—	13,657	—
Hasil dari bayaran balik modal	1,922	—	1,922	—
Belian sekuriti hutang	(2,787,251)	(2,014,582)	(2,787,251)	(2,014,582)
(Belian)/Hasil urus niaga aset kewangan lain	(1,383,897)	831,639	(1,383,897)	831,639
Pelaburan derivatif	(25,194)	6,998	(25,194)	6,998
Belian hartanah, loji dan peralatan	(290,087)	(348,170)	(59,891)	(75,536)
Pengambilalihan syarikat subsidiari	(72,500)	—	(24,011)	(85,233)
Pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu	(52,544)	(54,332)	(52,544)	(31,769)



## PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

Nota	Kumpulan		TH	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pelaburan bersih dalam entiti usahasama	(3,000)	(250)	–	(250)
Kurangan bagi deposit dicagar	(979)	206	–	–
(Belian)/Hasil bersih sekuriti perbankan	(2,681,075)	3,712,783	–	–
Pelaburan hartanah	(1,610,820)	(154,570)	(749,095)	(154,571)
Dividen dari syarikat bersekutu	5,600	11,200	18,980	71,646
Perbezaan tukaran asing	(12,815)	(8,578)	(12,815)	(8,578)
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/diperoleh daripada aktiviti pelaburan</b>	<b>(9,136,057)</b>	<b>696,161</b>	<b>(5,268,792)</b>	<b>(2,711,921)</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti kewangan</b>				
Belian saham daripada kepentingan minoriti	(24,011)	(13,544)	–	–
Terimaan daripada pembiayaan jangka panjang	251,486	412,300	–	–
(Bayaran)/Terimaan daripada syarikat subsidiari	–	–	(1,313,893)	516,754
Terimaan pembiayaan korporat	2,886	2,403	2,886	2,403
Bayaran pinjaman bank	(531,338)	(55,740)	–	–
Bayaran dividen kepada pemegang saham minoriti	(177,510)	(92,102)	–	–
Kumpulan wang simpanan pendeposit	6,589,811	4,579,859	6,589,811	4,579,859
Bayaran balik pajakan kewangan	(70)	(204)	–	–
Kos pembiayaan	(14,918)	(14,911)	–	–
<b>Tunai bersih diperoleh daripada aktiviti kewangan</b>	<b>6,096,336</b>	<b>4,818,061</b>	<b>5,278,804</b>	<b>5,099,016</b>
<b>(Pengurangan)/Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai</b>				
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari</b>	<b>12,291,929</b>	<b>8,519,258</b>	<b>7,028,496</b>	<b>5,765,616</b>
<b>Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai TKJHM</b>	<b>36,937</b>	<b>25,810</b>	<b>36,937</b>	<b>25,810</b>
<b>Pengkelasan ke aset dipegang untuk dijual</b>	<b>(142,417)</b>	<b>–</b>	<b>–</b>	<b>–</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember</b>	<b>7,792,504</b>	<b>12,291,929</b>	<b>5,211,930</b>	<b>7,028,496</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:</b>				
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen	4,891,542	6,504,469	5,038,732	6,879,502
Tunai dan baki di bank	1,553,168	1,233,078	173,198	148,994
Wang panggilan dan simpanan antara bank dengan tempoh matang tidak melebihi satu bulan	834,646	2,875,187	–	–
	5	10,612,734	5,211,930	7,028,496
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	6	1,692,220	–	–
Overdraft bank	32	(441)	–	–
Deposit dicagarkan		(6,498)	(12,584)	–
		7,792,504	12,291,929	5,211,930
				7,028,496

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 210 hingga 282 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

### 1. Maklumat korporat

Lembaga Tabung Haji (“**TH**”) ialah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

Lokasi utama perniagaan terletak di Bangunan Tabung Haji, 201 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama **TH** adalah menjalankan pengurusan operasi haji, menerima dan mengurus wang simpanan daripada para pendeposit, menjalankan aktiviti-aktiviti pelaburan dan penyewaan bangunan. Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan usahasama adalah seperti yang dinyatakan masing-masing di Nota 23, 22 dan 21 kepada penyata kewangan. Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama yang dijalankan pada sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan yang disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 merangkumi penyata kewangan **TH** dan syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti usahasama (secara bersama dikenali sebagai “Kumpulan”).

Penyata kewangan yang disatukan dan **TH** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 ini diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 5 April 2013.

### 2. Asas penyediaan penyata kewangan

#### (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan **TH** telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) bagi entiti selain entiti persendirian diselaras menurut prinsip-prinsip Syariah.

Pada 19 November 2011, MASB telah menerbitkan satu rangka kerja perakaunan yang telah diluluskan dinamakan Malaysian Financial Reporting Standards (“MFRS”) untuk diterima pakai oleh kesemua entiti kecuali Entiti Persendirian yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

MASB walau bagaimanapun memberi tempoh pengecualian sementara kepada entiti yang tertakluk kepada penerimaan pakai MFRS 141 Agriculture (MFRS 141) dan IC Interpretation 15 Agreements for the Construction of Real Estate (IC 15) daripada mematuhi MFRS bermula 1 Januari 2012. Entiti-entiti ini dikelaskan sebagai entiti peralihan. Entiti-entiti ini diwajibkan untuk mematuhi MFRS, termasuk MFRS 141 dan IC 15 bermula 1 Januari 2014.

MASB juga memberi pengecualian sementara kepada syarikat atau entiti pemegangan pelaburan yang mempunyai kepentingan dalam entiti-entiti peralihan daripada menerima pakai MFRS bermula 1 Januari 2012 jika entiti-entiti peralihan belum menerima pakai MFRS 141 atau IC 15. Entiti-entiti peralihan dan entiti pemegangan pelaburan yang terlibat perlu mematuhi MFRS bermula 1 Januari 2014.

Syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan yang terlibat dengan aktiviti perlادangan dan pembangunan harta tanah dan pembinaan telah memilih untuk menerima pakai MFRS 141 dan IC 15 bermula 1 Januari 2014.

#### Piawaian-piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi yang berkuat kuasa

Piawaian-piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi perakaunan berikut telah diterbitkan oleh MASB tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan **TH**:

- i) **Piawaian, interpretasi dan pindaan perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2012**

- *Amendments to FRS 101, Presentation of Financial Statements – Presentation of Items of Other Comprehensive Income*



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 2. Asas penyediaan penyata kewangan (samb.)

#### (a) Penyata pematuhan (samb.)

- ii) Piawaian, interpretasi dan pindaan perakaunan berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013
  - FRS 10, Consolidated Financial Statements
  - FRS 11, Joint Arrangements
  - FRS 12, Disclosure of Interests in Other Entities
  - FRS 13, Fair Value Measurement
  - FRS 119, Employee Benefits (2011)
  - FRS 127, Separate Financial Statements (2011)
  - FRS 128, Investments in Associates and Joint Ventures (2011)
  - IC Interpretation 20, Stripping Costs in the Production Phase of a Surface Mine
  - Amendments to FRS 7, Financial Instruments: Disclosures – Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities
  - Amendments to FRS 1, First-time Adoption of Financial Reporting Standards – Government Loans
  - Amendments to FRS 1, First-time Adoption of Financial Reporting Standards (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)
  - Amendments to FRS 101, Presentation of Financial Statements (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)
  - Amendments to FRS 116, Property, Plant and Equipment (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)
  - Amendments to FRS 132, Financial Instruments: Presentation (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)
  - Amendments to FRS 134, Interim Financial Reporting (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)
  - Amendments to FRS 10, Consolidated Financial Statements: Transition Guidance
  - Amendments to FRS 11, Joint Arrangements: Transition Guidance
  - Amendments to FRS 12, Disclosure of Interests in Other Entities: Transition Guidance
- iii) Piawaian, interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014
  - Amendments to FRS 10, Consolidated Financial Statements: Investment Entities
  - Amendments to FRS 12, Disclosure of Interests in Other Entities: Investment Entities
  - Amendments to FRS 127, Separate Financial Statements (2011): Investment Entities
  - Amendments to FRS 132, Financial Instruments: Presentation – Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities
- iv) Piawaian, interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015
  - FRS 9, Financial Instruments (2009)
  - FRS 9, Financial Instruments (2010)
  - Amendments to FRS 7, Financial Instruments: Disclosures – Mandatory Effective Date of FRS 9 and Transition Disclosures

Kumpulan bercadang untuk menerima pakai piawaian, interpretasi dan pindaan seperti berikut:

- a) dari tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2013 bagi piawaian, pindaan dan interpretasi yang berkuat kuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, yang mana berkaitan;
- b) dari tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2014 bagi piawaian, pindaan dan interpretasi yang berkuat kuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014; dan
- c) dari tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2015 bagi piawaian, pindaan dan interpretasi yang berkuat kuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 2. Asas penyediaan penyata kewangan (*samb.*)

#### (b) Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan **TH** telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah, kecuali pelaburan harta tanah, aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama atau kos terlunas seperti yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

#### (c) Mata wang fungsian

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang fungsian **TH**. Kesemua jumlah kewangan dinyatakan dalam RM dan telah dibundarkan kepada jumlah ribu terdekat, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

#### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan untuk membuat beberapa pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap dasar perakaunan yang digunakan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Jumlah sebenar berkemungkinan berbeza daripada anggaran yang dibuat.

Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Pindaan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh kehadapan.

### 3. Dasar perakaunan penting

#### (a) Asas penyatuan

##### (i) Subsidiari

Subsidiari adalah entiti dalam mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi entiti dengan tujuan untuk mendapat manfaat daripada aktivitinya. Untuk menentukan sama ada kawalan wujud, potensi hak mengundi sedia ada yang boleh digunakan juga diambil kira. Penyata kewangan syarikat subsidiari diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh kawalan berkuat kuasa sehingga ke tarikh kawalan tamat.

Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos bersih setelah ditolak sebarang kerugian rosot nilai, jika ada. Apabila terdapat tanda-tanda rosot nilai, jumlah yang dibawa bagi pelaburan tersebut dinilai. Rosot nilai dibuat jika jumlah yang dibawa melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula.

##### (ii) Penggabungan perniagaan

Penggabungan perniagaan, diperakaunkan menggunakan kaedah pengambilalihan bermula dari tarikh pengambilalihan berlaku iaitu tarikh kawalan terhadap syarikat subsidiari diambil alih oleh Kumpulan.

##### *Pengambilalihan pada atau selepas 1 Januari 2011*

Bagi pengambilalihan pada atau selepas 1 Januari 2011, Kumpulan mengukur muhibah pada tarikh pengambilalihan seperti berikut:

- nilai saksama ganjaran yang dipindahkan; campur
- jumlah kepentingan minoriti dalam entiti yang diambil alih; campur
- jika penggabungan perniagaan dibuat secara berperingkat, nilai saksama kepentingan ekuiti dalam entiti berkenaan; tolak
- jumlah nilai saksama bersih yang dikenalpasti bagi aset yang diambilalih dan liabiliti yang ditanggung.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (a) Asas penyataan (samb.)

##### (ii) Penggabungan perniagaan (samb.)

Jika jumlah bersih adalah negatif, penjimatan pembelian diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan.

Untuk setiap penggabungan perniagaan, Kumpulan boleh memilih sama ada untuk mengukur kepentingan minoriti dalam entiti yang diambil alih pada nilai saksama atau mengikut bahagian aset bersih entiti tersebut pada tarikh pengambilalihan.

Kos berkaitan dengan pengambilalihan, kecuali kos-kos yang berkait dengan terbitan instrumen hutang atau ekuiti, yang ditanggung oleh Kumpulan diambil kira sebagai perbelanjaan.

Sebarang ganjaran luar jangka diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Jika ganjaran luar jangka dikelaskan sebagai ekuiti, ia tidak dinyatakan semula dan penyelesaian diambil kira menerusi ekuiti. Jika ganjaran luar jangka dikelaskan selain dari ekuiti, sebarang perubahan kepada nilai saksama bagi ganjaran luar jangka tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### **Pengambilalihan antara 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2010**

Bagi pengambilalihan antara 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2010, muhibah merupakan lebihan antara kos pengambilalihan berbanding bahagian Kumpulan dalam jumlah nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka entiti yang diambil alih. Jika lebihan berbaki negatif, penjimatan pembelian diiktiraf terus dalam penyata pendapatan.

Kos berkaitan dengan pengambilalihan, kecuali kos yang berkait dengan terbitan sekuriti hutang atau ekuiti, yang ditanggung oleh Kumpulan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan.

#### **Pengambilalihan sebelum 1 Januari 2006**

Bagi pengambilalihan sebelum 1 Januari 2006, muhibah merupakan lebihan antara kos pengambilalihan berbanding bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset dan liabiliti bersih yang dikenal pasti.

##### (iii) Pengambilalihan kepentingan minoriti

Kumpulan mengiktiraf kesemua perubahan dalam pemilikan ekuiti syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai transaksi ekuiti antara Kumpulan dengan pemegang saham minoriti. Sebarang perbezaan antara bahagian Kumpulan dalam aset bersih sebelum dan selepas perubahan pemilikan, dan sebarang ganjaran yang diterima atau dibayar, diselaraskan kepada atau daripada rizab Kumpulan.

##### (iv) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah entiti dalam mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, terhadap dasar-dasar kewangan dan operasi syarikat. Pelaburan dalam syarikat bersekutu diperakaunkan dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti ditolak sebarang kerugian rosot nilai.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosot nilai. Kos pelaburan termasuk kos transaksi yang berkaitan. Penyata kewangan yang disatukan merangkumi bahagian Kumpulan dalam jumlah keuntungan dan kerugian syarikat bersekutu bermula dari tarikh pengaruh penting wujud sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu melebihi kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang pelaburan jangka panjang lain, jumlah dibawa diturunkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian dihentikan kecuali jika Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting terhadap syarikat bersekutu, ia diperakaunkan sebagai pelupusan kesemua kepentingan terhadap syarikat bersekutu. Keuntungan atau kerugian yang terhasil diiktiraf dalam penyata pendapatan dan pendapatan komprehensif lain. Sebarang baki kepentingan dalam syarikat bersekutu pada tarikh pengaruh penting tidak lagi wujud, diukur semula pada nilai saksama dan jumlah tersebut diambil kira sebagai jumlah permulaan yang diiktiraf sebagai aset kewangan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (a) Asas penyatuhan (*samb.*)

##### (v) Entiti usahasama

Entiti usahasama adalah pelaburan Kumpulan di bawah suatu perjanjian yang diikat antara Kumpulan dan pihak ketiga yang dilaksanakan secara kawalan bersama ke atas entiti ekonomi yang diwujudkan.

Penyata kewangan yang disatukan mengambil kira jumlah keuntungan dan kerugian dalam entiti usahasama dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti bermula dari tarikh kawalan bersama wujud sehingga tarikh kawalan bersama tersebut berakhir.

##### (vi) Kepentingan minoriti

Kepentingan minoriti pada akhir tempoh pelaporan merupakan bahagian ekuiti dalam syarikat subsidiari yang tidak dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh pendeposit **TH**. Kepentingan minoriti ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan dan penyata perubahan dana tetapi diasangkan daripada dana yang diatribut kepada pendeposit **TH**. Kepentingan minoriti dalam untung rugi Kumpulan ditunjukkan dalam penyata pendapatan dan pendapatan komprehensif lain sebagai agihan untung atau rugi untuk tahun tersebut secara berasingan antara kepentingan minoriti dengan pendeposit **TH**.

Kerugian yang dicatat oleh syarikat subsidiari adalah diagihkan kepada bahagian kepentingan minoriti walaupun agihan tersebut akan mengakibatkan jumlah bahagian kepentingan minoriti berbaki negatif.

##### (vii) Urus niaga yang dihapuskan atas penyatuhan

Urus niaga dan baki antara syarikat subsidiari dalam Kumpulan dan sebarang pendapatan dan perbelanjaan belum realis yang terbit daripada urus niaga antara syarikat subsidiari dalam Kumpulan dihapuskan semasa penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan belum realis yang timbul daripada transaksi dengan syarikat bersekutu dihapuskan terhadap jumlah pelaburan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum realis dihapuskan sebagaimana keuntungan belum realis hanya jika tidak terdapat tanda-tanda kerugian rosot nilai.

#### (b) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan, wang panggilan dan simpanan antara bank, dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih selepas ditolak overdraf bank dan deposit dicagarkan.

#### (c) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan dikelaskan dan diukur mengikut dasar perakaunan seperti berikut:

##### Pengiktirafan dan nyah iktiraf

Pembelian dan penjualan instrumen kewangan diiktiraf pada tarikh Kumpulan komited untuk membeli atau menjual sesuatu instrumen kewangan. Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah luput atau sebahagian besar risiko dan ganjaran dari pemilikan aset kewangan telah dipindahkan. Liabiliti kewangan dinyah iktiraf dari penyata kedudukan kewangan apabila obligasi yang ditetapkan dalam kontrak telah luput.

##### Pengukuran awal

Instrumen kewangan pada mulanya dinyatakan pada nilai saksama, dan bagi instrumen kewangan yang bukan dikategorikan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, ditambah kos transaksi yang berkait secara langsung dengan pembelian atau penerbitan aset kewangan.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (c) Instrumen kewangan (samb.)

##### Kategori instrumen kewangan dan pengukuran selanjutnya

Kumpulan dan **TH** mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

###### (a) Pembiayaan dan penerimaan

Pembiayaan dan penerimaan adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai bayaran dalam jumlah yang tetap atau yang boleh dipastikan dan tidak tercatat dalam pasaran aktif.

Aset kewangan ini diukur selanjutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif, tolak kerugian rosot nilai.

###### (b) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dikategorikan sama ada:

###### (i) Dipegang untuk dagangan

Aset kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia dimiliki atau diperoleh terutamanya untuk tujuan penjualan atau pembelian semula dalam jangka masa terdekat atau ia merupakan sebahagian daripada portfolio yang diurus bersama dan di mana terdapat bukti akan adanya aktiviti pengambilan untung jangka pendek; atau

###### (ii) Dipilih untuk diiktiraf pada nilai saksama

Aset kewangan memenuhi sekurang-kurangnya salah satu kriteria berikut semasa dipilih:

- ianya menghapuskan atau mengurangkan sebahagian besar ketidaksejajaran pengukuran atau pengiktirafan yang mungkin timbul daripada pengukuran aset kewangan, atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian menggunakan asas yang berbeza; atau
- aset kewangan mengandungi derivatif terselindung yang perlu dinyatakan secara berasingan

Aset kewangan bagi kategori ini diukur selanjutnya pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf terus kepada penyata pendapatan.

###### (c) Aset kewangan dipegang sehingga matang

Aset kewangan yang dipegang sehingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai bayaran dalam jumlah yang tetap atau boleh dipastikan dengan tempoh matang yang telah ditentukan dan Kumpulan mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan tersebut sehingga matang. Aset kewangan ini diukur selanjutnya pada kos terlunas, menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif, tolak kerugian rosot nilai.

Sebarang penjualan atau pengkelasan semula sebahagian aset kewangan yang dipegang sehingga matang dalam jumlah yang melebihi jumlah yang kecil yang masih agak jauh dari tempoh matang akan mengakibatkan pengkelasan semula kesemua aset kewangan yang dipegang sehingga matang kepada aset kewangan tersedia untuk dijual. Kumpulan tidak dibenarkan untuk mengelaskan sebarang aset kewangan di bawah kategori aset kewangan yang dipegang sehingga matang pada tahun penjualan atau pengkelasan semula berlaku dan dua tahun kewangan berikutnya.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (c) Instrumen kewangan (*samb.*)

##### (d) Aset kewangan tersedia untuk dijual

Aset kewangan tersedia untuk dijual adalah aset kewangan yang dipilih untuk dikelaskan di bawah kategori ini atau aset kewangan yang tidak dikelaskan dalam kategori lain dan diukur pada nilai saksama.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran tercatat dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti dinyatakan pada kos, tolak kerugian rosot nilai.

Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam rizab nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain sehingga sekuriti tersebut dijual, dilupus atau dirosot nilai yang mana, pada waktu itu keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti dipindahkan kepada penyata pendapatan. Keuntungan atau kerugian daripada penjualan sekuriti tersedia untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kesemua aset kewangan, kecuali aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(n) kepada penyata kewangan.

#### Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan memegang instrumen kewangan derivatif untuk melindungi nilai pendedahan kepada mata wang asing dan kadar keuntungan. Kedudukan urus niaga mata wang asing termasuk kontrak spot dan hadapan dinilai semula pada kadar pasaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan keuntungan atau kerugian yang berhasil bagi tahun kewangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Deratif terselindung diiktiraf berasingan daripada kontrak utama dan diperakaunkan sebagai deratif hanya jika ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak utama dan kontrak utama tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Jika deratif terselindung diiktiraf secara berasingan, kontrak utama diperakaunkan mengikut dasar yang berkaitan dengan ciri-ciri kontrak utama tersebut.

#### Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, selepas ditolak kos transaksi yang dikenakan, dan diukur selanjutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif, kecuali liabiliti derivatif yang diukur pada nilai saksama.

Liabiliti kewangan dikeluarkan atau dinyah iktiraf daripada penyata kedudukan kewangan apabila obligasi yang ditetapkan di dalam kontrak dilucutkan, dibatalkan atau telah luput.

#### Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang menghendaki pemberi jaminan untuk membuat bayaran ganti rugi yang telah ditetapkan kepada penerima jaminan bagi kerugian yang ditanggung disebabkan penghutang gagal membuat bayaran mengikut tempoh dan syarat-syarat asal atau pindaan bagi sesuatu instrumen hutang.

Jaminan kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan pada awalnya pada nilai saksama pada tarikh jaminan diberi. Selepas pengiktirafan awal, setiap jaminan diukur pada jumlah yang lebih tinggi antara jumlah awal setelah ditolak pelunasan pada sepanjang tempoh jaminan kewangan tersebut berbanding anggaran terbaik jumlah yang diperlukan bagi menyelesaikan jaminan tersebut.

Apabila penyelesaian kontrak jaminan kewangan menjadi hampir pasti, satu anggaran bagi jumlah obligasi dibuat. Jika jumlah dibawa bagi kontrak jaminan kewangan adalah lebih rendah daripada jumlah obligasi, nilai dibawa diselaraskan kepada jumlah obligasi dan diperakaunkan sebagai peruntukan.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (c) Instrumen kewangan (samb.)

##### Penetapan nilai saksama

Nilai saksama aset kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif adalah berdasarkan harga pasaran tercatat pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Nilai saksama bagi aset kewangan tak tercatat ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian seperti transaksi urus niaga telus, rujukan terhadap instrumen lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa, analisis aliran tunai didiskaunkan, model-model penentuan harga dan nilai aset ketara bersih.

##### Pengkelasan semula aset kewangan

Aset kewangan bukan derivatif yang dipegang untuk dagangan boleh dikelaskan semula jika aset kewangan tersebut tidak lagi dipegang untuk dagangan dalam tempoh terdekat. Aset kewangan yang memenuhi definisi pembiayaan dan penerimaan boleh dikelaskan keluar daripada kategori dipegang untuk dagangan atau tersedia untuk dijual jika Kumpulan mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan untuk jangkamasa panjang atau sehingga matang pada tarikh pengkelasan semula.

Instrumen kewangan yang dikelaskan semula dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengkelasan semula. Nilai saksama ini dianggap sebagai kos baru atau kos terlunas, yang mana sesuai, dan keuntungan atau kerugian nilai saksama yang direkodkan sebelum tarikh pengkelasan semula tidak dibalikkan. Kadar keuntungan efektif bagi aset kewangan yang dikelaskan kepada kategori pembiayaan dan penerimaan serta dipegang sehingga matang ditetapkan pada tarikh pengkelasan semula. Perubahan dalam anggaran aliran tunai diselaras mengikut kadar keuntungan efektif secara prospektif.

#### (d) Kerja dalam perlaksanaan bagi kontrak pembinaan

Kerja dalam perlaksanaan bagi kontrak pembinaan merupakan jumlah kasar yang masih belum diinvoiskan yang dijangka akan diterima daripada pelanggan untuk kerja-kerja kontrak yang telah dilaksanakan sehingga ke tarikh penyata kewangan. Ia dinyatakan pada kos ditambah keuntungan diiktiraf yang terkini ditolak bil kemajuan dan kerugian diiktiraf. Kos yang diambil kira termasuk semua kos pembinaan langsung yang spesifik untuk kontrak pembinaan yang dilaksanakan dan sebahagian daripada overhead tetap dan berubah-ubah yang ditanggung di bawah kontrak pembinaan berdasarkan kemampuan operasi yang normal.

Kerja dalam perlaksanaan bagi kontrak pembinaan ditunjukkan sebagai sebahagian daripada penghutang perniagaan di dalam penyata kedudukan kewangan. Jika bayaran yang diterima daripada pelanggan melebihi pendapatan, perbezaan ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak sebagai sebahagian daripada jumlah pemutang perniagaan dalam penyata kedudukan kewangan.

#### (e) Inventori

##### (i) Hartanah pembangunan

Hartanah yang telah siap untuk dijual dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh realis bersih. Kos merangkumi kos berkaitan dengan pemilikan tanah, kos-kos langsung daripada pembahagian kos-kos umum yang berkaitan dengan hartaanah pembangunan sehingga siap.

##### (ii) Barang berdasarkan sawit

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh realis bersih.

Kos bagi stok barang berdasarkan sawit ditentukan dengan menggunakan formula kos purata timbangan dan termasuk perbelanjaan bagi pembelian stok, kos pengeluaran atau pertukaran dan kos-kos lain untuk menghasilkan stok tersebut kepada lokasi dan keadaan terkini.

Barangan keperluan perladangan dinyatakan pada kos.

Tapak semai dinyatakan pada kos yang berkaitan dengan kos penyelenggaraan tapak semai.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (e) Inventori (*samb.*)

##### (iii) Peralatan komputer

Inventori dinilai pada jumlah yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih selepas peruntukan yang cukup dibuat untuk inventori yang telah rosak, luput atau kurang atau tiada pergerakan. Kos ditentukan berdasarkan kos purata wajaran dan termasuk duti import, kos pengangkutan dan pengendalian dan kos-kos lain yang berkaitan.

Nilai boleh realis bersih adalah anggaran harga jualan dalam urus niaga lazim, tolak anggaran kos penyediaan dan kos jualan.

#### (f) Belanja tertunda

Belanja tertunda merupakan kos yang ditanggung oleh syarikat subsidiari di Indonesia yang boleh mendatangkan manfaat jangka panjang dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggaran manfaat tersebut.

Kos yang ditanggung termasuk pembaikan dan pemeliharaan terusan air di sekitar ladang yang menjadi laluan pengangkutan utama di kawasan perladangan tersebut dan dilunaskan selama 3 tahun.

Belanja tertunda juga merangkumi kos pengurusan untuk memperoleh Sertifikat Hak Milik bagi tanah-tanah yang digunakan oleh syarikat subsidiari di Indonesia untuk perladangan kelapa sawit. Kos ini dilunaskan sepanjang tempoh sertifikat hak milik berkuat kuasa.

#### (g) Kos pembangunan harta tanah

##### (i) Tanah untuk pembangunan

Tanah untuk pembangunan terdiri daripada tanah atau sebahagian daripada tanah yang mana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan dijangka tidak akan disiapkan dalam tempoh pusingan operasi yang normal. Tanah ini dikelaskan sebagai aset jangka panjang dan dinyatakan pada kos tolak rosot nilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan harta tanah dikelaskan sebagai kos pembangunan harta tanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh pusingan operasi yang normal.

Kos berkaitan dengan pemilikan tanah adalah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisyen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

##### (ii) Kos pembangunan harta tanah

Kos pembangunan harta tanah terdiri daripada kos yang berkaitan dengan pemilikan tanah dan kesemua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang dapat diuntukkan kepada aktiviti-aktiviti terbabit menggunakan kaedah yang munasabah.

Kos yang dibelanjakan ke atas projek pembangunan yang mana aktiviti pembangunan tersebut dijangka akan siap dalam tempoh pusingan operasi yang normal selama 2 hingga 3 tahun dikelaskan sebagai aset semasa. Kos umum yang diuntukkan ke projek pembangunan masa hadapan yang berada dalam lokasi geografi yang sama dengan projek pembangunan sedia ada dikelaskan sebagai aset jangka panjang.

Kos pembangunan harta tanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diambil kira sebagai aset dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh realis bersih.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (h) Perbelanjaan pembangunan ladang

Kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan ladang kelapa sawit yang belum matang dipermodalkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang. Perbelanjaan ini akan dilunaskan setelah ia dipindahkan kepada harta tanah, loji dan peralatan apabila ladang telah matang.

Kesemua perbelanjaan berkaitan dengan penanaman dan penyelenggaraan pokok sentang dipermodalkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang. Perbelanjaan ini dikenakan kepada penyata pendapatan apabila kerja-kerja pembalakan dan penebangan pokok dilaksanakan.

Kesemua perbelanjaan berkaitan dengan penanaman dan penyelenggaraan pokok getah dipermodalkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang. Perbelanjaan ini dikenakan kepada penyata pendapatan apabila pokok-pokok getah sedia untuk ditoreh.

Perbelanjaan overhed ladang dibahagikan kepada pendapatan dan perbelanjaan pembangunan ladang mengikut nisbah kawasan matang dan belum matang.

#### (i) Pelaburan harta tanah

Pelaburan harta tanah adalah tanah dan bangunan yang dimiliki untuk mendapatkan pulangan sewa atau untuk mendapatkan peningkatan nilai harta tanah tersebut atau kedua-duanya dan tidak digunakan secara ketara oleh Kumpulan. Ini adalah termasuk tanah yang belum ditentukan kegunaannya pada masa hadapan dan harta tanah dalam pembinaan yang akan digunakan pada masa hadapan sebagai pelaburan harta tanah.

Pelaburan harta tanah dicatat pada mulanya, pada kos termasuk kos yang ditanggung untuk memiliki harta tanah tersebut. Pengukuran seterusnya dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama diambil kira dengan merujuk kepada nilai pasaran yang dinilai oleh jururilai berdaftar bebas. Peningkatan atau penurunan dalam nilai saksama diambil kira dalam penyata pendapatan pada tahun penilaian dibuat.

Apabila sesuatu pelaburan harta tanah dijual, perbezaan antara harga jualan bersih dengan nilai saksama terkini direkodkan sebagai keuntungan atau kerugian penjualan harta tanah pelaburan dalam penyata pendapatan.

#### (j) Hartanah, loji dan peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan kecuali tanah milik bebas dan kerja dalam perlaksanaan dinyatakan pada kos atau penilaian, ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan pemilikan aset dan kos-kos langsung lain untuk menghasilkan aset tersebut kepada keadaan ia berfungsi sepertimana yang dirancang. Kos juga termasuk kos untuk meleraikan dan mengalihkan aset dan memulihara kawasan di mana aset ditempatkan. Kos bagi aset yang dihasilkan sendiri termasuk kos bahan mentah dan buruh langsung. Bagi aset-aset yang memenuhi syarat, kos pembiayaan dipermodalkan menurut dasar perakaunan bagi kos pembiayaan.

Kos harta tanah, loji dan peralatan yang diambil kira semasa penggabungan perniagaan adalah berdasarkan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Nilai saksama adalah anggaran jumlah yang mana aset boleh dipindah milik antara pihak-pihak yang bersedia dan berpengetahuan di dalam urus niaga yang telus.

Kos mengantikan bahagian tertentu aset diambil kira dalam jumlah dibawa jika manfaat ekonomi pada masa hadapan berkemungkinan besar akan dialirkan kepada Kumpulan dan kos ini dapat diukur dengan pasti. Jumlah dibawa bagi aset atau bahagian yang diganti dinya iktiraf daripada penyata kewangan. Kos-kos harian dalam menyelenggara aset diambil kira dalam penyata pendapatan apabila ia dilaksanakan.

Harta tanah, loji dan peralatan yang tidak lagi digunakan secara aktif dan dipegang untuk dijual dipindahkan ke aset dipegang untuk dijual pada nilai yang lebih rendah antara nilai dibawa dengan nilai boleh realis bersih.

Keuntungan atau kerugian daripada penjualan sesuatu aset merupakan perbezaan antara hasil jualan dengan jumlah dibawa bagi aset yang dijual dan diambil kira sebagai pendapatan lain atau perbelanjaan lain dalam penyata pendapatan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (i) Hartanah, loji dan peralatan (*samb.*)

##### **Susut nilai**

Susut nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan atas asas garis lurus sepanjang tempoh usia guna aset. Tanah milik bebas tidak disusut nilai. Kerja dalam perlaksanaan tidak disusut nilai sehingga aset siap untuk digunakan.

##### (i) Hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai mengikut tempoh jangkaan usia guna berikut:

Bangunan	5 - 99 tahun
Pembaikan dan pengubahsuaihan bangunan	5 - 10 tahun
Jentera, loji dan kelengkapan	2 - 10 tahun
Peralatan dan perisian komputer	2 - 7 tahun
Kenderaan	4 - 10 tahun

##### (ii) Kos ladang merangkumi perbelanjaan pembangunan ladang yang telah matang dan disusut nilai dalam tempoh 21 hingga 25 tahun berdasarkan jadual anggaran hasil keluaran tahunan. Sesuatu ladang diisyiharkan matang apabila usia pohon kelapa sawit mencapai 36 bulan atau lebih pada permulaan tahun kewangan.

##### **Pelunasan**

Hak guna tanah dan hartaanah milik pajak dilunaskan mengikut tempoh pajakan seperti berikut:

Hak guna tanah	30 - 97 tahun
Tanah milik pajak	20 - 999 tahun
Bangunan milik pajak	50 tahun

#### (k) Aset pajakan

##### (i) Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan menanggung sebahagian besar risiko dan menerima ganjaran daripada pemilikan pajakan adalah pajakan kewangan. Pada permulaan pajakan, aset pajakan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dengan nilai semasa bayaran minimum pajakan. Selepas penilaian awal, aset tersebut diambil kira mengikut dasar perakaunan yang bersesuaian dengan aset tersebut.

Bayaran minimum pajakan yang dibuat di bawah pajakan kewangan, dibahagikan antara kos kewangan dengan pengurangan liabiliti tertunggak. Kos kewangan diagihkan sepanjang tempoh pajakan supaya menghasilkan kadar pulangan yang konstan sepanjang tempoh pajakan ke atas baki liabiliti yang masih tertunggak. Bayaran pajakan luar jangka diambil kira dengan meminda bayaran minimum pajakan sepanjang tempoh pajakan yang masih ada apabila pelarasian pajakan disahkan.

Tanah milik pajak yang pada dasarnya adalah pajakan kewangan dikelaskan sebagai hartaanah, loji dan peralatan.

##### (ii) Pajakan operasi

Pajakan yang mana Kumpulan tidak menanggung sebahagian besar risiko dan manfaat dari pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan aset pajakan tidak diambil kira dalam penyata kedudukan kewangan.

Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam penyata pendapatan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada perbelanjaan keseluruhan sepanjang tempoh pajakan. Sewa luar jangka diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh ia ditanggung.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (I) Dana Takaful

##### (i) Dana Takaful Keluarga

Dana Takaful Keluarga adalah dana yang disumbang oleh:

- (i) Takaful Keluarga;
- (ii) Takaful Keluarga Berkelompok; dan
- (iii) Takaful Semula Keluarga.

Dana Takaful Keluarga diselenggarakan bersesuaian dengan kehendak Akta Takaful (Pindaan), 1984 dan termasuk jumlah milik peserta-peserta yang merupakan bahagian peserta-peserta daripada lebahan menaja jamin dan pulangan pelaburan, yang mana sesuai dan boleh dianggarkan mengikut terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Kumpulan.

Pindahan lebahan daripada Dana Takaful Keluarga kepada penyata pendapatan dikira berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang telah ditetapkan daripada lebahan menaja jamin dan pulangan pelaburan.

#### *Pendapatan sumbangan*

Sumbangan daripada peserta-peserta diambil kira apabila jumlahnya dapat dikira dengan jelas. Sumbangan awal diambil kira dari tarikh tanggungan risiko dan sumbangan seterusnya diambil kira apabila tanggungan risiko seterusnya bermula. Bagi sumbangan takaful keluarga individu, jumlah sumbangan yang diambil kira adalah sehingga satu jumlah terhutang.

Pada akhir tahun kewangan, kesemua sumbangan yang perlu diiktiraf, akan diiktiraf ke tahap ianya dapat dikira dengan pasti.

#### *Rizab aktuari*

Rizab aktuari merangkumi rizab sumbangan tidak diperoleh dan rizab yang dikira mengikut penilaian sumbangan bersih seperti yang dijelaskan di bawah:

##### (i) Rizab sumbangan yang belum diperolehi

Rizab sumbangan yang belum diperolehi untuk dana takaful keluarga berkelompok (kecuali produk Mortgage Reducing Term Takaful (“MRTT”)) dan dana takaful semula keluarga mewakili bahagian sumbangan bersih daripada sijil-sijil takaful yang belum tamat tempoh pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan rizab sumbangan tidak terperoleh pada tarikh penyata kedudukan kewangan, kaedah paling tepat untuk menggambarkan sumbangan sebenar yang belum diperolehi digunakan, ialah seperti berikut:

- (a) Kaedah 1/365 untuk kesemua Dana Takaful Keluarga Berkelompok di Malaysia
- (b) Asas pro-rata berdasarkan kaedah pembahagian masa untuk Dana Takaful Semula Keluarga

##### (ii) Penilaian sumbangan bersih

Tanggungan aktuari bagi produk MRTT yang diuruskan di bawah dana keluarga berkelompok dan Akaun Khas Peserta-peserta Biasa (“PSA”) adalah dikira mengikut penilaian kaedah sumbangan bersih (“NCV”). Tanggungan ditentukan dengan menolak nilai semasa sumbangan bersih masa hadapan daripada nilai semasa jumlah berisiko masa hadapan. Seperti semua unjurian, terdapat elemen ketidaktentuan dan unjurian tanggungan mungkin berbeza daripada yang sebenar.

Ketidaktentuan timbul daripada perubahan dalam risiko-risiko berkaitan, perubahan dalam tebaran risiko, pola penyelesaian tuntutan serta ketidaktentuan dalam model unjurian dan andaian-andaian yang digunakan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (I) Dana Takaful (*samb.*)

##### (i) Dana Takaful Keluarga (*samb.*)

###### *Peruntukan bagi tuntutan tertunggak*

Tuntutan dan peruntukan bagi tuntutan yang timbul daripada sijil-sijil keluarga dan keluarga berkelompok, termasuk kos-kos penyelesaian diambil kira berdasarkan kaedah asas kes dan bagi tujuan ini, manfaat-manfaat belum bayar diiktiraf seperti berikut:

- (i) Sijil-sijil yang matang atau bayaran manfaat yang perlu dibayar pada suatu tarikh khusus dianggap sebagai tuntutan belum bayar pada tarikh tersebut.
- (ii) Kematian, serahan dan manfaat-manfaat lain tanpa tarikh khusus dianggap sebagai tuntutan belum bayar pada tarikh penerimaan makluman kematian peserta atau berlakunya kejadian yang dilindungi.
- (iii) Bagi perniagaan kesihatan berkelompok, peruntukan dibuat mengikut kos tuntutan, bersama-sama dengan perbelanjaan yang berkaitan, yang berlaku tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik oleh aktuari bertauliah di mana data tuntutan masa terdahulu digunakan untuk mengunjurkan tuntutan masa hadapan. Seperti semua unjuran, terdapat elemen ketidaktentuan dan unjuran tuntutan mungkin berbeza daripada yang sebenar.

Ketidaktentuan timbul daripada perubahan dalam risiko-risiko berkaitan, perubahan dalam tebaran risiko, pola penyelesaian tuntutan serta ketidaktentuan dalam model unjuran dan andaian-andaian yang digunakan.

##### (ii) Dana Takaful Am

Dana Takaful Am diselenggara bersesuaian dengan kehendak Akta Takaful (Pindaan), 1984 dan ianya terdiri daripada:

- (i) Takaful Am; dan
- (ii) Takaful Semula Am.

Hasil menaja jamin takaful am ditentukan berdasarkan kelas perniagaan takaful selepas mengambil kira takaful semula, sumbangan belum terima, tuntutan-tuntutan dan perbelanjaan pengurusan.

###### *Pendapatan sumbangan*

Sumbangan daripada peserta-peserta diambil kira pada tahun kewangan bagi risiko-risiko yang ditanggung pada satu-satu tahun kewangan berdasarkan tarikh permulaan tanggungan risiko. Sumbangan untuk Takaful Semula "Inward Treaty" diambil kira berdasarkan makluman yang diterima dari semasa ke semasa daripada syarikat-syarikat pengendali takaful yang telah diberikan hak.

###### *Rizab sumbangan yang belum diperolehi*

Rizab sumbangan yang belum diperolehi mewakili bahagian sumbangan bersih daripada sijil-sijil takaful yang belum tamat tempoh pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan rizab sumbangan yang belum diperolehi pada tarikh penyata kedudukan kewangan, kaedah paling tepat yang digunakan untuk menggambarkan sumbangan sebenar yang belum diperolehi adalah seperti berikut:

- (i) Kaedah 1/365 untuk kesemua Dana Takaful Am di Malaysia
- (ii) Kaedah 1/8 untuk kesemua kelas Dana Takaful Semula Am "Inward Treaty".



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (l) Dana Takaful (samb.)

##### (ii) Dana Takaful Am (samb.)

###### *Peruntukan bagi tuntutan tertunggak*

Tanggungan untuk tuntutan belum bayar diiktiraf bagi perniagaan takaful langsung. Jumlah tuntutan belum bayar adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan termasuk belanja-belanja berkaitan ditolak pemulihan, jika ada, untuk menyelesaikan tanggungan semasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Sebarang perbezaan antara kos yang dianggarkan dengan penyelesaian berikutnya diambilkira dalam akaun pendapatan takaful Kumpulan pada tahun penyelesaian dibuat.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan, yang berlaku tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik oleh aktuari bertauliah di mana sejarah tuntutan terdahulu digunakan untuk mengunjurkan tuntutan masa hadapan. Seperti semua unjurian, terdapat elemen ketidaktentuan dan unjurian tuntutan mungkin berbeza daripada yang sebenar. Ketidaktentuan timbul daripada perubahan dalam risiko-risiko berkaitan, perubahan dalam tebaran risiko, pola penyelesaian tuntutan serta ketidaktentuan dalam model unjurian dan andaian-andaian yang digunakan.

#### (m) Aset tak ketara

##### (i) Muhibah

Muhibah merupakan lebihan kos pengambilalihan perniagaan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan. Muhibah tidak dilunaskan tetapi disemak setiap tahun untuk menentukan sama ada terdapat sebarang kerugian rosot nilai atau disemak dengan lebih kerap sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang boleh menjelaskan nilainya. Sebarang kerugian rosot nilai jika ada, dikenakan kepada penyata pendapatan. Sebarang kerugian rosot nilai yang telah dikenakan kepada penyata pendapatan tidak boleh dibalikkan.

##### (ii) Aset tak ketara lain

Aset tak ketara lain merangkumi deposit teras tak ketara, perhubungan pelanggan dan jenama yang timbul daripada pengambilalihan perniagaan perbankan dan takaful. Ia dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus antara 10 hingga 12 tahun.

#### (n) Rosot nilai

##### (i) Aset kewangan

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan Kumpulan menyemak sama ada terdapatnya bukti-bukti objektif akan adanya rosot nilai terhadap aset-aset pembiayaan dan penerimaan, sekuriti dipegang sehingga matang atau sekuriti tersedia untuk dijual. Aset kewangan dirosot nilai dan kerugian rosot nilai dikenakan hanya jika bukti-bukti objektif akan adanya rosot nilai telah wujud disebabkan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset kewangan dan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan yang mempunyai kesan terhadap anggaran aliran tunai hadapan dari aset kewangan tersebut yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Sesuatu pembiayaan dari aktiviti perbankan dikelaskan sebagai dirosot nilai apabila jumlah pokok atau keuntungan atau kedua-duanya telah melebihi tempoh tiga (3) bulan atau lebih atau jika jumlah tunggakan adalah kurang daripada tiga (3) bulan, pembiayaan tersebut menunjukkan tanda-tanda kelemahan kredit.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (n) Rosot nilai (*samb.*)

##### (i) Aset kewangan (*samb.*)

Bagi aset pembiayaan dan penerimaan, Kumpulan menyemak sama ada terdapatnya bukti-bukti objektif akan adanya rosot nilai secara individu bagi pembiayaan dan penerimaan dalam jumlah yang signifikan secara individu, dan secara kolektif bagi pembiayaan dan penerimaan dalam jumlah yang tidak signifikan secara individu. Jika Kumpulan mendapati bahawa tidak terdapat bukti-bukti objektif akan adanya rosot nilai bagi pembiayaan dan penerimaan yang dibuat secara individu sama ada signifikan atau tidak, aset-aset ini disatukan pula mengikut risiko kredit yang serupa dan secara kolektif menyemak sama ada terdapatnya rosot nilai. Pembiayaan dan penerimaan yang disemak secara individu dan yang mana kerugian rosot nilai telah atau masih dirosot nilai tidak disatukan di dalam semakan secara kolektif.

Jumlah kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah dibawa berbanding nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif yang asal. Jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Apabila pembiayaan tidak dapat dikutip, ianya dihapus kira terhadap eluan rosot nilai. Pembiayaan ini dihapus kira selepas kesemua prosedur yang perlu diambil telah diselesaikan dan jumlah kerugian dapat dipastikan. Jika jumlah yang telah dihapus kira dapat diperoleh semula, jumlah tersebut dikreditkan ke penyata pendapatan. Jika pada tahun berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan dapat dihubungkait secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf dibalikkan kepada penyata pendapatan.

Bagi sekuriti ekuiti tersedia untuk dijual, penurunan dalam jumlah yang signifikan dan berpanjangan dalam nilai saksama yang lebih rendah dari kos juga diambil kira dalam menentukan sama ada wujudnya rosot nilai. Jika wujudnya bukti-bukti akan adanya rosot nilai, kerugian yang telah diiktiraf dalam ekuiti dikeluarkan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Bagi sekuriti hutang yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual, rosot nilai disemak berdasarkan kriteria yang sama dengan aset kewangan lain. Rosot nilai sekuriti hutang yang dibalikkan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Rosot nilai sekuriti ekuiti yang dibalikkan tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan. Peningkatan dalam nilai saksama sekuriti ekuiti selepas dirosot nilai diiktiraf dalam ekuiti.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti-bukti objektif akan adanya rosot nilai bagi aset-aset kewangan termasuk yang berikut:

- (i) Masalah kewangan yang signifikan yang dihadapi oleh penerbit instrumen kewangan;
- (ii) Pelanggaran kontrak, seperti kegagalan membayar jumlah keuntungan atau pokok dalam jangka masa panjang;
- (iii) Peminjam mengalami kebankrapan, atau penggulungan operasi perniagaan/muflis atau penyusunan semula kedudukan kewangan;
- (iv) Penurunan taraf berturut-turut sehingga dua tahap oleh agensi penarafan luar.

##### (ii) Aset-aset lain

Jumlah dibawa bagi aset-aset lain disemak pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk akan adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, jumlah boleh diperoleh akan dianggarkan.

Jumlah boleh diperoleh adalah jumlah yang lebih tinggi antara nilai penggunaan berbanding nilai saksama tolak kos jual. Dalam menentukan nilai penggunaan, jangkaan aliran tunai hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa kini dan risiko-risiko khusus aset tersebut.

Rosot nilai aset akan diiktiraf apabila jumlah dibawa bagi aset atau unit yang menghasilkan aliran tunai melebihi jumlah boleh diperoleh. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (n) Rosot nilai (samb.)

##### (ii) Aset-aset lain (samb.)

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf pada tahun-tahun terdahulu disemak semula pada tarikh kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada kerugian rosot nilai telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai hanya akan dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperoleh. Kerugian rosot nilai dibalikkan setakat jumlah dibawa bagi aset berkaitan, selepas ditolak susut nilai atau pelunasan, seolah-olah tiada kerugian rosot nilai pernah diiktiraf terhadap aset tersebut.

#### (o) Peruntukan

Peruntukan dibuat jika Kumpulan mempunyai obligasi secara sah dan konstruktif dan yang boleh dianggarkan dengan pasti disebabkan peristiwa yang telah berlaku dan ia berkemungkinan akan mengakibatkan aliran keluar sumber-sumber ekonomi untuk menyelesaikan obligasi.

#### (p) Pajakan kewangan

Hartanah, loji dan peralatan yang dimiliki melalui pajakan kewangan dipermodalkan dan disusut nilai sepertimana aset-aset lain milik Kumpulan seperti dinyatakan dalam Nota 3(j) dan obligasi sepadan berkaitan dengan baki bayaran pokok diperakaunkan sebagai liabiliti. Kos pembiayaan dikenakan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan supaya menghasilkan kadar caj yang konstan terhadap baki obligasi bagi setiap tempoh perakaunan.

#### (q) Pendapatan tertunda

Pendapatan tertunda adalah pemberian langsung oleh Kerajaan untuk pembinaan Kompleks Jemaah Haji di Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu, Sabah dan dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Kos dilunaskan selama 50 tahun berdasarkan anggaran usia guna Kompleks Jemaah Haji berkenaan.

#### (r) Manfaat kakitangan

##### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan Kumpulan dan **TH**. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan yang akan meningkatkan kelayakan kakitangan ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku.

##### (ii) Pelan caruman tetap

Kumpulan dan **TH** membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diiktiraf untuk kakitangan. Caruman ini merupakan pelan caruman tetap yang mana caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa dalam penyata pendapatan. Apabila pelan caruman tetap telah dibayar, Kumpulan dan **TH** tidak lagi menanggung liabiliti tambahan.

Kumpulan dan **TH** menerima pakai FRS 119 - Manfaat Pekerja, iaitu bayaran manfaat kakitangan jangka panjang serta dibayar selepas persaraan perlu diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai bayaran manfaat kakitangan dan dalam penyata kedudukan kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Manfaat Persaraan.

Subsidiari Kumpulan di Indonesia menyediakan peruntukan manfaat persaraan berdasarkan Undang-undang Ketenagakerjaan No. 13/2003 bertarikh 25 Mac 2003. Keuntungan atau kerugian aktuari diambil kira sebagai pendapatan atau perbelanjaan jika keuntungan atau kerugian terkumpul aktuari melebihi 10% dari nilai liabiliti kini. Keuntungan atau kerugian aktuari yang melebihi 10% dilunaskan sepanjang baki tempoh perkhidmatan kakitangan dengan menggunakan kaedah garis lurus.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (r) Manfaat kakitangan (*samb.*)

##### (ii) Pelan caruman tetap (*samb.*)

Liabiliti berkaitan peruntukan manfaat persaraan adalah nilai semasa peruntukan manfaat persaraan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Peruntukan ini merangkumi semua anggota bertaraf tetap yang masih dalam perkhidmatan. Bayaran manfaat persaraan kepada anggota adalah berdasarkan gaji terakhir dan tempoh perkhidmatan. Kos manfaat persaraan ini dikenakan kepada penyata pendapatan untuk menalarkan kos sepanjang tempoh perkhidmatan anggota berdasarkan penilaian aktuari.

##### (iii) Manfaat jangka panjang

Pengiraan kos manfaat persaraan dilaksanakan berdasarkan pengiraan aktuari bertauliahan dengan menggunakan kaedah “Projected Unit Credit Method”. Faktor yang diambil kira adalah anggaran aliran tunai hadapan, kadar hasil pasaran sekuriti kerajaan yang mempunyai tempoh matang yang hampir sama dengan tempoh liabiliti berkaitan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Jenis-jenis manfaat persaraan jangka panjang yang diiktiraf secara akruan ini adalah seperti berikut:

- i. Manfaat perubatan pesara;
- ii. Bayaran ganjaran cuti rehat tahunan pesara;
- iii. Bayaran gratuiti kepada kakitangan yang bekerja di Jeddah, Arab Saudi yang tamat tempoh perkhidmatan; dan
- iv. Bayaran menuaikan haji untuk pesara.

Polisi Kumpulan adalah melaksanakan penilaian aktuari setiap 3 tahun.

#### (s) Mata wang asing

##### (i) Transaksi dan baki dalam mata wang asing

Dalam penyediaan penyata kewangan setiap entiti, transaksi dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian setiap entiti masing-masing menggunakan kadar tukaran pada tarikh urus niaga dilaksanakan.

Aset dan liabiliti kewangan dalam nilai mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian pada kadar penutup tukaran asing pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penyelesaian atau penterjemahan aset dan liabiliti kewangan pada tarikh kedudukan kewangan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Aset dan liabiliti bukan kewangan pada nilai mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada tarikh pelaporan kecuali aset dan liabiliti bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama yang diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Perbezaan tukaran asing yang timbul daripada penterjemahan semula diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali perbezaan yang timbul daripada penterjemahan semula instrumen ekuiti tersedia untuk dijual yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

##### (ii) Operasi luar negara

Aset dan liabiliti bagi operasi dalam nilai mata wang selain Ringgit Malaysia, termasuk pelarasaran nilai saksama yang timbul dari penyatuhan, diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang disiarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi luar negara diterjemah kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran purata sepanjang tempoh pelaporan. Perbezaan tukaran asing yang timbul dari terjemahan operasi luar negara diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain di bawah rizab tukaran asing.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (t) Pengiktirafan pendapatan

##### (i) Pendapatan pelaburan

Keuntungan dari pelaburan yang menurut hukum-hukum syarak diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara akru.

Dividen dari pelaburan diiktiraf secara akru apabila hak untuk menerima dividen adalah pasti dan disahkan oleh pendaftar syarikat.

Keuntungan atas urus niaga saham, sekuriti hutang, instrumen kewangan, simpanan di pasaran wang dan pendapatan sewa diambil kira atas dasar terakru.

Pendapatan daripada sumber bukan mengikut Syariah tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan, sejajar dengan garis panduan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Pendapatan ini diambil kira dalam penyata kedudukan kewangan.

##### (ii) Pendapatan pembiayaan

Pendapatan pembiayaan diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif. Kadar keuntungan efektif adalah kadar yang digunakan untuk mendiskaunkan anggaran bayaran atau terimaan tunai hadapan untuk sepanjang jangkaan tempoh instrumen kewangan atau, jika sesuai, tempoh yang lebih pendek kepada nilai dibawa bersih bagi instrumen kewangan. Untuk mengira kadar keuntungan efektif, Kumpulan mengambil kira kesemua syarat-syarat kontrak instrumen kewangan tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa hadapan. Pengiraan ini adalah termasuk kesemua fi dan kos transaksi yang penting kepada pengiraan kadar keuntungan efektif, termasuk sebarang premium atau diskau.

Apabila aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan diturun nilai disebabkan kerugian rosot nilai, pendapatan diiktiraf menggunakan kadar keuntungan yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai hadapan bagi tujuan pengiraan kerugian rosot nilai.

##### (iii) Barang dan perkhidmatan

Pendapatan daripada penjualan barang melalui urusan perniagaan yang lazim, dikira pada nilai saksama harga jualan yang diterima, bersih setelah ditolak pulangan, diskau perniagaan dan rebat bagi jumlah yang dijual. Pendapatan diiktiraf apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan barang telah dipindahkan kepada pembeli.

Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksanakan. Apabila hasil dari urus niaga itu tidak dapat dianggarkan secara tepat, pendapatan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf yang dapat diperoleh semula.

##### (iv) Kontrak pembinaan

Pendapatan kontrak pembinaan adalah termasuk jumlah awal yang dipersetujui mengikut kontrak ditambah sebarang pertambahan dalam kerja-kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif setakat ia berkemungkinan akan mendatangkan hasil dan dapat dikira dengan pasti. Apabila hasil kontrak pembinaan dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan dan perbelanjaan pembinaan diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut nisbah peringkat siap kontrak tersebut.

Peringkat siap dinilai dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung untuk kerja-kerja kontrak sehingga kini yang menunjukkan kerja-kerja yang telah dilakukan berbanding jumlah anggaran keseluruhan kos kontrak.

Apabila hasil daripada kontrak pembinaan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan pembinaan diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung yang berkemungkinan akan dapat diperoleh. Jangkaan kerugian bagi sesuatu kontrak diiktiraf dalam penyata pendapatan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 3. Dasar perakaunan penting (*samb.*)

#### (t) Pengiktirafan pendapatan (*samb.*)

##### (v) Pembangunan harta tanah

Pendapatan daripada aktiviti pembangunan harta tanah diiktiraf menggunakan kaedah peratusan siap yang diukur dengan merujuk kepada bahagian kos pembangunan harta tanah yang terlibat dalam kerja-kerja yang dijalankan berbanding anggaran keseluruhan kos pembangunan harta tanah. Apabila hasil daripada aktiviti pembangunan harta tanah tidak dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan pembangunan harta tanah diiktiraf hanya setakat kos pembangunan harta tanah yang ditanggung yang berkemungkinan akan diperoleh semula, dan kos pembangunan harta tanah bagi unit pembangunan yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia ditanggung.

Sebarang jangkaan kerugian bagi projek pembangunan, termasuk kos yang ditanggung semasa tempoh kecacatan, diambil kira serta merta kepada penyata pendapatan.

Pendapatan daripada penjualan tanah diiktiraf apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan tanah telah berpindah kepada pembeli.

##### (vi) Fi dan pendapatan perbankan lain

Fi daripada perkhidmatan kemudahan pembiayaan, pengurusan dan penyertaan, komisen menaja jamin dan fi pemberokeran diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan kontrak perjanjian. Fi daripada aktiviti khidmat nasihat dan kewangan korporat diiktiraf bersih selepas cukai perkhidmatan dan diskau apabila setiap peringkat tugasannya selesai.

##### (u) Kos pembiayaan

Kesemua kos pembiayaan diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah pulangan efektif, sepanjang tempoh kos pembiayaan dikenakan kecuali kos yang dipermodalkan yang berkait langsung dengan pemilikan, pembinaan atau penghasilan aset yang mengambil masa yang panjang untuk disiapkan bagi tujuan yang dirancangkan.

Pemodalan kos pembiayaan sebagai sebahagian daripada kos aset yang memenuhi syarat bermula apabila perbelanjaan bagi aset tersebut ditanggung. Kos pembiayaan ditanggung bagi aktiviti-aktiviti yang sedang dilaksanakan untuk menyiapkan aset bagi tujuan yang dirancang atau untuk dijual. Pemodalan kos pembiayaan dihentikan sementara atau ditamatkan apabila sebahagian besar aktiviti-aktiviti yang perlu untuk menyiapkan aset tersebut tergenda atau telah selesai.

Pendapatan pelaburan yang diterima semasa pelaburan sementara dibuat ditolak daripada kos pembiayaan yang dipermodalkan.

##### (v) Rizab Penyamaan Keuntungan (“PER”)

PER merujuk kepada jumlah yang diasingkan daripada atau diambil semula kepada jumlah keseluruhan pendapatan kasar untuk mengawal turun naik kadar keuntungan boleh dibayar kepada pendeposit. Ia mematuhi “Rangka Kerja Kadar Pulangan” atau BNM/GP2-i yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. PER dinyatakan di bawah liabiliti lain Kumpulan.

##### (w) Cukai

Mulai tahun taksiran 2012 hingga 2016, **TH** telah diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan kecuali dividen di peringkat statutori menurut seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai pendapatan syarikat subsidiari atas keuntungan yang boleh dicukai terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan cukai pendapatan berbayar berdasarkan keuntungan boleh dicukai tahun semasa dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan.



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 3. Dasar perakaunan penting (samb.)

#### (w) Cukai (samb.)

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan setakat terdapatnya kemungkinan akan adanya keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak memberikan kesan kepada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah termaktub pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

#### (x) Aset bukan semasa yang dipegang untuk dijual

Aset bukan semasa (atau sekumpulan aset) dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk dijual jika jumlah dibawa akan diperoleh semula terutamanya melalui urus niaga penjualan berbanding penggunaan berterusan.

Pengelasan ini hanya boleh dilakukan jika urusan penjualan berkemungkinan tinggi akan dilaksanakan dan aset tersebut (atau sekumpulan aset) dapat dijual dengan serta-merta dalam keadaan sedia ada tertakluk kepada terma-terma dan penggunaan lazim.

Sejurus sebelum pengelasan kepada aset dipegang untuk dijual, aset ini (atau sekumpulan aset) dinilai semula mengikut dasar perakaunan yang bersesuaian. Aset ini (atau sekumpulan aset) kemudiannya dinyatakan pada jumlah yang lebih rendah antara jumlah dibawa dengan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Perbezaan diiktiraf dalam pendapatan.

Satu komponen di dalam Kumpulan dikelaskan sebagai operasi dihentikan apabila kriteria untuk dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual telah dipenuhi atau aset tersebut telahpun dijual dan komponen tersebut merupakan satu aliran perniagaan yang utama atau beroperasi di kawasan geografi yang berasingan atau subsidiari yang diambil alih dengan tujuan untuk dijual semula.

### 4. Perubahan pembentangan penyata kewangan disatukan

Dasar perakaunan seperti dinyatakan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan telah diterima pakai dalam penyediaan penyata kewangan berakhir 31 Disember 2012, angka-angka perbandingan yang ditunjukkan dalam penyata kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan penyata kedudukan Kumpulan pada 1 Januari 2011.

Angka-angka perbandingan di dalam penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan telah dicatat semula berikutan perubahan yang dilaksanakan oleh kumpulan perbankan dan takaful yang memberi kesan terhadap penyata kewangan Kumpulan seperti berikut:

#### a) FRS 139 Financial Instruments - Recognition and Measurement

Bank Negara Malaysia (BNM) telah meminda garis panduan berkaitan pengelasan dan peruntukan rosot nilai pembiayaan agar setara dengan kaedah penetapan peruntukan rosot nilai secara kolektif yang ditetapkan oleh FRS 139. Peruntukan peralihan yang dibenarkan di bawah garis panduan BNM sebelum ini telah dimansuhkan berkuat kuasa 1 Januari 2012.

Pembiayaan dan pendahuluan yang secara individu tidak signifikan disemak secara kolektif menggunakan kaedah kerugian ditanggung. Jika telah dipastikan bahawa tiada bukti objektif yang menunjukkan rosot nilai wujud bagi pembiayaan yang disemak secara individu atau pembiayaan yang disemak secara individu tidak mengakibatkan peruntukan rosot nilai, pembiayaan tersebut disatukan dalam pembiayaan berkumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa untuk disemak secara kolektif. Aliran tunai hadapan bagi setiap pembiayaan berkumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa dianggarkan berdasarkan pengalaman dari kerugian yang pernah berlaku untuk aset yang serupa dan didiskaunkan kepada nilai semasa. Peruntukan rosot nilai kolektif dibuat terhadap sebarang kekurangan dalam aliran tunai hadapan yang didiskaunkan berbanding jumlah dibawa bagi pembiayaan berkumpulan yang berkaitan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (*samb.*)

### 4. Perubahan pembentangan penyata kewangan disatukan (*samb.*)

#### a) FRS 139 *Financial Instruments - Recognition and Measurement* (*samb.*)

Penerimaan pakai dasar perakaunan ini telah diperakaunkan secara retrospektif dan peruntukan rosot nilai secara kolektif yang diambil kira dalam penyata pendapatan Kumpulan telah dinyatakan semula. Sehubungan itu, jumlah rizab keuntungan terkumpul dan jumlah pembiayaan di dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan juga telah dinyatakan semula.

Ringkasan impak kewangan yang timbul daripada perubahan kaedah penetapan peruntukan rosot nilai daripada garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM kepada kaedah yang ditetapkan oleh FRS139 terhadap penyata kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	Pada 1.1.2011 RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000
<b>PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN</b>		
Pembiayaan:		
Dinyatakan sebelum ini	11,861,094	14,144,423
Kesan perubahan kaedah perakaunan	(2,032)	20,867
Dinyatakan semula	<u>11,859,062</u>	<u>14,165,290</u>
Tuntutan semula cukai:		
Dinyatakan sebelum ini	125,661	122,900
Kesan perubahan kaedah perakaunan	508	508
Dinyatakan semula	<u>126,169</u>	<u>123,408</u>
Peruntukan zakat dan cukai:		
Dinyatakan sebelum ini	182,567	162,886
Kesan perubahan dasar perakaunan	-	5,725
Dinyatakan semula	<u>182,567</u>	<u>168,611</u>
Rizab keuntungan terkumpul:		
Dinyatakan sebelum ini	1,624,108	855,448
Kesan perubahan dasar perakaunan	(1,059)	10,814
Dinyatakan semula	<u>1,623,049</u>	<u>866,262</u>
Kepentingan minoriti:		
Dinyatakan sebelum ini	2,067,431	2,410,873
Kesan perubahan dasar perakaunan	(465)	4,836
Dinyatakan semula	<u>2,066,966</u>	<u>2,415,709</u>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 4. Perubahan pembentangan penyata kewangan disatukan (samb.)

#### a) *FRS 139 Financial Instruments - Recognition and Measurement* (samb.)

Bagi tahun berakhir  
31 Disember 2011

#### PENYATA PENDAPATAN

Rosot nilai dan hapus kira:

Dinyatakan sebelum ini	76,534
Kesan perubahan dasar perakaunan	(22,899)
<hr/>	<hr/>
Dinyatakan semula	53,635

Cukai:

Dinyatakan sebelum ini	204,092
Kesan perubahan dasar perakaunan	5,725
<hr/>	<hr/>
Dinyatakan semula	209,817

Kepentingan minoriti:

Dinyatakan sebelum ini	328,589
Kesan perubahan dasar perakaunan	5,301
<hr/>	<hr/>
Dinyatakan semula	333,890

#### b) *FRS 127 Consolidated and Separate Financial Statements*

FRS 127 mengehendaki entiti-entiti yang menyediakan penyata kewangan disatukan untuk menggabungkan setiap barisan item penyata kewangan entiti pemegangan pelaburan dengan syarikat-syarikat subsidiari dengan mencampurkan setiap item aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan dan perbelanjaan.

Sebelum ini, penyata kewangan kumpulan takaful disediakan menurut garis panduan Bank Negara Malaysia berkaitan pelaporan kewangan, di mana syarikat yang mengendalikan perkhidmatan takaful perlu melaporkan secara berasingan aset dan liabiliti bagi setiap dana takaful. Kumpulan telah membentangkan aset dan liabiliti dana takaful di dalam penyata kewangan yang disatukan berdasarkan jumlah keseluruhan “Aset dana takaful am dan keluarga”, “Liabiliti dana takaful am dan keluarga” dan “Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan keluarga”.

Kumpulan telah mengubah pembentangan aset dan liabiliti yang membentuk sebahagian daripada dana takaful di dalam penyata kewangan yang disatukan. Kesan dari perubahan ini adalah seperti berikut:

- i) Barisan yang menunjukkan “Aset dana takaful am dan keluarga”, “Liabiliti dana takaful am dan keluarga” dan “Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan keluarga” telah dikeluarkan daripada penyata kedudukan Kumpulan.
- ii) Pewujudan dua barisan item baru di dalam penyata kewangan disatukan, “Aset takaful” dan “Liabiliti takaful”.
- iii) Aset dan liabiliti lain di bawah dana takaful disatukan di dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan mengikut setiap barisan item yang berkaitan.

Pengkelasan semula aset dan liabiliti dana takaful tidak memberi impak kewangan terhadap penyata kewangan Kumpulan.

Kesan daripada perubahan-perubahan seperti yang dinyatakan di atas ditunjukkan dengan terperinci di dalam Nota 53 kepada penyata kewangan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 5. Tunai dan bersamaan tunai

Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen  
Tunai dan baki di bank  
Wang panggilan dan simpanan antara bank dengan tempoh matang  
tidak melebihi satu bulan

	Kumpulan		<b>TH</b>	
	2012 RM'000	2011 RM'000		
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen	4,891,542	6,504,469	<b>5,038,732</b>	6,879,502
Tunai dan baki di bank	1,553,168	1,233,078	<b>173,198</b>	148,994
Wang panggilan dan simpanan antara bank dengan tempoh matang tidak melebihi satu bulan	834,646	2,875,187	—	—
	<b>7,279,356</b>	10,612,734	<b>5,211,930</b>	7,028,496

Tunai dan bersamaan tunai adalah di dalam mata wang berikut:

Ringgit Malaysia  
Rial Saudi  
Rupiah Indonesia  
Pound Sterling  
Dolar Amerika

	Kumpulan		<b>TH</b>	
	2012 RM'000	2011 RM'000		
Ringgit Malaysia	7,075,332	10,518,416	<b>5,147,751</b>	6,967,180
Rial Saudi	48,489	61,316	<b>47,155</b>	61,316
Rupiah Indonesia	64,987	33,002	—	—
Pound Sterling	44,632	—	<b>17,015</b>	—
Dolar Amerika	45,916	—	9	—
	<b>7,279,356</b>	10,612,734	<b>5,211,930</b>	7,028,496

Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen dan tunai dan baki di bank milik Kumpulan dan **TH** adalah termasuk pelaburan dalam simpanan jangka pendek dan tunai dan baki di bank milik TKJHM dan TWT sebanyak RM263,790,000 (2011: RM226,853,000).

Tunai dan baki di bank milik Kumpulan termasuk RM5,002,000 (2011: RM26,569,000) yang dipegang menurut Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2002.

Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen bagi Kumpulan dan **TH** mendapat margin keuntungan di antara 1.00% hingga 3.60% (2011: 1.00% hingga 4.00%).

Tunai dan baki di bank milik Kumpulan termasuk RM6,498,000 (2011: RM6,584,000) yang dicagarkan kepada bank untuk kemudahan jaminan bank.

### 6. Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Bank-bank berlesen	519,646	1,692,220

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 7. Aset/(Liabiliti) derivatif

Kumpulan 2012	Prinsipal RM'000	Nilai saksama	
		Aset RM'000	Liabiliti RM'000
Kontrak hadapan	680,789	2,523	(1,365)
Waran tercatat	11,521	9,066	–
Tukaran kadar keuntungan	1,434,000	12,200	(10,961)
Deposit berstruktur	114,095	2,013	(2,013)
	<b>2,240,405</b>	<b>25,802</b>	<b>(14,339)</b>
 2011			
Kontrak hadapan	1,684,899	5,589	(4,854)
Waran tercatat	9,820	12,945	–
<i>Cross currency profit rate swap</i>	171,740	7,549	(7,509)
Tukaran kadar keuntungan	500,000	–	(8,197)
Deposit berstruktur	137,005	2,739	(2,739)
	<b>2,503,464</b>	<b>28,822</b>	<b>(23,299)</b>
 <b>TH</b> <b>2012</b>			
Waran tercatat	<b>11,521</b>	<b>9,066</b>	<b>–</b>
 2011			
Waran tercatat	9,820	12,945	–

### 8. Sekuriti dipegang untuk dagangan

<i>Pada nilai saksama</i>	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Sekuriti tercatat</b>		
Saham	<b>72,832</b>	60,998
Unit amanah	<b>29,580</b>	25,971
	<b>102,412</b>	86,969
 <b>Sekuriti tak tercatat</b>		
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	<b>20,190</b>	71,804
Nota Boleh Runding Bank Negara	<b>846,786</b>	1,116,264
Sekuriti Hutang Islam	<b>742,865</b>	54,549
Bil Perbendaharaan Islam Malaysia	<b>9,807</b>	–
Kertas Dagangan Islam	<b>49,884</b>	9,852
Dana pelaburan	<b>59,662</b>	63,906
	<b>1,729,194</b>	1,316,375
	 <b>1,831,606</b>	 1,403,344

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (samb.)

### 9. Sekuriti tersedia untuk dijual

#### *Pada nilai saksama*

##### Saham

Saham tercatat

*Tolak* : Rosot nilai tahun semasa

Pengurus tabungan

Saham tak tercatat

*Tolak* : Rosot nilai tahun semasa

##### Sekuriti Hutang

Sekuriti hutang kerajaan

Sekuriti hutang korporat

*Tolak* : Rosot nilai tahun semasa

##### Aset Kewangan Lain

Unit amanah

Sijil hutang boleh niaga Islam

Nota korporat

	Kumpulan		TH	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000

Saham tercatat	8,870,075 (62,549)	7,892,912 (68,423)	8,352,854 (62,549)	7,597,114 (68,423)
Pengurus tabungan	8,807,526	7,824,489	8,290,305	7,528,691

Saham tak tercatat	722,937	617,935	722,937	617,935
